



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Perutusan Darpada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 2)
PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN	(Halaman 2)
USUL: Di Bawah Peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5)	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024	(Halaman 55)
Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024	(Halaman 73)
Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024	(Halaman 84)

AHLI HADIR

1. Yang Berhormat Datuk Mutang Tagal [Tuan Yang di-Pertua]
2. “ Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Timbalan Tuan Yang di-Pertua]
3. “ Datuk Seri Diraja Dr. Zambry bin Abdul Kadir [Menteri Pengajian Tinggi]
4. “ Datuk Seri Amir Hamzah Azizan [Menteri Kewangan II]
5. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup]
6. “ Puan Saraswathy a/p Kandasami [Timbalan Menteri Perpaduan Negara]
7. “ Dr. Zulkifli bin Hasan [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)]
8. “ Dato’ Sri Ti Lian Ker
9. “ Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee
10. “ Tuan Ir. Md Nasir bin Hashim
11. “ Datuk Razali bin Idris
12. “ Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai
13. “ Puan Susan Chemerai Anding
14. “ Tuan Manolan bin Mohamad
15. “ Dato’ (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah
16. “ Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol
17. “ Datin Ros Suryati binti Alang
18. “ Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa
19. “ Dato’ Dr. Nelson A/L Renganathan
20. “ Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Haji Che Salleh
21. “ Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad
22. “ Tan Sri Dato’ Low Kian Chuan
23. “ Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan
24. “ Prof. Tan Sri Datuk Dr. Haji Mohamed Haniffa bin Haji Abdullah
25. “ Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli
26. “ Dato’ Sivaraj a/l Chandran
27. “ Tuan Mohd Hasbie bin Muda
28. “ Tuan Abun Sui Anyit
29. “ Tuan Roderick Wong Siew Lead
30. “ Puan Noorita binti Sual
31. “ Puan Anna Bell @ Suzieana binti Perian
32. “ Tuan Pele Peter Tinggom
33. “ Dato’ Haji Husain bin Awang (Terengganu)
34. “ Datuk Haji Aziz bin Ariffin

AHLI HADIR (*samb/-*)

- | | | |
|-----|----------------|--|
| 35. | Yang Berhormat | Tuan Seruandi bin Saad (Perlis) |
| 36. | “ | Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair (Negeri Sembilan) |
| 37. | “ | Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah (Negeri Sembilan) |
| 38. | “ | Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff (Kelantan) |
| 39. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 40. | “ | Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz (Kelantan) |
| 41. | “ | Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof (Perak) |
| 42. | “ | Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris (Kedah) |
| 43. | “ | Tuan Musoddak bin Ahmad (Kedah) |
| 44. | “ | Dato' Ajis bin Sitin (Pahang) |
| 45. | “ | Dato' Juhanis binti Abd Aziz (Pahang) |
| 46. | “ | Datuk Lim Pay Hen (Johor) |
| 47. | “ | Dato' Abdul Halim bin Suleiman (Johor) |
| 48. | “ | Datuk Bobbey Ah Fang Bin Suan (Sabah) |
| 49. | “ | Datuk Haji Mustafa bin Musa (Melaka) |
| 50. | “ | Datuk Wira Koh Nai Kwong |
| 51. | “ | Dr. Lingeswaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam (Pulau Pinang) |
| 52. | “ | Tuan Amir bin Md Ghazali (Pulau Pinang) |
| 53. | “ | Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim (Sarawak) |
| 54. | “ | Tuan Michael Mujah Lihan (Sarawak) |
| 55. | “ | Tuan Isaiah a/l D Jacob (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) |
| 56. | “ | Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya (Wilayah Persekutuan Putrajaya) |
| 57. | “ | Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman (Wilayah Persekutuan Labuan) |

AHLI TIDAK HADIR

- | | | |
|----|----------------|---|
| 1. | Yang Berhormat | Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Menteri Dalam Negeri] |
| 2. | “ | Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz [Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri] |
| 3. | “ | Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im bin Haji Mokhtar [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)] |
| 4. | “ | Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar (Perak) |
| 5. | “ | Datuk Noraini binti Idris (Sabah) |

**AHLI TIDAK HADIR
(DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 83)**

Yang Berhormat Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu

1.

HADIR BERSAMA

1. Yang Berhormat Dato' Sri Azalina Othman Said [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Pengerang)
2. “ Puan Fadhlina binti Sidek [Menteri Pendidikan] (Nibong Tebal)
3. “ Dr. Zaliha binti Mustafa [Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan)] (Sekijang)
4. “ Tuan Chan Foong Hin [Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi] (Kota Kinabalu)
5. “ Puan Lim Hui Ying [Timbalan Menteri Kewangan] (Tanjong)
6. “ Tuan Liew Chin Tong [Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri] (Iskandar Puteri)
7. “ Datuk Hajah Rubiah binti Haji Wang [Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah] (Kota Samarahan)
8. “ Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Timbalan Menteri Dalam Negeri] (Lenggong)
9. “ Tuan Wong Kah Woh [Timbalan Menteri Pendidikan] (Taiping)
10. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Haji Mohd Nasir [Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air] (Johor Bahru)
11. “ Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu [Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] (Sepang)
12. “ Datuk Ts. Mustapha Sakmud [Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi] (Sepanggar)
13. “ Tuan M. Kulasegaran [Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)] (Ipoh Barat)
14. “ Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Timbalan Menteri Sumber Manusia] (Lipis)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Haji Muhamad Zamani bin Mohd Ali

Setiausaha Dewan Negara

Muhd Sujairi bin Abdullah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan

Azhari bin Hamzah

Halijah binti Mat Sin

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Aizafasya binti Zainal

Nur Aliya binti Mustaz

Adele Beatrice anak Rabeng

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Nik Muhammad Ismail bin Karim

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

Nurul Syakirah binti Ibharim

Suhaila binti Sariffuddin

Nor Afina binti Mohamed Rashid

Muhamad Shafiq bin Ahamad

Muhammad Akmal bin Md Yusoff

Wan Nur Faliqha binti Wan Hazani

Anisah Sahirah binti Hamzah

Syaza Waheeda binti Mohd Dzarif

Siti Nor Aisyah binti Mohd Jaid

Shazryn bin Mohd Faizal

Sharon Eugena Jack Aman

Mulyati binti Kamarudin

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KELIMA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 1 April 2024

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha Dewan Negara untuk membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“27 Mac 2024

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara

Yang Berhormat Datuk Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (i) (D.R. 39/2023) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023;
- (ii) (D.R. 41/2023) Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023;
- (iii) (D.R. 4/2024) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024;
- (iv) (D.R. 6/2024) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024;
- (v) (D.R. 37/2023) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Permerbadanan) (Pindaan) 2023;
- (vi) (D.R. 38/2023) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023;
- (vii) (D.R. 35/2023) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023;
- (viii) (D.R. 2/2024) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024;

- (ix) (D.R. 5/2024) Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024;
- (x) (D.R. 3/2024) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024;
- (xi) (D.R. 1/2024) Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024;
- (xii) (D.R. 9/2024) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024;
- (xiii) (D.R. 10/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024; dan
- (xiv) (D.R. 8/2024) Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Dewan Rakyat)

Yang Ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Murni binti Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 66(2), saya mohon memaklumkan supaya rang undang-undang yang tersebut dalam perutusan itu Dibacakan Kali Yang Kedua dan Ketiga di Mesyuarat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Azhar bin Ahmad.

Datuk Dr. Azhar bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Soalan saya soalan nombor 1, Tuan Speaker.

1. Datuk Dr. Azhar bin Ahmad minta Menteri Perladangan dan Komoditi menyatakan, apa langkah-langkah yang telah dirancang oleh pihak kerajaan dalam membantu golongan di kawasan luar bandar bagi mengukuhkan lagi sektor komoditi terutamanya getah dan kelapa sawit dalam menghadapi cabaran ekonomi untuk tahun 2024.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Perladangan dan Komoditi [Tuan Chan Foong Hin]: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian sentiasa prihatin dan komited dalam memastikan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar terutamanya golongan yang terlibat dalam sektor komoditi getah dan sawit tidak terjejas dalam menghadapi cabaran ekonomi untuk tahun-tahun yang mendatang.

Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan melalui kementerian dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi memperkukuh sektor sawit dan membantu meningkatkan pendapatan golongan di luar bandar yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Program Tanam Semula Sawit. Peruntukan sebanyak RM100 juta telah diluluskan di dalam Belanjawan 2024 bagi melaksanakan program ini bertujuan untuk mempercepatkan aktiviti tanam semula pokok sawit yang telah tua yang melebihi 25 tahun dan kurang produktif;
- (ii) Skim Insentif Integrasi Tanaman (ITa) dan Skim Insentif Integrasi Ternakan (ITe). Peruntukan sebanyak RM4 juta telah disediakan untuk melaksanakan skim ini pada tahun 2024 dan ditawarkan kepada pekebun kecil persendirian (PKP) sawit yang berminat meningkatkan pendapatan melalui aktiviti integrasi dengan sawit; dan
- (iii) Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Penubuhan KPSM adalah inisiatif kerajaan melalui MPOB untuk menyatukan pekebun kecil sawit persendirian di bawah satu payung supaya mereka boleh menjalankan aktiviti ke arah menjaga kepentingan bersama terutama meningkatkan produktiviti kebun dan taraf sosioekonomi mereka.

Selain itu, kerajaan melalui Kementerian Desa dan Wilayah memperuntukkan sebanyak RM90 juta semasa Belanjawan 2024 kepada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah (FELCRA) untuk menggalakkan pekebun kecil masing-masing agar mengoptimalkan penggunaan tanah ladang melalui penghasilan tanaman, makanan dan ternakan.

Bagi sektor getah pula, antara inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) adalah seperti berikut:

- (i) Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dan Insentif Pengeluaran Lateks (IPL). Insentif-insentif ini bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil untuk terus menoreh sebagai langkah menjamin bekalan bahan mentah kepada industri hiliran tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada lateks import; dan
- (ii) Program Getah Untuk Peribumi (GUP). Program ini bertujuan mewujudkan model rujukan kepada model masyarakat Orang Asli di Semenanjung dan peribumi di Sabah dan Sarawak yang ingin menanam getah, tanaman baharu sebagai aktiviti sumber pendapatan tetap dan meningkatkan taraf sosioekonomi.

Selain itu, kementerian melalui LGM juga sedang dalam proses membangun model bagi menyatukan dan mengurus kawasan getah tidak bertoreh secara bersepadu. Melalui model ini, mekanisme penetapan pendapatan bulanan tetap kepada pekebun kecil akan diperkenalkan bagi menarik minat golongan muda untuk terlibat dan seterusnya akan membantu mengatasi isu kekurangan tenaga kerja di sektor hulu. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan? Kalau tak ada soalan tambahan, saya...

■1010

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa] Baik Datuk Dr. Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk artikel berita *New Straits Times* pada 5 Mac 2024 bahawa pertubuhan penghasilan kelapa sawit merosot 30 peratus daripada 2011 sampai 2020 dan sebab utama ialah piawaian kemapanan tidak realistik yang ditetapkan Kesatuan Eropah. Minta pandangan daripada Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Chan Foong Hin: Mengenai piawaian MSPO, ada piawaian yang ditetapkan oleh *European Union* itu, sesuatu piawaian kalau untuk pekebun kecil itu, mungkin mereka akan menyifatkan ini kurang munasabah.

Cuma untuk kepentingan negara ini, apabila kita untuk memastikan eksport sawit kita selalu dapat dikekalkan, macam mana kita nak memuaskan hati pembeli kita ini kerana Kesatuan Eropah merupakan pembeli sawit yang ketiga besar untuk produk sawit. So, macam mana pun, kita pun harus adakan satu piawaian yang ikut pendekatan kita iaitu melalui MSPO. Kita nak memperkasakan MSPO sebagai satu piawai yang Kesatuan Eropah boleh terima pakai piawaian yang untuk membeli dan mengiktiraf Malaysia merupakan salah satu negara pengeluar sawit yang mapan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Kalau tak ada, saya terus kepada soalan. Untuk itu, saya menjemput Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Selamat pagi, selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 2.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

2. Dato' Sivaraj a/l Chandran minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apa pendapat kementerian terhadap mewujudkan konsep bandar- *Sponge City* yang dikatakan dapat mengekalkan, membersihkan dan menggunakan semula air hujan secara efektif serta mengelakkan daripada masalah banjir di Malaysia.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Hajah Raj Murni binti Sabu]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berselawat]*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa ataupun PLANMalaysia telah pun menggariskan cadangan konsep *Sponge City* ini di dalam Rancangan Fizikal Negara Keempat di bawah Teras 2 Kemapanan Spatial dan Daya Tahan Perubahan Iklim yang menjadi langkah dalam pengurusan air dan pengawalan banjir di kawasan perbandaran.

Sponge City merupakan konsep penyimpanan dan penggunaan air berhujan berskala besar yang membantu terutamanya mengurangkan risiko banjir kita dan kedua meningkatkan jumlah air yang boleh digunakan semula. Konsep ini merupakan satu langkah responsif yang boleh dimanfaatkan di kawasan perbandaran yang sering mengalami banjir kilat dan gangguan bekalan air.

Pelaksanaan konsep *Sponge City* ini adalah berbeza di setiap bandar bergantung kepada keperluan dan konteks setempat. Konsep ini berfungsi sebagai adaptasi berasaskan ekosistem dalam pengurusan bandar mampan. Ia juga membantu pertama, mengurangkan risiko pencemaran air; kedua, menangani masalah pulau haba; ketiga, meningkatkan penyediaan kawasan rekreasi dan kawasan hijau di dalam kawasan bandar; seterusnya yang keempat, dijangka akan meningkatkan kualiti hidup warga bandar.

Pelaksanaan penggunaan semula air hujan dalam skala besar ini akan dimanfaatkan secara langsung di mana kawasan-kawasan *Sponge City* ini boleh menjadi kawasan tadahan air hujan, bertindak sebagai *storage* semula jadi yang berfungsi untuk *resend* jumlah air yang besar sebelum disalurkan ke kawasan saliran.

ia merupakan pendekatan menyeluruh dalam menguruskan kitaran air di kawasan perbandaran selain membantu dalam mitigasi risiko banjir kilat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Sivaraj.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah apakah pendapat kementerian tentang cadangan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi selepas mengadakan lawatan ke Jepun mengenai Malaysia bakal mengaplikasikan beberapa kaedah baharu yang digunakan oleh Jepun dalam pengurusan bencana di negara itu termasuk penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan Data Raya bagi mengatasi masalah banjir. Adakah- apakah potensi kementerian untuk menggunakan AI sebagai *anti-flooding system* di kawasan-kawasan Kuala Lumpur sebagai *pilot project*?

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian ini melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah pun membangunkan *Malaysia Urban Observatory* (MUO) yang menekankan perkongsian.

Pertamanya perkongsian data antara agensi dan kedua, penganalisan Data Raya bagi membantu dan menyokong membuat keputusan secara *evidence-based* kepada isu-isu berkaitan perbandaran. Perkembangan aplikasi baharu menggunakan teknologi kecerdasan buatan ataupun AI dalam pengurusan bencana ini disambut baik oleh kementerian ini memandangkan penganalisan Data Raya akan meningkatkan ketepatan membuat ramalan ataupun *prediction* pada jangka masa panjang untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang baru yang mempunyai risiko bencana dengan model simulasi.

Hasil simulasi ini tentunya akan memberi panduan khusus untuk merangka strategi dan tindakan mitigasi awal yang lebih komprehensif dan pencegahan yang lebih proaktif.

Tuan Yang di-Pertua, kaedah penggunaan teknologi AI ini akan menjimatkan berbilion-bilion Ringgit daripada segi kerugian serta kemusnahan harta benda pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, kriteria utama kejayaan usaha adaptasi AI ini adalah bergantung kepada perkongsian data antara agensi kerajaan termasuklah swasta dalam menghasilkan model analisa AI yang lebih komprehensif dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian bersedia untuk menyalurkan kepakaran dan bekerjasama dengan semua mana-mana kementerian termasuklah Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar dan juga agensi-agensis pengurusan bencana seperti mana NADMA, JPS dan seluruhnya, Tuan Yang di-Pertua. *Insyaa-Allah*, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahniah YB Menteri. Soalan fasal *Sponge City* tapi YB Menteri menjawab fasal AI dengan begitu padat sekali... [Ketawa] [Tepuk]

Yang Berhormat Datuk Hatta.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Dalam usaha kita membangunkan *Sponge City* ini, apakah ia akan juga melibatkan perancangan pembangunan kawasan-kawasan perumahan di sekitar bandar ataupun pekan yang dimaksudkan kerana kesan daripada pembangunan ini juga boleh menyebabkan sama ada air akan melonggokkan di kawasan itu ataupun penggunaan air terlalu berlebihan? Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Datuk Hajah Raj Munni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kita di KPKT akan sentiasa memberikan komitmen penuh untuk mengatasi masalah banjir khususnya melalui konsep *Sponge City* terutamanya di kawasan-kawasan bandar utama. Sebenarnya konsep ini juga telah ditekankan di dalam Rancangan Fizikal Negara yang keempat yang telah didiakan secara bersama melalui input daripada pelbagai kementerian dan agensi sebagai dasar dalam perancangan fizikal negara.

Rancangan Fizikal Negara yang keempat ini juga telah pun turut mengenal pasti Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) sebenarnya melalui Jabatan Pengairan dan Saliran merupakan agensi utama untuk melaksanakan konsep ini.

Pelaksanaan konsep *Sponge City* ini bukanlah di bawah bidang kuasa KPKT yang khususnya, tetapi di bawah Kementerian PETRA dan khususnya melalui JPS dan melibatkan kepakaran tenaga-tenaga mahir dan juga peruntukan pembangunan infrastruktur yang begitu besar.

Adapun keseluruhan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator itu, bolehlah dibincangkan bersama-sama dengan semua kementerian kerana pelaksanaan *Sponge City* ini memerlukan kerjasama- *the whole nation* dan juga *the whole government* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Sekarang saya jemput Senator Datin Ros Suryati binti Alang.

Datin Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 3. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

3. Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta Menteri Kewangan menyatakan, statistik bilangan kes sekatan perjalanan yang diambil oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kepada individu atau pembayar cukai apabila mereka gagal memperbaharui pasport di pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Jabatan Imigresen Malaysia melaksanakan sekatan ke luar negara kepada mana-mana individu yang disenaraihitamkan atau mempunyai tunggakan hutang dan cukai di bawah pelbagai agensi yang terlibat seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN), Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Insolvensi.

Sekatan ini bertujuan mengesan penghutang ataupun pembayar cukai yang gagal menjelaskan tunggakan cukai sungguhpun tindakan peringatan telah dilaksanakan dengan sewajarnya. LHDN menguatkuasakan sekatan perjalanan ke luar negara mengikut peruntukan undang-undang di bawah seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Sekatan perjalanan ke luar negara ini dikenakan ke atas mana-mana individu yang masih tidak menjelaskan tunggakan cukai pendapatan atau cukai keuntungan harta tanah. LHDN mendapat kerjasama dari Jabatan Imigresen Malaysia untuk melaksanakan tindakan sekatan terhadap perjalanan bagi menghalang individu atau pengarah syarikat yang culas membayar tanggungan cukai dari membuat perjalanan ke luar negara.

Sejak mula dikuatkuasakan dan sehingga 29 Februari 2024, terdapat sebanyak 182,666 bilangan kes sekatan perjalanan ke luar negara yang telah dilaksanakan oleh LHDN. Jumlah ini melibatkan sebanyak 171,571 bilangan kes individu yang mempunyai tunggakan cukai pendapatan, manakala sebanyak 11,095 kes adalah bagi individu yang mempunyai tunggakan cukai keuntungan harta tanah.

■1020

Secara umumnya, sebelum tindakan sekatan perjalanan dikuatkuasakan, pihak LHDN akan melaksanakan tindakan awal kepada pembayar cukai yang mempunyai tunggakan dengan menghantar beberapa Surat Peringatan mengenai tuntutan bayaran tunggakan cukai dan mengeluarkan e-mel pemakluman tunggakan cukai serta menghubungi dengan panggilan telefon kepada pembayar cukai yang terlibat. Namun, kegagalan menyelesaikan bayaran tunggakan cukai mengikut tempoh yang ditetapkan akan mengakibatkan pembayar cukai berdepan dengan tindakan sekatan perjalanan ke luar negara.

Bagi mengelakkan urusan ke luar negara terganggu disebabkan kesalahan tidak membayar tunggakan cukai kepada kerajaan, LHDN melalui pelbagai platform sentiasa menasihati semua pembayar cukai untuk terlebih dahulu menyemak status tunggakan cukai dan sekatan perjalanan sebelum merancang sebarang perjalanan ke luar negara. Pembayar cukai boleh menyemak status tunggakan cukai melalui portal MyTax selain membuat semakan sekatan perjalanan di laman web Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya terdapat sekatan yang dikuatkuasakan oleh lain-lain agensi.

Sedikit lagi ya, Datuk. Sekiranya pembayar cukai disekat semasa di lapangan terbang, pegawai imigresen akan merujuk pembayar cukai kepada Pegawai Perhubungan Awam LHDN untuk mengambil tindakan bagi tujuan pelepasan ke luar negara.

Berdasarkan hasil rundingan antara pembayar cukai dan Pegawai Perhubungan Awam LHDN, pelepasan akan diberikan dengan segera selepas kaedah penyelesaian tunggakan cukai dipersetujui sama ada pembayaran sebahagian atau sepenuhnya. Bagi mana-mana pembayar cukai yang mempunyai rekod tunggakan cukai dan telah dikenakan tindakan sekatan perjalanan, pembayar cukai tersebut dinasihatkan untuk menghubungi pejabat LHDN yang mengendalikan fail cukai agar penyelesaian yang terbaik dapat dicapai dan seterusnya membolehkan mereka membuat perjalanan ke luar negara.

Kesimpulannya, tindakan penganan sekatan perjalanan ini bukan bertujuan untuk menafikan hak sesiapa untuk bergerak. Namun, ia dilaksanakan sebagai salah satu medium memberikan keadilan kepada pembayar cukai yang patuh, sekali gus untuk menjamin tidak berlaku ketirisan hasil negara. Ia juga sebagai langkah untuk melahirkan komuniti pembayar cukai yang patuh dan bertanggungjawab yang berkongsi kemakmuran mereka dalam usaha secara bersama-sama membangunkan negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Datuk Ros.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri yang menjawab soalan.

Soalan saya, memang menjadi masalah apabila rakyat kita ditahan di lapangan terbang dan tidak dapat meneruskan perjalanan ke luar negara kerana tidak membayar cukai. Cuma yang menjadi persoalan adalah kebanyakan mereka yang ditahan adalah terdiri daripada mereka yang membayar cukai dalam Sistem LHDN. Soalan saya, sejauh mana tindakan yang diambil oleh LHDN kepada rakyat Malaysia yang ralat atau mengelak dan enggan membayar cukai pendapatan di mana mereka boleh pula memperbaharui pasport dan bebas keluar masuk melalui pintu sempadan negara berbanding dengan mereka yang membayar cukai?

Adakah perkara ini berlaku sekarang? Adakah LHDN boleh membangunkan satu sistem khusus bagi mereka yang hendak ke luar negara mendapat pesanan daripada LHDN dan memaklumkan bahawa mereka tidak dapat ke luar negara kerana tidak memenuhi syarat pembayar cukai? Cumanya saya nak tahu sebab ramai yang ditahan ini adalah pembayar cukai. Mungkin ada baki, *at least* LHDN kena *alert* pembayar cukai ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Menteri.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Betul, kaedah untuk menyekat perjalanan ke luar negara adalah kepada pembayar cukai yang tidak membayar cukai. Yang itu, saya setuju, kita pun tahu. Ini adalah salah satu daripada kaedah untuk menuntut balik cukai yang tidak dibayar oleh pembayar cukai yang memang diperlukan membayar cukai. Jadi, kita memang telah membuat banyak-banyak peringatan melalui e-mel, melalui surat berdaftar dan cuba menghubungi mereka yang dalam sistem.

Jadi, yang aneh tu yang pembayar cukai itu masih setiap tahun masih membayar cukai, membuat fail cukai, tetapi masih tidak ada tunggakan. Jadi, kita memang ada banyak, dalam banyak kaedah untuk menghubungi mereka dan juga ada rundingan dengan mereka untuk membuat ansuran juga ada.

Kita memang bersedia untuk berunding dengan mereka bagaimana menjelaskan tunggakan cukai. Jadi, sekatan itu adalah salah satu daripada cara untuk dapat *at least*, dengan izin, mereka boleh *face it*, kita dapat mencari tapi kita akan terus berusaha untuk mendapat balik sebanyak cukai yang kita perlu.

Berkenaan dengan satu lagi soal tentang yang tidak membayar cukai, yang tidak ada dalam fail. Ini memang kita- LHDN memang dalam proses. Memang kita ada banyak acara dan kaedah dan usaha untuk mendapatkan semua untuk membayar cukai yang seharusnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Dr. Lingesh.

Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam: Terima kasih Yang di-Pertua. Mohon YB Menteri menyatakan, selain daripada menyekat perjalanan ke atas mereka yang gagal membayar cukai, apakah pendekatan lain atau kaedah-kaedah lain yang digunakan oleh LHDN untuk mendapat kembali cukai atau hasil yang gagal dikutip? Terima kasih.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Seperti saya pun tadi sudah beritahu, jadi satu daripadanya langkah-langkahnya untuk mengutip atau mengutip kembali cukai, mengeluarkan surat, e-mel. Okey, untuk memaklumkan mereka tentang tunggakan cukai mereka, membuat panggilan telefon untuk berunding kaedah bayaran, memberi arahan. Kita juga ada berunding dengan majikan supaya memberi arahan potongan gaji. Kita juga melawat ke premis dan membuat serahan tangan untuk tunggakan cukai.

Kita juga ada kaveat pendaftar iaitu satu larangan yang dimasukkan oleh pendaftar ke atas daftar dokumen hak milik kepada mana-mana tanah di bawah perenggan 320(1)(ba) Kanun Tanah Negara 1965. Kita juga mengambil tindakan guaman sivil atau saman ke atas pembayar cukai. Ini adalah antara daripada langkah-langkah yang kita telah ambil. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih. Sekarang saya jemput Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

Tuan Musoddak bin Ahmad: Datuk Yang di-Pertua,

*Bakar lemak rebus ketupat;
Soalan saya nombor empat.*

4. Tuan Musoddak bin Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan, sejauh mana Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) dapat mengatasi masalah keciciran murid khususnya di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Timbalan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri, sila jawab pantun... *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Wong Kah Woh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jawab soalan nombor empat... *[Ketawa]*

Datuk Yang di-Pertua, KPM berhasrat memastikan pihak sekolah dapat mengesan lebih awal murid yang menghadapi faktor yang akan menyumbang kepada keciciran murid daripada persekolahan.

Justeru, mulai 1 hari bulan Jun 2018, Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah digunakan sebagai rujukan bagi pihak sekolah. Garis panduan ini menjelaskan peranan dan tanggungjawab serta langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi mengatasi isu keciciran di sekolah. Garis panduan ini juga akan berfokus kepada murid berisiko cicir bagi memastikan mereka kekal bersekolah sehingga tamat tempoh persekolahan peringkat menengah.

Selain itu, KPM juga menyediakan Modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) serta buku penulisan kajian kes dan amalan terbaik menangani isu murid berisiko cicer dan murid cicer sebagai panduan kepada guru bimbingan dan kaunseling di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Setelah Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicer Sekolah diperkenalkan pada tahun 2018, KPM juga turut menjalankan program *outreach* murid tercicer di semua PPD dengan kerjasama komuniti setempat. Objektif program *outreach* ini adalah untuk memberikan intervensi berfokus bagi membantu murid cicer untuk kembali bersekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2018 sehingga tahun 2023, program ini telah pun berjaya mengembalikan seramai 12,880 orang murid sekolah rendah dan 11,379 orang murid sekolah menengah ke sekolah. Kadar keciciran murid juga menunjukkan penurunan pada peringkat sekolah rendah dan peringkat sekolah menengah. Data menunjukkan bahawa kadar keciciran di sekolah rendah menurun daripada 0.15 peratus pada tahun 2018 kepada 0.06 peratus pada tahun 2023. Pada masa yang sama, di peringkat menengah pula, kadar keciciran menurun daripada 1.21 peratus pada tahun 2018 kepada 0.83 peratus pada tahun 2023.

KPM yakin semua usaha serta inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan ini dan dengan garis panduan yang sedia ada dapat menangani keciciran murid dan memastikan murid-murid kekal dalam sistem pendidikan negara sehingga tamat tempoh persekolahan. Sekian daripada saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Dato' Ajis.

■1030

Dato' Ajis bin Sitin: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya ialah adakah garis panduan ini juga terpakai pada sekolah-sekolah Orang Asli di pedalaman? Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih. Garis panduan ini diguna pakai untuk kesemua sekolah di bawah KPM. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Musoddak tak ada soalan- tak ada?... [Ketawa]

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dominic, saya sudah bagi sekali tadi. Soalan tambahan Datuk Zurainah. Datuk Zurainah ada soalan selepas ini. YB Abun?

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, saya. Adakah kerajaan juga perlu menyediakan sekolah ya, kepada orang di Penan sebab ada satu budaya Penan ini, mereka sangat rindu anak mereka. Anak pun rindu mak bapak. Jadi, mereka banyak tercicer sekolah kalau sekolah itu jauh dari penempatan mereka.

Banyak berlaku di daerah Belaga, yang tercicer kerana kerinduan ini tidak dapat bersekolah. Kalau boleh, bina sekolah di penempatan mereka. Terima kasih.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan isu pembinaan sekolah, memang pihak KPM selalunya mengambil pendekatan yang mana sekiranya ada permintaan dan juga keperluan, maka pihak KPM akan memberikan pertimbangan sewajarnya.

Namun demikian, secara spesifik untuk menangani isu keciciran, pihak KPM telah pun memperkenalkan Sekolah Model Khas Komprehensif K9 dan K11 khasnya di kawasan-kawasan pedalaman. Sekolah Model Khas Komprehensif 9 ini bermaksud budak-budak akan duduk dalam sekolah di bawah satu- bumbung dari Darjah 1 sehingga Tingkatan 3 dan pada masa yang sama, sekiranya sekolah K9 ini diperluaskan maka ia akan diperluaskan kepada K11 yang mana ia akan merangkumi anak-anak kita untuk belajar sampailah ke Tingkatan 5.

Setakat ini, setakat tahun 2024, KPM telah menyediakan sebanyak 28 buah sekolah K9 iaitu pada tahun ini sahaja, pada tahun 2023 sahaja, sebentar ya. Pada tahun 2023 sahaja, jumlah pertambahan ataupun perluasan sekolah K9 adalah sebanyak 11 buah. Sekolah K9 yang sedang baru beroperasi tahun 2029, jumlahnya 11 dan menjadikan jumlah sekolah K9 sebanyak 28 buah.

KPM mempunyai cadangan untuk perluasan K9 pada tahun ini juga untuk empat lagi iaitu di SK Nanga Merit – PPD Limbang; SK Kuak – PPD Besut; SK Merang – PPD Setiu; dan SK Pulau Redang – PPD Kuala Nerus.

Pada masa yang sama, ada dua buah sekolah Program Sekolah Komprehensif 11 iaitu di Pahang, SMK Batau – PPD Lipis; dan di Sarawak, SMK Long Bedian di PPD Baram. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Datuk Razali bin Idris.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum*, salam sejahtera. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Soalan saya nombor 5.

5. Datuk Razali bin Idris minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, penjelasan kerajaan yang tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Ekonomi *Gig* Malaysia sekali gus bakal menjejaskan 140 platform ekonomi *gig* yang beroperasi di negara ini dan lebih 200,000 periuk nasi pekerja ekonomi *gig*.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris.

Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam ucapan beliau pada 2 Mac 2024 semasa di Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 telah memaklumkan penubuhan Suruhanjaya Pekerja Gig (SPGig) yang secara khususnya untuk menangani isu-isu pekerja *gig* terutamanya berkaitan kebajikan dan kadar upah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui kenyataan media pada 4 Mac 2024, mendukung pengumuman ini bahawa KESUMA akan menerajui penubuhan SPGig.

Fokus utama suruhanjaya ini akan menjurus kepada aspek hak dan perlindungan pekerja *gig*, memastikan pekerja *gig* memperoleh informasi dan akses kepada faedah-faedah seperti insurans, kemudahan kesihatan sama ada daripada segi penyakit, pekerjaan mahupun kemalangan sewaktu bekerja dan juga pelan persaraan munasabah bagi menjaga kebajikan pekerja *gig* pada masa hadapan.

Sehubungan dengan itu, jawatankuasa pelbagai kementerian dan pemegang taruh bagi SPGig telah bermesyuarat pada 11 Mac 2024 untuk meneliti terma rujukan penubuhan SPGig yang akan melibatkan fungsi perundangan, keanggotaan, infrastruktur, kewangan dan lain-lain yang berkaitan.

Selari dengan jawatankuasa tersebut, KESUMA telah melantik perunding bagi melaksanakan kajian membangunkan kerangka dasar pekerjaan dan perundangan dalam ekonomi *gig* di Malaysia yang menjurus kepada penubuhan Suruhanjaya Pekerja *Gig* untuk mendapat *empirical data* supaya akta atau punca kuasa yang bakal diperkenalkan berhubung Suruhanjaya Pekerja *Gig* adalah tepat dan bersesuaian dengan ekosistem *gig* di Malaysia.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, kajian ini akan dibuat dalam tempoh enam bulan bermula pada hari ini, 1 April 2024 dan laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh masa tiga bulan daripada tarikh yang dilaksanakan. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan tambahan Datuk Razali.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Mengikut situasi sekarang, ekonomi *gig* semakin berkembang pesat yang mana jumlah pekerja *gig* telah mencapai 17 peratus mewakili keseluruhan sektor pekerjaan di negara ini.

Jadi soalan tambahan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, menerusi Suruhanjaya *Gig* di Malaysia ini, saya juga nak tahu setakat mana sebenarnya SOP mengenai pendapatan, jam kerja dan hak atas cuti serta insurans kepada pekerja *gig*? Adakah keperluan, satu hari kelak, satu akta atau seksyen daripada suruhanjaya ini? Terima kasih, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Dato' Sri Abdul Rahman bin Haji Mohamad: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris.

Sebenarnya, kami di bawah KESUMA, banyak perkara yang telah kami lakukan untuk *gig* ini. Sebab itu, perancangan yang kita lakukan, khususnya dalam kajian yang kita lakukan seperti jawapan yang sebentar tadi bahawa sebenarnya banyak yang kita lakukan perancangan-perancangan ini kerana penglibatan pekerja *gig* ini memang benar, semakin bertambah. Telah mencecah sehingga 1.2 juta sebenarnya dan yang ini yang kita nak lakukan.

Daripada program tersebut, kerajaan telah membantu sebanyak 90 peratus, bersamaan dengan RM232.80 untuk caruman PERKESO dan RM23.30 hanya dikeluarkan oleh- untuk mereka seperti *gig* ini. *Gig* ini sebenarnya melibatkan begitu ramai, dalam sektor yang begitu banyak. Sektor seperti- termasuklah sektor artis, pelakon dan sebagainya, termasuklah *riders* dan sebagainya. Ini termasuk dalam golongan itu.

Sebab itu, semakin hari sudah pasti Yang Berhormat Datuk Razali sahabat saya, akan bertambah lebih ramai dan lebih ramai dan penglibatan kita, inisiatif kita telah sebanyak RM1.991 juta, kita telah belanjakan untuk mereka ini, daripada segi caruman PERKESO. Ini merupakan untuk masa depan mereka yang mana kalau berlaku apa-apa kepada mereka ini, PERKESO inilah yang akan boleh membantu kembali kepada orang yang bekerja sendiri (OBS) ini. Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Kalau tak ada, saya terus kepada Senator Tuan Haji Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 6.

6. Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air menyatakan, status Projek Empangan Nenggiri dan apakah jaminan kerajaan pembinaan empangan itu tidak menimbulkan ancaman serta masalah khususnya kepada masyarakat Orang Asli.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air [Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir]: Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan Projek Loji Jana Kuasa Hidroelektrik Nenggiri di Gua Musang, Kelantan berkapasiti 300 megawatt telah dimulakan pada 1 Mac 2022 dan dijangka akan siap dan mula beroperasi mulai 1 Jun 2027.

■1040

Kemajuan keseluruhan projek ini sehingga bulan Januari 2024 adalah sekitar 36 peratus. Pada masa ini, kerja-kerja tanah bagi membina rumah jana kuasa, Empangan Pelana, dengan izin *Saddle Dam*, Empangan Pengatur Aliran- *Re-regulating Dam* dan pencawang masuk utama sedang dijalankan.

Selain itu, kerja-kerja pembinaan untuk penempatan semula masyarakat Orang Asli daripada Pos Tohoi, Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias juga sedang giat dilaksanakan di atas dua buah tapak yang berkeluasan lebih 2,000 ekar. Masyarakat Orang Asli ini dijangka akan dipindahkan ke penempatan baharu pada pertengahan tahun 2026.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan kepentingan masyarakat setempat tetap terpelihara, pihak TNB telah melaksanakan pelbagai program libat urus dan tanggungjawab sosial bersama komuniti di sekitar tapak cadangan projek, khususnya bersama masyarakat Orang Asli sejak tahun 2014. Lebih 30 sesi libat urus telah dilaksanakan termasuk sesi-sesi yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ataupun SUHAKAM.

Berdasarkan kepada hasil kajian penerimaan awam oleh Juruperunding, UKM Pakarunding Sdn. Bhd. pada tahun 2018, tahap penerimaan projek di kalangan penduduk yang terkesan secara langsung telah meningkat kepada 80 peratus berbanding 69.5 peratus pada tahun 2015.

Pihak TNB menjangkakan pada pertengahan tahun 2024, perjanjian berkaitan pakej pampasan dan penempatan semula dapat ditandatangani dengan setiap ketua isi rumah yang terlibat. Pakej pampasan dan penempatan semula yang ditawarkan ini merangkumi perumahan yang lengkap dengan infrastruktur dan kemudahan moden, pembangunan ladang getah dan tapak dusun sebagai sumber pendapatan penduduk, bantuan elaun dan logistik perpindahan serta bantuan sara hidup bulanan, sementara ladang getah belum berhasil.

Selain itu, pihak TNB juga akan memberikan pampasan tunai tambahan sekiranya nilai pampasan gantian belum dapat menampung sepenuhnya anggaran nilai kerugian sebenarnya khususnya akibat daripada kehilangan pokok-pokok tanaman. Semua bayaran tunai termasuk pampasan pokok tanaman dijangka akan mula dibayar selewat-lewatnya pada tahun 2026 iaitu sebelum masyarakat Orang Asli berpindah ke kawasan penempatan yang baharu. Sekian, terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan yang bagi saya agak memuaskan hati.

Isu utama projek empangan hidroelektrik negeri ini adalah penempatan semula masyarakat Orang Asli yang melibatkan 3,000 orang. Baru-baru ini, bulan lepas, komuniti Orang Asli telah berhimpun sekali lagi dan membuat bantahan terhadap projek ini walaupun kita sedar telah ada penyelesaian sebelum ini yang telah dicapai oleh kedua-dua pihak.

Soalan saya, bagi memastikan kelangsungan projek ini tanpa meninggalkan rasa tidak puas hati yang ketara rakyat khususnya komuniti Orang Asli, adakah pihak kerajaan bersedia untuk menilai semula jenis pampasan dan elaun-elaun yang pada saya masih agak kecil serta jaminan hak bagi menghargai pengorbanan Orang Asli, demi kemajuan negara khususnya negeri Kelantan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Seperti yang saya kongsi daripada jawapan asal tadi, sebenarnya rundingan ataupun perbincangan itu telah berlangsung sejak tahun 2014. Kalau ikut rekodkan, memang lebih dekat hampir 30 rundingan itu berlaku.

Jadi, berdasarkan juga pihak perunding dan sebagainya, kawasan ataupun penduduk kampung yang terkesan yang dikenal pasti yang memang terkesan secara langsung itu memang ada tiga yang disebut tadi Pos Tohoi, Pos Pulat dan Kampung Kuala Wias.

Jadi sebab itu untuk bagi menguruskan projek ini, sememangnya di peringkat kementerian ataupun di peringkat *Federal* lah, Persekutuan ini, kami ataupun pihak kerajaan lebih mengambil pendekatan untuk memudah cara, sebab akhirnya perbincangan itu dalam isu soal tanah itu melibatkan kerajaan negeri. Itu dah ada perjanjian antara pihak TNB dan kerajaan negeri. Sementara pihak TNB juga mengambil inisiatif untuk berunding dengan pihak penduduk Orang Asli itu bagi membantu mengurangkan sebarang perubahan ataupun gangguan kepada gaya hidup mereka.

Maka sebab itu, butiran itu kita tengah *finalize*-kan dan dijangka pertengahan tahun ini akan ada perjanjian lah. Jadi kita memang mengharapkanlah daripada pihak Wakil Rakyat, pihak yang mungkin berpengaruh di sana untuk membantu merungkaikan permasalahan ini supaya akhirnya ialah pihak yang sewajarnya dibela itu, terbela dia punya kebajikan. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Tuan Manolan bin Mohamad: Soalan tambahan Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Manolan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri memberi jawapan yang baik.

Saya pernah dijemput untuk menghadiri sekali taklimat berkenaan Empangan Nenggiri ini. Saya dimaklumkan, semua pampasan diserahkan kepada kerajaan negeri. Maka itu saya mahu pihak kementerian, apakah campur tangan pihak kementerian supaya semua pampasan yang dibayar kepada kerajaan negeri, betul-betul disalurkan kepada Orang Asli, pampasan tersebut? Bagaimana- adakah penduduk yang terkesan ini Orang Asli mengetahui semua yang dimeterai itu dan pampasan yang sepatutnya mereka terima itu, mereka akan terima? Saya bimbang sebab TNB bayar kepada kerajaan negeri, akhirnya itu hasil negeri, tetapi bukan digunakan untuk membantu Orang Asli. Jadi apakah campur tangan kementerian dalam isu ini? Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri. Masih tak puas hati lagi.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Memang Yang Berhormat Senator terkenallah memperjuangkan, membela nasib Orang Asli.

Jadi dalam isu ini, seperti yang saya nyatakan tadi, sememangnya TNB telah memasuki perjanjian dengan kerajaan negeri. Maka antara syarat itu, mungkin Yang Berhormat pun ambil maklum yang mana TNB telah melaksanakan tanggungjawabnya.

Jadi cuma di sini apabila kita berhadapan juga situasi kerana nak tak nak TNB juga berhadapan dengan permintaan dan juga desakan daripada kumpulan Orang Asli dan juga memang ada perbincangan dan sebagainya. Maka, TNB sebenarnya ambi inisiatif yang lebih.

Jadi bila disebut soal pampasan yang mungkin saya boleh kongsi sedikit ini supaya membantu jugalah menerangkan keadaannya. Jadi untuk inisiatif daripada pihak TNB, selain berunding dengan kerajaan negeri selesaikan syaratnya, TNB juga berunding dengan pihak Orang Asli secara terus.

Maka di sini yang dipersetujui tadi adalah untuk kita sebagai contoh berbentuk untuk pembangunan fizikal. Jadi, bila disebut pembangunan fizikal tadi, ia melibatkan pembinaan rumah dan juga kemudahan-kemudahan fasiliti awam. Antara komitmen yang diberikannya adalah untuk kita membina sekolah rendah, dewan serba guna, pejabat JAKOA dan sebagainya.

Cuma perkara yang kedua daripada segi bantuan dan pampasan tunai kepada keluarga yang terkesan, kita jangkakan kos untuk pembangunan fizikal tadi sekitar RM200 juta yang terpaksa dikeluarkan oleh pihak TNB. Sementara untuk bantuan dan pampasan tunai kepada keluarga yang terkesan itu secara keseluruhannya kita jangkakan sekitar RM15 juta ataupun mungkin boleh mencecah sehingga RM25 juta ataupun RM30 juta kerana data yang saya kongsi tadi, banciau itu kita buat 2018, tetapi pihak TNB masih meneruskan juga. Bila ada pertikaian ataupun perkara baharu yang dibangkitkan, mereka cuba juga banci sehingga anggaran terkini.

Jadi apa yang akan berlaku- sedikit lagi Dato' Yang di-Pertua. TNB juga bersetuju untuk memberikan elaun perpindahan sebanyak RM500 untuk setiap ketua isi keluarga, bantuan keperluan dapur asas RM200 untuk setiap isi keluarga. Kemudian, pihak TNB juga akan memberikan elaun sara hidup sebanyak- ketika ini angka yang digambarkan RM683 kepada setiap isi keluarga, setiap bulan untuk tempoh lima tahun. Jadi ini antara yang kita tengah bincangkan dan juga untuk sagu hati komuniti. Maksudnya setiap kampung itu akan terima RM3,000 selain selepas itu mungkin ada program modal insan dan komuniti.

Jadi sebab itu di peringkat kementerian, kita berunding dengan pihak TNB ini untuk membantu sebaik mungkin, tetapi kita juga mengharapkanlah semua pihak yang terlibat ini juga boleh memainkan peranan sebaiknya kerana akhirnya nak tak nak, projek ini juga akan memberi kesan yang menyeluruh kepada keadaan negeri terutamanya isu bekalan air, isu banjir dan juga bekalan tenaga. Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua.

■1050

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Ajis bin Sitin: Datuk sikit. Sikit sahaja Datuk. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Okey, kalau kita tengok semua pampasan tadi berbentuk prasarana ataupun kemudahan asas. Saya *concern* ialah apakah persediaan untuk sosioekonomi, maksud dia untuk *long-term* ekonomi dia, apa yang telah disediakan oleh pihak TNB atau kerajaanlah. Terima kasih.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Rata-rata wakil Orang Asli tak puas hati YB.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: Dia- sebab itu, saya pun sebenarnya mengambil peluang ini untuk membantu memperjelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir: ...Kerana nak tak nak, ini antara kumpulan yang kita perlu santunilah. Jadi kita pun ada YB Senator yang memang memperjuangkan nasib kumpulan Orang Asli ini.

Untuk jangka panjang sebenarnya bila disebut tadi untuk perpindahan, selain mereka akan menerima rumah, yang kita tekankan adalah supaya pertama ada satu-kawasan kebun ataupun dusun untuk mereka, yang ini keluasan yang dicadangkan adalah setengah ekar untuk tujuan kebunnya. Kemudian yang kita juga sarankan adalah supaya disediakan juga untuk penanaman getah. Jadi untuk setiap keluarga nanti akan diberikan keluasan 5.5 ekar bagi penanaman getah.

Jadi sebab itu yang disebut tadi untuk bantuan sara hidup tadi adalah untuk sementara menunggu hasil daripada pokok-pokok tersebut jadi supaya bila berlaku perpindahan tidak terputus daripada segi kehidupan mereka. Jadi sebab itu, dalam keadaan ini kita tahu mungkin akan ada yang terus memberi pandangan, cadangan dan sebagainya. Memang saya minta pihak TNB kita sentiasa cuba bantu sebaik mungkin, tapi *insya-Allah* apa yang ada di pihak TNB tu mereka telah cuba yang semampu mungkin. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Sekarang saya jemput Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa.

7. **Datuk Haji Mustafa bin Musa** minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, bilangan dan perancangan serius kerajaan bagi meningkatkan kapasiti upaya program usahawan wanita, graduan IPT dan lepasan institut kemahiran yang dilatih dan ditaja oleh MARA dalam memastikan pertumbuhan janaan pendapatan rakyat MADANI dari 2018 hingga 2025.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih YB Senator Datuk Haji Mustafa atas soalan. Dato' Yang di-Pertua, kementerian melalui MARA sentiasa komited dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang memberi impak kepada peningkatan pendapatan rakyat terutama dalam pembangunan usahawan dan juga graduan wanita.

Kementerian melalui MARA telah memperkenalkan skim pembiayaan perniagaan khas wanita yang kita sebut DanaNita yang memfokuskan penyertaan wanita dalam aktiviti keusahawanan serta memperkasakan usahawan wanita sedia ada dalam pelbagai bidang untuk meningkatkan pendapatan isi rumah. Skim DanaNITA ini telah mendapat kelulusan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 berjumlah RM35 juta. Sejak tahun 2021 hingga Disember 2023 seramai 897 orang usahawan wanita telah menerima manfaat daripada kemudahan ini.

Untuk tahun 2024, kerajaan meneruskan inisiatif memperkasakan usahawan wanita ini dengan memperuntukkan sebanyak RM10 juta dengan sasaran lebih daripada 100 orang usahawan. Selain daripada itu, antara inisiatif-inisiatif lain yang memberi fokus untuk menyokong pembangunan usahawan termasuk usahawan wanita melalui beberapa program seperti berikut.

Yang pertama di bawah program pembangunan usahawan, MARA telah memberi manfaat kepada hampir 65,000 orang usahawan wanita sejak tahun 2018 melalui inisiatif seperti program latihan keusahawanan yang bertujuan untuk mendaya usahawan baru serta meningkatkan keusahawanan usahawan sedia ada. Meningkatkan kualiti produk pengeluaran melalui pensijilan seperti halal, BeSS -bersih, sihat, selamat di bawah KKM, ISO dan lain-lain serta membantu usahawan bumiputera dalam penggunaan teknologi dan aplikasi digital dalam perniagaan dan seterusnya dapat mengembangkan perniagaan di pasaran yang lebih luas.

Yang kedua bagi kemudahan sokongan seperti kemudahan premis perniagaan, MARA turut menyediakan lebih daripada 7,000 ruang niaga di seluruh negara dengan kapasiti pengisian semasa berjumlah 92 peratus. Daripada itu terdapat peningkatan sebanyak 36 peratus bagi penyewa wanita dengan jumlah penyewa wanita pada tahun 2023 seramai 2,522 orang usahawan berbanding tahun 2018 yang hanya berjumlah 1,845 orang usahawan wanita.

Di bawah pendidikan tinggi MARA telah melahirkan lebih 22,000 orang graduan dari tahun 2018 hingga 2023. Daripada itu, hampir 13,059 peratus merupakan graduan wanita. Tambahan itu, bagi memastikan kelestarian belia untuk keluar menjadi pekerja profesional yang mahir dan mampu menjana pendapatan tinggi, pengajian tinggi MARA melalui Kolej Profesional MARA telah menawarkan 13 program diploma yang mana lapan daripadanya merupakan program dwi pensijilan dengan badan-badan profesional seperti *Association of Chartered Certified Accountants*, *Chartered Institute of Logistics and Transport*, *Certified Professional Marketer* dan beberapa badan profesional yang lain.

Bagi TVET MARA, bermula dengan GIATMARA, pencapaian graduan dari tahun 2008 hingga 2013, GIATMARA telah melahirkan hampir 80,000 orang graduan dan daripada itu lebih daripada 31,000 atau 39 peratus merupakan graduan wanita. Seterusnya, melalui institusi pendidikan TVET MARA yang lain seperti Kolej Kemahiran Tinggi MARA, *MARA-Japan Industrial Institute* dan Institut Kemahiran MARA telah berjaya melahirkan seramai hampir 30,000 orang graduan teknikal dalam tempoh 2018 hingga 2023. Daripada itu, lebih daripada 5,600 merupakan graduan wanita melalui program pengajian dalam pelbagai bidang seperti elektrik, keselamatan siber, automatif, minyak dan gas, *bio medic*, bioteknologi, pembuatan pintar dan lain-lain lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagi...

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Soalan ni panjang Yang di-Pertua. Dia ada dua bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak, tapi boleh tanya soalan tambahan.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Okey, teruskan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Maksud saya berapa lama masa Yang Berhormat nak? Dah dua minit dah YB.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Terlebih masa.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Saya minta satu minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, satu minit boleh.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Antara rangkaian yang proaktif yang diambil oleh TVET MARA dalam memperkasakan kebolehpasaran dan meningkatkan pendapatan graduan wanita, iaitu:

- (i) memperkenalkan kursus-kursus baru yang lebih bersifat *industry based*;
- (ii) merasionalisasikan kursus-kursus sedia ada yang sesuai dengan kehendak dan perkembangan semasa;
- (iii) menyediakan set kemahiran dalam bidang-bidang teknologi baru dan sijil kompetensi tambahan;
- (iv) pemerksaan ilmu keusahawanan di dalam *syllabus* latihan kemahiran dan pembangunan usahawan teknikal melalui program diploma tekno-usahawan;
- (v) mewujudkan program *Technical Entrepreneur Program*;
- (vi) inisiatif-inisiatif seperti pembangunan program jaminan pekerjaan;
- (vii) kerjasama MARA dengan agensi kementerian seperti Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia yang telah membantu merencanakan pertumbuhan pendapatan rakyat melalui program *e-entrepreneur*, *eRezeki* dan *e-commerce bootcamp*.

Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: YB, soalan tambahan, Datuk Mustafa.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: Terima kasih YB Timbalan Menteri, jawapan yang cukup lengkap dan mantap dan soalan tambahan sudah terangkum dalam jawapan sebentar tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak payah soalan tambahan. Okey, ada soalan tambahan lain? Kalau tak ada, tahniah Menteri menjawab sampai tak ada soalan tambahan. Sekarang saya jemput Senator Datuk Lim Pay Hen.

8. Datuk Lim Pay Hen minta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri menyatakan, berapakah jumlah pelaburan yang telah berjaya dimeterai oleh kerajaan di sepanjang tahun 2023 serta berapakah jumlah pelaburan yang telah diluluskan, direalisasikan dan dibatalkan pada tahun tersebut.

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lim Pay Hen.

Berkenaan pelaburan yang diluluskan pada tahun 2023 sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ni, Malaysia mencatat pelaburan yang diluluskan tertinggi dalam sejarah bagi tahun 2023 dengan nilai pelaburan sebanyak RM329.5 bilion bagi sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama iaitu peningkatan sebanyak 23 peratus berbanding tahun 2022.

Daripada jumlah tersebut yang melibatkan sebanyak 5,101 projek, pelaburan asing menyumbang sebanyak RM188.4 bilion atau 57.2 peratus. Peningkatan sebanyak 15.3 peratus berbanding tahun 2022. Manakala, pelaburan domestik mencatat nilai RM141.1 bilion dan mewakili 42.8 peratus, peningkatan sebanyak 35.1 peratus berbanding tahun sebelumnya. Sektor perkhidmatan merekodkan pelaburan tertinggi dengan menyumbang lebih separuh atau 51.1 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan iaitu RM168.4 bilion. Diikuti sektor perkilangan sebanyak RM152 bilion ataupun 46.1 peratus dan sektor utama sebanyak RM9.1 bilion ataupun 2.8 peratus.

Peluang pekerjaan yang akan diwujudkan daripada ketiga-tiga sektor ini adalah sebanyak 127,322 jawatan. MITI juga ingin menjelaskan bahawa pelaburan yang diluluskan merujuk kepada perancangan pelaburan bagi perbelanjaan modal sesebuah projek dalam jangka masa panjang termasuk kos pembelian tanah, kilang, mesin, jentera dan lain-lain. Secara amnya, sesebuah projek yang diluluskan mengambil masa di antara 18 sehingga 24 bulan untuk dilaksanakan atau direalisasikan. Bergantung kepada skala dan *complexity* projek-projek berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Datuk?

Datuk Lim Pay Hen: Terima kasih jawapan yang diberi Timbalan Menteri. Tahniah juga kepada Kerajaan Madani kerana telah mencatat satu angka yang begitu menarik sekali iaitu RM329.5 juta pelaburan daripada negara asing.

Namun begitu, angka tersebut bila dibandingkan dengan negara ASEAN yang lain, ia bukan lah antara angka yang terbaik. Malah, menurut Kajian *Focus Economy Consensus Forecast* dan MIDA, kedudukan FDI Malaysia masih lagi di belakang Singapura, Indonesia dan Vietnam. Oleh itu, apakah pendekatan yang akan diambil kerajaan bagi meningkatkan lagi daya tarik pelaburan dalam Malaysia?

Sejauh mana kerajaan akan mengkomersialkan industri kereta elektrik dengan lebih agresif memandangkan pelaburan dalam pembuatan seperti kenderaan EV, bateri dan elektronik kini mendominasi pasaran ASEAN dan mendapat permintaan yang tinggi dari negara di Eropah? Sekian, terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat. Kita bukan dalam persaingan di antara negara kita dengan negara lain untuk angka. Apa yang kita ingin laksanakan ialah untuk memastikan pelaburan yang masuk, yang paling tinggi dalam sejarah kita dapat direalisasikan secepat mungkin dan juga membawa limpahan seperti pekerjaan untuk rakyat Malaysia dengan gaji yang lebih tinggi dan gaji yang setimpal dan juga *local content* yang lebih tinggi.

Dulu sebelum ini memang kita ada pelaburan, tetapi tidak ada pendekatan untuk memastikan *localization* dan juga *local content*, tetapi kali ini kerajaan berhasrat untuk memastikan pelaburan yang masuk menjana pekerjaan lebih baik, dengan gaji yang lebih tinggi dan *local content* yang diusahakan supaya pengusaha tempatan dapat manfaat daripada pelabur asing. Ini faktor yang penting.

Sebenarnya tahun lepas merupakan tahun bukan sahaja kita menyaksikan pelaburan yang paling tinggi, tetapi juga minat dari seluruh dunia terhadap Malaysia dan Asia Tenggara kerana keadaan geopolitik yang sangat serius di antara Amerika Syarikat dengan China. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan? Kalau tak ada saya jemput Tuan Seruandi bin Saad.

Tuan Seruandi bin Saad: *Assalamualaikum.*

*Penat duduk kita berjalan;
Soalan saya nombor sembilan.*

9. Tuan Seruandi bin Saad minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, sejauh mana pihak kementerian dalam menilai semangat perpaduan yang memuaskan di negara kita dan adakah terdapat indeks rasmi yang boleh digunakan untuk menunjukkan kejayaan kecintaan rakyat kepada negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Perpaduan [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) merupakan satu-satunya indeks pengukuran tahap perpaduan yang boleh diguna pakai oleh Kerajaan Malaysia bagi melihat kedudukan semasa perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia.

Ukuran nilai indeks ini membolehkan kerajaan mengenal pasti dan merancang usaha-usaha dan program-program intervensi yang berkaitan. IPNas 2018 dijalankan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan dikawal selia oleh Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional (IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

Manakala, IPNas 2022 dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) di mana urus setia kajian adalah IKLIN. Skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2018 ialah 0.567, manakala skor Indeks Perpaduan Nasional pada tahun 2022 ialah 0.629. Skala ini dibahagikan kepada empat kategori iaitu tahap perpaduan lemah yang mana adalah di antara 0.0 hingga 0.24 dan tahap perpaduan rendah iaitu di antara 0.25 hingga 0.49, tahap perpaduan sederhana iaitu di antara 0.50 hingga 0.74 dan tahap perpaduan tinggi iaitu 0.75 hingga satu.

Skor IPNas tahun 2022 menunjukkan bahawa situasi perpaduan negara berada pada tahap sederhana dan terkawal. Kesepaduan sosial dijadikan sebagai komponen asas kepada pengukuran untuk menggambarkan tahap perpaduan dalam pembangunan indeks ini. Melalui kajian IPNas 2022, empat indikator mempengaruhi tahap kesepaduan sosial iaitu tahap keetnikan iaitu kecenderungan terhadap keterikatan identiti dan jati diri kumpulan etnik masing-masing.

Dua hubungan sosial rentas etnik iaitu jalinan hubungan sosial yang berlaku merentasi etnik; ketiga, etos bangsa atau jati diri yang mana adalah berkenaan dengan keterikatan emosi dan sejarah sosial yang dikongsi bersama dalam Perlembagaan, tadbir urus dan pembangunan bagi menjamin kesepaduan hingga lahir semangat patriotisme dan nasionalisme yang melangkaui etnik agama dan wilayah.

Keempat, tadbir urus dan pembangunan iaitu pelaksanaan proses mengurus dan membangun negara oleh pihak yang berkuasa. Melalui IPNas, kita dapati bahawa aspek tadbir urus dan pembangunan paling penting dalam meningkatkan tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia kerana ia amat mempengaruhi pencapaian tahap perpaduan. Oleh itu inisiatif oleh semua kementerian dan agensi kerajaan harus dilipatgandakan bagi menambah baik indeks perpaduan nasional.

Kajian IPNas seterusnya akan dilaksanakan pada tahun ini dengan *target* skor meningkat kepada 0.7 pada tahun 2025. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan.

Tuan Seruandi bin Saad: Adakah pihak kerajaan bercadang seperti mana di negara jiran kita iaitu Thailand memainkan Lagu Kebangsaan pada setiap hari melalui media-media kerajaan rasmi seperti mana kalau di negara jiran, mereka mungkin memainkan pada pukul 10 pagi, satu- negara tersebut. Jadi, rakyat yang kebetulan mendengar akan berdiri dalam masa beberapa seketika. Sekian.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Di peringkat kementerian, kami tiada sebarang rancangan sedemikian. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat boleh dianggap sebagai satu cadangan yang baik, akan dipertimbangkan oleh kementerian. Terima kasih

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Hisamudin.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Okey. Saya dengar tadi Menteri ada cakap pasal *scoring- scoring* untuk perpaduan ini.

■1110

Saya nak tanya Menteri, apakah kaedah pensampelan data-data yang digunakan oleh kementerian untuk *collect* data ini supaya lebih tepat?

Puan Saraswathy a/p Kandasami: Seperti yang saya terangkan tadi, pensampelan yang diambil oleh Institut Kajian Latihan Integrasi adalah berdasarkan kepada *scoring* soalan yang telah diedarkan dan di- daripada kajian daripada orang awam. Soalan-soalan yang disampelkan adalah berdasarkan kepada Rangka Pensampelan Isi Rumah Kebangsaan yang diperolehi dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). IK ini dijana untuk penggunaan Banci 2020 juga.

Kajian ini adalah berbentuk tinjauan keretana. Kajian ini dijalankan di seluruh negeri melibatkan 13 buah negeri dan tiga Wilayah Persekutuan. Jumlah keseluruhan responden yang berjaya diperolehi adalah sebanyak 28,613 orang dan instrumen IPNas 2022 mengandungi 162 item yang meliputi enam *constructs* dan 35- komponen. Penambahbaikan instrumen IPNas telah melalui penendarasan serta sorotan *literature* terhadap penyelidikan dari dalam dan luar negara. Jadi, secara ringkasnya ia adalah komprehensif.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Maknanya Menteri, sistem yang dipakai sistem rawak mudah?

Timbalan Yang di-Pertua: YB Datuk Hisam, dah tanya soalan tadi. Jawapan sudah diberi.

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya: Tak, masalah saya tanya kaedah pensampelan. Bukan saya nak soalan itu. Saya nak tahu rawak mudahkah, strata dan sebagainya melalui statistik.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Hisam. Menteri dah jawab.

Puan Saraswathy a/p Kandasami: *Sampling* yang diperolehi itu memang mempunyai strata untuk membuat *scoring*. Jadi, kalau ada *scoring* mesti ada strata. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, sekarang jemput Senator Datuk Seri Mujahid Yusof.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof:

Ikan patin Pekan Temerloh;

Dengan izin soalan nombor sepuluh.

10. **Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof** minta Perdana Menteri menyatakan, apa perancangan dan strategi JAKIM dalam berhadapan dengan kelompok tertentu yang menggunakan politik kebencian dengan menjadikan agama sebagai landasannya sehingga sanggup menjadikan isu politik sebagai paksi akidah yang mewajarkan orang Islam yang tidak menyokong mereka sebagai 'melawan Islam'.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Dr. Zulkifli bin Hasan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat pagi dan salam Malaysia MADANI, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Senator Dr. Mujahid Yusof.

Islam menganjurkan keharmonian dan sifat kasih sayang dalam kehidupan masyarakat sebagai mana firman Allah S.W.T dalam surah al-Maidah ayat dua yang bermaksud, *“Dan jangan sekali-kali kebencian kamu kepada suatu kaum kerana mereka pernah menghalangi kamu dari Masjidil Haram itu mendorong kamu menceroboh. Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa serta janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha berat azab seksanya”*.

Pihak kerajaan melalui pelbagai platform sentiasa berusaha bagi memastikan umat Islam di Malaysia berpegang teguh dengan fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah serta menjauhi sikap membenci sesama Islam hanya disebabkan berlakunya perbezaan. Perbuatan keterlaluan dalam berpolitik sehingga membangkitkan kebencian adalah sesuatu perkara yang amat ditegah oleh syarak kerana ia boleh menyebabkan pecah belah dalam masyarakat.

Muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa (MKI) pada 5 Mei 1996 telah memutuskan bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan *Sunnah Wal Jamaah* daripada segi akidah, syariah dan akhlak.

Oleh itu, pendekatan sederhana, *wasoti* tidak *ghuluw* adalah selari dengan pegangan dan ajaran *Sunnah Wal Jamaah*. Sehubungan itu, bagi menangani politik kebencian daripada terus berleluasa, pihak kerajaan melalui agensi penguat kuasa agama sentiasa memantau pengajaran agama Islam oleh mana-mana orang sama ada melalui ceramah atau di kelas-kelas pengajian yang diadakan di tempat-tempat awam, di masjid atau di surau termasuklah juga di media sosial.

Tuan Yang di-Pertua, para pendakwah yang sentiasa menyampaikan ilmu pengetahuan kepada masyarakat adalah berperanan dalam mengelakkan berlakunya perpecahan dan tersebarnya pemikiran yang boleh memecahbelahkan masyarakat. Bagi menangani isu ini, Jabatan Mufti Negeri-negeri mensyaratkan agar permohonan tauliah mengajar dibuat bagi mengawal individu-individu dari dalam dan luar negara yang tidak berkelayakan daripada menyampaikan pengajaran di premis-premis yang dibenarkan.

Sekiranya didapati pendakwah tersebut menimbulkan isu-isu yang mengelirukan masyarakat dan memecahbelahkan perpaduan, beliau akan dipanggil untuk diberi peringatan oleh Jabatan Mufti seterusnya pihak berkuasa agama boleh mengambil tindakan terhadap pendakwah tersebut dengan menarik semula tauliah mengajar sekiranya gagal mematuhi peraturan yang ditetapkan. Namun begitu, bagi mana-mana yang orang apabila didapatkan menyampai pengajaran tanpa memiliki tauliah pula, mereka itu boleh diambil tindakan menerusi peruntukan undang-undang atas kesalahan mengajar tanpa tauliah di bawah Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri.

Bagi memantapkan pemahaman masyarakat terhadap prinsip kesederhanaan dan menjauhi fahaman menyeleweng, JAKIM juga telah menubuhkan *du'at al-falah* iaitu sebuah gabungan pendakwah yang berperanan membimbing kefahaman masyarakat dan membawa pendekatan sederhana. Saya mohon tambah sedikit masa, Tuan Yang di-Pertua. Seminit.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa. Seminit, ya?

Dr. Zulkifli bin Hasan: JAKIM juga telah menerbitkan buku terjemahan berjudul *‘Adab Perbezaan Pendapat Dalam Islam’* dan bagi meneruskan kesinambungan penghayatan buku ini, JAKIM telah meneruskan kandungan buku ini dengan *Training of Trainers* (TOT) dan juga jurucakap yang terdiri daripada kader JAKIM, pegawai-pegawai JAKIM di kementerian termasuk juga rakan strategik terdiri daripada *Triple IT*, *Islamic Institute* Darul Ehsan, Persatuan Ikatan Ilmuan Islam dan Yayasan Dakwah Islam Malaysia. YADIM juga menerbitkan buku terjemahan bertajuk *‘Kerahmatan Islam dan Fenomena Terorisme’* karya Profesor Dr. Profesor Ali Muhyiddin Al-Qarahdhagi.

Jadi, secara umumnya saya rumuskan di sini- jawapannya panjang tapi saya rumuskan di sini. Pemikiran yang menyemai kebencian ini perlu ditangani dengan bersepadu dan saksama menerusi dialog berserta dakwah dengan hikmah, pendekatan yang Rahmah, tindakan yang berpaksikan hujah dan juga tindakan penguatkuasaan.

Oleh itu, umat Islam perlu bersatu dalam membina kekuatan dan menguruskan sebarang bentuk perbezaan, perselisihan dengan santun dan tenang, Rahmah dan tidak marah-marah supaya tidak membawa kepada perpecahan yang merugikan dan merapuhkan ummah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri tak payah jawab semua, YB. Pasal nanti tak ada soalan tambahan... *[Ketawa]* Soalan tambahan, Dr. Mujahid.

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof: Tuan Speaker, soalan tambahan boleh cari. Tak ada masalah. Soalan saya tambahan lebih kepada penguatkuasaan sebab pendekatan untuk isu yang saya bangkitkan ini memerlukan *whole approach*. Makna kata, kalau JAKIM itu sebagai dia punya teras, sejauh mana ia berkolaborasi dengan kementerian-kementerian lain yang punya bidang kuasa penguatkuasaan yang ada kaitan dengan isu yang dibangkitkan.

Jadi, saya harap kita perlu lebih proaktif, rentas kementerian, supaya isu yang dibangkitkan ini dapat diselesaikan dengan lebih holistik, *rather than just* JAKIM-JAKIM-JAKIM, tapi tidak ada satu koordinasi yang akhirnya kita buat buku banyak, kita buat *Du'at* Falah, kita buat *du'at* itu, tidak ada *effect* kepada pelaksanaan. Terima kasih, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Menteri.

Dr. Zulkifli bin Hasan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita ambil maklum terhadap pandangan demikian. Sebenarnya ia telah pun dilaksanakan bahawa JAKIM telah pun mempunyai plan strategik dan juga plan komunikasi. Kita bekerjasama dengan beberapa kementerian di antaranya Kementerian Komunikasi, Kementerian Perpaduan dan beberapa kementerian yang lain. Dalam masa yang sama, kita juga bukan sahaja bergerak daripada aspek pentarbiahan, pendidikan. Kita juga ingin melihat daripada aspek penguatkuasaan melalui kerjasama dengan negeri-negeri.

Ini bermakna tindakan dan juga inisiatif yang dilakukan mengambil kira semua peringkat bergantung pada sejauh mana keseriusan tindakan ataupun aktiviti-aktiviti yang berlaku. Kerjasama juga termasuk dengan Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, dengan MCMC, KDN dan jabatan-jabatan mufti. Ini merupakan kerjasama yang berterusan. Malahan, selain daripada penguatkuasaan juga kita juga sentiasa menjawab isu-isu berkenaan dengan aspek ini menerusi nasihat-nasihat, *Bayan Linnas* dan lain-lain.

Kita melihat bahawa selain daripada penguatkuasaan undang-undang, yang paling penting kita memberikan pencerahan dan pencerdasan kepada masyarakat untuk menyejahterakan Malaysia dengan dakwah dan juga pendekatan yang sederhana. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Datuk Seri Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 11.

11. Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup menyatakan, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sepanjang bulan Ramadan memandangkan harga barangan yang semakin meningkat.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Datuk Yang di-Pertua, untuk makluman, skim harga maksimum musim perayaan diadakan sebanyak enam kali pada musim perayaan utama iaitu Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Hari Gawai, Pesta Kaamatan dan Hari Krismas. Ia dilaksanakan di seluruh Malaysia dan kita menetapkan menetapkan harga untuk barang-barang yang berbeza dan untuk kawasan-kawasan yang berbeza juga.

Jadi pelaksanaan harga maksimum ini bertujuan untuk memastikan harga barangan terpilih adalah terkawal dengan penetapan harga syiling di pelbagai peringkat. Ini bagi mengelakkan daripada sebilangan peniaga yang mengambil kesempatan sewaktu permintaan yang tinggi dengan menaikkan harga secara melampau. Datuk Yang di-Pertua, apabila musim perayaan dia ada permintaan yang agak tinggi.

Jadi oleh sebab itu ada kemungkinan peniaga akan ambil kesempatan sebab itu kita letak skim harga maksimum ini.

Namun ia bersifat jangka masa pendek. Beberapa hari sebelum hari perayaan itu, pada hari perayaan dan beberapa hari selepas. Kalau sekiranya kita melakukan perkara ini secara berpanjangan, kita khawatir bahawa ia akan menjejaskan bekalan. Contohnya, kalau kita tahu- kita akui bahawa kos bahan mentah sekarang meningkat kerana banyak yang kita eksport, perubahan iklim dan sebagainya. Jadi apabila kita letakkan harga syiling, dia punya margin itu singkat, pendek, kecil. Jadi kalau berpanjangan, ada kemungkinan bahawa peniaga nanti tak nak terus menjual barang tersebut. Jadi kita khawatir berkenaan dengan bekalan. Dalam pasaran ekonomi bebas seperti Malaysia ini, kita tak boleh mengawalnya secara jangka masa panjang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lakukan untuk bulan Ramadan, kita akui bahawa pada bulan Ramadan ini bagi umat Islam, dia macam musim perayaan juga, sepanjang satu bulan ya. Jadi apa yang kita lakukan ialah kita tambah Jualan Rahmah. Kalau kita ada Jualan Rahmah sekarang ini, kurang-kurang dua kali sebulan dalam satu Parlimen sampai ke DUN-DUN, untuk Ramadan kita tambah lagi sepanjang bulan Ramadan. Sepanjang bulan Ramadan ini, kita sudah mengadakan 452 Jualan Rahmah Ramadan ya, tambahan. Jadi ini di seluruh negara.

Kemudian, selain daripada itu kita juga mengadakan Bazar Ramadan Rahmah di mana Bazar Ramadan Rahmah itu kita ada 64 di seluruh negara dan di Bazar Ramadan Rahmah, kita ada menu Rahmah, sekurang-kurang 40 peratus menawarkan menu Rahmah di Bazar Ramadan Rahmah. Selain daripada itu, kita juga menawarkan *e-wallet*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua. Kita telah membelanjakan RM1.12 juta untuk *e-wallet* di Bazar Ramadan Rahmah bernilai RM20 Datuk Yang di-Pertua. Kita ada peruntukan sebanyak RM2.895 juta untuk *e-wallet* sepanjang Ramadan ini dan juga kita akan gunakan juga di Jualan Rahmah ya *e-wallet-e-wallet* ini.

Ini semua untuk membantu mengurangkan kos sara hidup untuk rakyat sepanjang bulan Ramadan. Di samping itu, kita juga Yang Berhormat Senator juga mengadakan Ops Pantau di mana kita pantau semua premis bazar Ramadan, kita pantau kedai runcit, kita pantau pasar dan sebagainya untuk memastikan bahawa barang-barang itu, barang-barang keperluan itu dapat di tidak ada pencatutan di situ. Kita telah pantau setakat ini 32,348 buah premis dalam Ops Pantau yang bermula pada 12 Mac, hari yang pertama Ramadan. Jadi itu Datuk Yang di-Pertua, langkah-langkah yang kita ambil sepanjang bulan Ramadan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: Terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya untuk perayaan Aidilfitri untuk tahun ini, bilakah skim ini akan dimulakan dan bila akan berakhir? Saya juga ingin bertanya sepatutnya skim ini menjadi pelindung ataupun melindungi pengguna daripada peniaga-peniaga yang mengaut keuntungan yang berlebihan semasa musim perayaan. Jadi, apakah kelemahan yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan khususnya dari sudut pantauan dan penguatkuasaan berdasarkan pelaksanaan yang sebelum ini? Terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh: Terima kasih atas soalan tambahan tadi. Datuk Yang di-Pertua, untuk musim perayaan Aidilfitri ini, esok Yang Berhormat Menteri akan membuat pengumuman dan ia akan bermula pada 5 hari bulan, lima hari sebelum dan berakhir lima hari selepas. Jadi, barang-barang yang akan ditawarkan itu akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri KPDN esok.

Berkenaan dengan bagaimana kita memastikan bahawa kita melindungi hak pengguna. Kita memang *deploy*, dengan izin Datuk Yang di-Pertua, semua penguat kuasa kita untuk turun padang untuk memastikan bahawa apa yang kita tetapkan itu dilaksanakan. Di masa-masa yang lepas, kita dapati ketidakpatuhan itu banyak di dalam tidak meletakkan label. Sebab bila ada skim harga maksimum ini dia ada label, label warna merah jambu.

Jadi, saya sendiri juga turun padang melihat kepada pemantauan dan selalu nya ada- kalau kedai-kedai besar mereka tahu, tapi kedai-kedai kecil, kedai-kedai runcit, kalau pasar dan sebagainya kadang-kadang mereka terlepas ya, terlepas meletakkan *pink lable* itu. Jadi itu antara perkara-perkara, aduan-aduan yang kita terima selalunya lah berkaitan dengan perkara itu, tapi Datuk Yang di-Pertua, selalu kita bagi nasihat berkenaan dengan tanda harga dan selalunya mereka patuh. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Dato' Kesavadas.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

12. Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apa usaha proaktif yang boleh mengembalikan keyakinan umum terhadap kredibiliti kepolisan para anggota PDRM yang terpalit dengan pelbagai bentuk salah laku yang menjelikkan dan bagaimanakah peranan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dapat dimainkan secara konstruktif ke arah menjayakan reformasi PDRM.

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kerajaan melalui PDRM sentiasa mengambil pelbagai langkah dalam menangani penularan pelbagai kes yang melibatkan amalan rasuah di kalangan Anggota Polis. PDRM telah melaksanakan pemeriksaan pematuhan bagi memastikan setiap anggota pasukan polis mematuhi undang-undang, peraturan, perintah tetap, arahan dan standard operasi prosedur (SOP) yang berkuat kuasa melalui tiga kaedah sebagai yang berikut:

- (i) pemeriksaan pematuhan proaktif yakni pemeriksaan mengejut melalui kaedah ujian integriti dan pemerhatian kepada petugas-petugas di lapangan;
- (ii) pemeriksaan pematuhan kawalan selia yakni pemeriksaan ke atas pengurusan dokumen-dokumen siasatan di jabatan-jabatan yang terlibat; dan
- (iii) pemeriksaan audit kewangan iaitu pemeriksaan ini menumpukan kepada pemeriksaan kewangan di pusat tanggungjawab PTJ supaya ia mematuhi prosedur kewangan yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, PDRM juga telah melaksanakan Sistem Kawalan Disiplin Dadah (SKDD) bagi anggota pasukan Polis. Penyelia yang dilantik diberi tanggungjawab untuk memantau penugasan dan juga aktiviti-aktiviti anggota pasukan polis yang diseliasa melalui SKDD.

Selain itu, insiden salah laku anggota Pasukan Polis ini diuruskan melalui elemen yang terdapat di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti tindakan Pemantapan Keutuhan Pegawai dan Anggota PDRM yang dilaksanakan oleh Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM dan Tindakan Tatatertib oleh Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP). JIPS yang ditubuhkan pada 2014 bertindak untuk memperkasakan PDRM dengan memantapkan integriti pegawai di samping memastikan tugas dilaksanakan dengan mematuhi standard yang telah ditetapkan.

Antara usaha yang diambil oleh JIPS dalam memantapkan etika dan integriti anggota PDRM adalah seperti berikut. Pertama, peranan Bahagian Agama Dan Kaunseling (BAKA), Pelan Anti Rasuah Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2020-2024 dan Pemerkasaan Peraturan 3(C) Peraturan-peraturan Pegawai Awam, Kelakuan Tatatertib 1993.

Selain itu Yang Berhormat, kerajaan telah mengambil langkah untuk mewujudkan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) melalui Akta Suruhanjaya Bebas Tata Kelakuan Polis 2022, Akta 98 dan 39 yang berkuat kuasa melalui 1 Julai 2023. Penubuhan IPCC bertujuan untuk menjalankan fungsi dan kuasa sebagai badan pemantau bebas terhadap pasukan polis antara lain fungsi ialah dan peranan IPCC ialah seperti berikut:

- (i) menerima aduan salah laku anggota Pasukan Polis; dan
- (ii) menyasat aduan salah laku anggota Pasukan Polis yang diterima.

Selain itu, mengesyorkan tindakan tatatertib terhadap Pasukan Polis yang terlibat dengan salah laku kepada Suruhanjaya Pasukan Polis. Kita juga boleh memulakan siasatan sendiri tanpa rujukan daripada mana-mana pihak atas faktor kepentingan awam.

■1130

Seksyen 26 Akta 839 memperuntukkan IPCC dijadikan *mandatory referral* yang mewajibkan Pasukan Polis merujuk kepada IPCC, kes-kes yang melibatkan jenayah seksual, cedera parah atau kematian terhadap anggota dalam tahanan atau jajaan Pasukan Polis.

Sikit lagi Datuk Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua: Seminit YB.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Fungsi IPCC...

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: ...Yang dijadikan *mandatory referral* ini merupakan satu langkah semak dan imbang yang berupaya untuk memastikan penyiasatan yang telus dapat dijalankan bagi setiap kes yang dilaporkan. Akta 839 turut memberi kuasa penyiasatan kepada IPCC iaitu pemeriksaan terhadap orang serta memperoleh dokumen yang diperlukan bagi tujuan penyiasatan.

Seksyen 32 akta ini pula memperuntukkan IPCC boleh memulakan sebarang siasatan atas inisiatif sendiri walaupun tanpa sebarang aduan. IPCC sentiasa memastikan siasatan yang cekap dan berkesan dengan memberi penekanan kepada kompetensi pegawai dan penggunaan kaedah-kaedah saintifik melalui pengurusan data, *Artificial Intelligence* (AI) dan standard kepolisian antarabangsa.

Selain itu Yang Berhormat, IPCC meneliti dan mengesyorkan kepada kerajaan cadangan penambahbaikan dalam pelbagai sudut. Antara lain mengenai penambahbaikan kesejahteraan dan kebajikan anggota polis termasuk di tempat bertugas, kediaman mereka serta aspek prosedur peraturan, sumber manusia dan fasiliti. Berdasarkan kuasa dan peruntukan di bawah akta ini, IPCC mempunyai ruang yang cukup luas untuk menjalankan siasatan...

Timbalan Yang di-Pertua: Dah lebih 10 minit YB.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: ...Salah laku, mengesan punca-punca salah laku, mengesyorkan tindakan proaktif dan preventif serta memantapkan tadbir urus dalam Anggota Polis. Panjang lagi sebenarnya...

Timbalan Yang di-Pertua: YB Menteri, tunggu soalan tambahan.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: ...Dan dari semasa ke semasa kita memperbaiki apa yang kita lakukan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Dato' Kesavadas... [Ketawa]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk satu jawapan yang panjang dan lengkap. Walau bagaimanapun, soalan tambahan saya, pertama ialah- apakah bentuk motivasi serta sokongan profesional yang diterapkan di bawah kepimpinan Ketua Polis Negara yang berupaya mendorong kepada penambahbaikan disiplin kerja anggota serta Pegawai Polis yang bertugas di lapangan, khususnya yang terlibat dalam operasi-operasi kritikal seperti kawalan sempadan.

Adakah manfaat atau kelebihan baharu yang akan disediakan untuk menarik minat generasi muda hari ini dan akan datang untuk berbakti bersama PDRM dengan mengambil kira kebarangkalian pemansuhan skim pencen penjawat awam. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Yang Berhormat Yang di-Pertua, dari semasa ke semasa kita terus melakukan usaha untuk menambah baik perkhidmatan Polis, memberi kesejahteraan kepada rakyat. Tentunya banyak program motivasi serta sokongan profesional yang diterapkan di bawah pimpinan IGP hari ini. Antara lainnya ialah kita memberi tumpuan kepada infra yang ada untuk ditingkatkan bagi memberi keselesaan kepada anggota kita dan tentunya pembangunan kapasiti.

Dari satu sisi lain, lawatan-lawatan, pemantauan-pemantauan berterusan sentiasa dilakukan oleh IGP dan pegawai-pegawai daripada aspek kebajikan dan tentunya melihat semua perkara yang berkaitan dengan keperluan, lokasi-lokasi bertugas terutama kawasan-kawasan kritikal dan kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Sudah tentu kita melakukan usaha untuk meningkatkan manfaat dan kelebihan baharu bagi menarik generasi muda untuk menyertai pasukan polis. Melihatkan kepada permohonan yang ada daripada pihak awam untuk menyertai Pasukan Polis, ia menunjukkan bahawa memang tinggi minat masyarakat untuk menjadi Anggota Polis.

Oleh sebab itu, selain daripada usaha tersebut, kita sentiasa menjalankan pameran, *roadshow* untuk meningkatkan kesedaran, memberi pemahaman kepada rakyat. Ketika ini juga usaha dilakukan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji dan menilai semula skim perkhidmatan dan juga gaji bagi membolehkan kita dapat meningkatkan apa yang kita ada pada hari ini. Terima kasih.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 13.

13. Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah menyatakan, adakah terdapat sebarang kajian yang telah dibuat berkaitan migrasi penduduk luar bandar ke bandar di Malaysia dan impak perkara tersebut kepada kewujudan penempatan desa. Apakah usaha pihak kementerian dalam menangani isu ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah [Datuk Hajah Rubiah binti Wang]: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua, terima kasih YB Senator atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini tidak ada kajian khusus dibuat di peringkat kementerian berkaitan dengan migrasi penduduk luar bandar ke bandar di negara ini dan impaknya kepada penempatan desa.

Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa memberi penekanan terhadap usaha-usaha meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar melalui pelbagai projek dan program yang dirancang dan dilaksanakan bagi memastikan masyarakat luar bandar terus kekal tinggal di luar bandar. Apa yang kita nak pastikan kawasan luar bandar sebagai luar bandar sejahtera.

Jadi, antara program yang dilaksanakan ialah meningkatkan kemudahan-kemudahan asas, khasnya dari sudut infrastruktur dan prasarana jalan luar bandar, projek elektrik luar bandar, projek air luar bandar. Begitu juga dengan program-program ekonomi seperti dalam bentuk keusahawanan, Program Pembangunan Ekonomi Secara Berkelompok, Program Desa Lestari, Program Bersepadu, Program Pembangunan Ekonomi (PROSPEK). Begitu juga Program Desa Lestari yang mana program-program ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan, malah juga mencipta peluang-peluang pekerjaan di kawasan luar bandar.

Namun begitu, untuk makluman Yang Berhormat Senator, berdasarkan kajian impak yang telah dilaksanakan oleh DOSM, maksudnya Jabatan Perangkaan telah menunjukkan trend aliran migrasi dari negeri melibatkan luar bandar ke bandar semakin berkurangan iaitu daripada 3.0 peratus pada 2020 telah mengurang kepada 2.4 pada tahun 2022. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Datuk Zurainah, memandangkan ini soalan...

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Memandangkan ini soalan terakhir, jadi saya bagi satu sahaja soalan tambahan untuk Datuk Zurainah.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Terima kasih. Terima kasih. Tahniah kepada kementerian terutama dengan program-program ekonomi. Saya juga tertarik kepada inisiatif kementerian di mana kita ada program Satu Kampung Satu Produk. *Now*, pertanyaan saya ialah bagaimana produk ini akan dipasarkan di luar negara seperti di Jepun yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri baru-baru ini. Adakah inisiatif ini akan dilakukan di negeri-negeri yang KDNK-nya rendah sahaja ataupun semua negeri? Terima kasih.

Datuk Hajah Rubiah binti Wang: Terima kasih YB Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman YB Senator, sebenarnya program Satu Kampung Satu Produk merupakan satu program di bawah Kementerian Koperasi (KUSKOP). Namun begitu, KKDW memberi *support*, memberi sokongan terhadap program Satu Kampung Satu Produk yang telah dilaksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam usaha kita memajukan produk Satu Industri Satu Kampung ini, banyak produk yang telah dikeluarkan maksudnya telah dihasilkan dan produk-produk ini telah dipasarkan, bukan sahaja di dalam negara maksudnya dalam masyarakat setempat kawasan berkenaan, malah juga di peringkat negara kita dan juga maksudnya luar negara.

Melalui program-program yang telah diatur berdasarkan program peningkatan usahawan khasnya di bawah MARA. Sebab kita ada program-program yang melibatkan program *Gate to Global* yang mana produk-produk yang berkualiti, produk-produk yang mampu menyaingi pasaran luar bandar telah dibawa ke karnival-karnival dan juga *business matching* di luar negara.

Selain daripada itu, kita juga ada program yang disebut digital iaitu *Desamall* kita yang mana produk-produk berkualiti ini dimasukkan dalam market, dalam digital yang mana pasarannya bukan sahaja di dalam negara malah juga di luar negara.

Di samping itu, produk-produk khususnya kraf tangan yang terlibat dalam SDSI ini juga dipasarkan melalui *MYCraftShoppe* yang melalui Kraftangan ataupun MOTAC punya digital yang mana produk-produk ini pun juga di-market-kan sampai ke luar negara. Hasil pendapatan ini pun telah menjana pendapatan yang amat baik kepada usahawan-usahawan khususnya produk luar bandar di kawasan luar bandar.

■1140

Untuk makluman seterusnya, 1Kampung1Produk ialah program baharu untuk KKLW yang baru diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri ketika lawatan kita ke Jepun. *Insya-Allah*, kita akan perkasakan lagi program ini pada masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah sesi soal jawab.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: Yang Berhormat, *short one*.

Timbalan Yang di-Pertua: Setiausaha. Menteri sedang menunggu itu... *[Ketawa]*
[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

DI BAWAH PERUNTUKAN PERATURAN MESYUARAT 11(5)

11.40 pg.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(5), saya hendak menetapkan bahawa Dewan Negara pada hari ni tidak akan ditempokkan pada jam 1 tengah hari dan akan bersidang secara terus sehingga selesai diputuskan dan diluluskan rang undang-undang D.R. 6/2024 Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 2 April 2024.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEKEBALAN BIDANG KUASA NEGARA ASING 2023

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.41 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Kerajaan Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 dibacakan untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang Dewan ini sedia maklum, prinsip kekebalan negara merupakan prinsip asas dalam undang-undang adat antarabangsa, dengan izin, *customary international law* yang menetapkan bahawa sesebuah negara dilindungi daripada tindakan dan prosiding di mahkamah negara asing.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Ini bermaksud setiap negara perlu menghormati kekebalan negara lain dan memberi perlindungan kepada sesebuah negara daripada didakwa di mahkamahannya. Buat masa ini Malaysia mengamalkan *doctrine restrictive immunity* dan prinsip ini telah diterapkan dalam rang undang-undang ini.

Sebagaimana semua Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kes tuntutan Sulu merupakan satu kes yang luar biasa, dengan izin, *an unusual case*, malah *unprecedented*, dengan izin, melibatkan aspek kekebalan negara yang telah menyedarkan Malaysia tentang keperluan dan kepentingan untuk mewujudkan satu undang-undang khas yang dapat memberikan perlindungan kekebalan pada Malaysia daripada tindakan dan prosiding di mahkamah negara asing. Tanggungjawab memelihara kekebalan negara bukan tanggungjawab kerajaan semata-mata, tetapi tanggungjawab dan amanah setiap rakyat Malaysia termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Antara persoalan yang penting yang perlu ditanya adalah apakah undang-undang sedia ada di negara kita yang boleh digunakan bagi memelihara hak kekebalan Malaysia serta melindungi asetnya sekiranya perkara atau agenda pihak berkepentingan sebegini berulang. Kedua, adakah ia memadai bagi negara kita hanya bergantung semata-mata pada undang-undang adat antarabangsa yang tidak dikodifikasikan sehingga kini sedangkan negara-negara lain seperti *United Kingdom*, Kanada dan Singapura telah lama berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan inilah yang telah mengerakkan Kerajaan Madani untuk mengenal pasti satu hala tuju dalam menangani perkara ini. Kerajaan tidak akan sama sekali berkompromi perkara berhubungan dengan kekebalan negara. Dalam hal itu, satu Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing telah digubal oleh kerajaan dengan membuat rujukan kepada *United Nations Convention on Jurisdictional Immunities of States and Their Property 2004*, Konvensyen 2004 yang memberikan penekanan kepada *restrictive immunity*.

Selain itu, kerajaan juga telah merujuk perundangan berkaitan kekebalan negara asing di beberapa buah negara seperti *United Kingdom*, Singapura, Kanada dan China. Rang undang-undang yang ada pada hari ini juga telah dirujuk dan memperoleh persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu pada 24 Oktober 2023 selaras dengan Fasal (5) Perkara 159 yang dibaca bersama dengan Fasal (4) Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 mengandungi 33 fasal seperti yang diperincikan dalam salinan rang undang-undang, dengan izin, *blue bill* yang telah diedarkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan fasal 30 rang undang-undang ini, saya ingin menekankan bahawa ia tidak melibatkan perlaksanaan kuasa oleh Perdana Menteri secara bersendirian di mana Perdana Menteri selaku Pengerusi Majlis Kekebalan Negara Asing yang dianggotai oleh 12 orang ahli-ahli anggota Majlis yang lain telah diberikan mandat dari segi undang-undang untuk mempertimbangkan dan memutuskan secara kolektif mengenai perkara ini.

Merujuk kepada fasal 21 rang undang-undang ini antara lain ialah kewujudan fungsi Majlis Kekebalan Negara Asing adalah untuk menimbang, teliti dan memutuskan semua perkara berkenaan dengan kekebalan negara asing. Majlis juga mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah akta yang dicadangkan ini.

Kuasa ini dijelaskan di bawah fasal 22 sebagai contoh sebarang permohonan yang diterima oleh majlis akan diproses oleh Setiausaha Majlis yang akan seterusnya mengaturnya Mesyuarat Majlis yang melaluinya permohonan berkenaan akan dipertimbangkan sebelum satu keputusan dibuat. Berikutan itu, sekiranya permohonan itu diluluskan ia akan ditandatangani oleh Perdana Menteri selaku Pengerusi, maka Perdana Menteri tidak boleh menjalankan kuasa secara, dengan izin, *in silo*.

Butir-butir berkaitan kaedah perjalanan kuasa dan fungsi Majlis akan diperincikan secara jelas dalam peraturan-peraturan di mana kuasa untuk membuat peraturan-peraturan, diperuntukkan di bawah Fasal 33.

Penggubalan Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing oleh kerajaan ini mencerminkan usaha Malaysia dalam menegakkan hak dan kepentingan negara serta memastikan kekebalan Malaysia dilindungi dalam apa-apa prosiding di mahkamah. Dengan penggubalan rang undang-undang ini, kerajaan berharap negara-negara asing akan turut memberikan layanan salingan, dengan izin, *reciprocal treatment*, dalam menjamin kekebalan Malaysia sekiranya terdapat tindakan mahkamah yang dimulakan terhadap Malaysia di negara-negara asing.

Saya percaya rang undang-undang ini dapat bertindak sebagai perisai, dengan izin, *shield*, yang dapat melindungi kekebalan sebuah negara berdaulat termasuklah negara kita daripada tindakan oleh mana-mana pihak yang berniat jahat pada masa yang akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kekebalan negara asing dan hartanya, Ketua Negara dan Ketua Kerajaan Negara Asing daripada bidang kuasa Mahkamah Malaysia, hal keadaan bagi penepian kekebalan, had kekebalan, penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing. Penarikan balik kekebalan apabila tiada layanan salingan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 14 orang ahli yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan lima minit seorang. *Be strict, stick to the time, okay.*

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

11.49 pg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. selamat pagi dan salam Malaysia Madani. Datuk Yang di-Pertua, melalui rang undang-undang ini Malaysia mengkanunkan Undang-undang Adat Antarabangsa yang secara umumnya mengiktiraf kekebalan sesebuah negara asing bagi dirinya sendiri dan hartanya daripada dihadapkan ke Mahkamah di Malaysia.

Kekebalan ini juga turut dipanjangkan kepada Ketua Negara dan Ketua Kerajaan Asing atas kapasiti rasmi mereka. Kekebalan bidang kuasa negara asing bukanlah satu hak atau keistimewaan, sebaliknya ia doktrin yang terbit daripada konsep kesaksamaan antara negara-negara yang berdaulat. Justeru, sesebuah negara tidak tertakluk kepada bidang kuasa negara yang lain.

Datuk Yang di-Pertua, prinsip kekebalan yang mutlak telah membangun menjadi kekebalan yang terhad atas sebab negara-negara telah menjalankan fungsi-fungsi komersial yang bukan merupakan fungsi-fungsi tradisi sesebuah negara yang berdaulat.

■1150

Oleh yang demikian, kekebalan yang terhad mengimbangi kedaulatan sesebuah negara dengan kebertanggungjawabannya dan keadilan dalam pertikaian rentas sempadan. Justeru itu, amalan di peringkat antarabangsa adalah untuk memberi kekebalan yang terhad. Dalam konsep kedaulatan, wujud tanggapan bahawa setiap negara mempunyai bidang kuasa yang eksklusif dan mutlak dalam sempadannya. Oleh itu, Malaysia berhak untuk menentukan keadaan-keadaan yang menyebabkan Malaysia boleh mengetepikan kekebalan sesebuah negara.

Melalui rang undang-undang ini, Malaysia menerima pakai kekebalan yang terhad dan memperuntukkan sembilan keadaan di mana kekebalan boleh diketepikan. Saya berpandangan had-had kekebalan tersebut termasuk peruntukan berkenaan penguatkuasaan penghakiman adalah wajar dan selaras dengan amalan antarabangsa. Negara-negara lain seperti Kanada, Australia, Amerika Syarikat dan *United Kingdom* yang telah mengkanunkan undang-undang kekebalan negara asing juga menerima pakai beberapa kekecualian yang serupa dengan kekecualian yang terkandung dalam rang undang-undang ini.

Datuk Yang di-Pertua, undang-undang kekebalan negara boleh disifatkan sebagai pedang dan perisai. Sebagai perisai, undang-undang ini kelak boleh melindungi Malaysia daripada tuntutan di mahkamah asing. Dengan adanya undang-undang ini nanti, Malaysia mengharapkan negara-negara asing memberi layanan salingan iaitu mengiktiraf kekebalan Malaysia dan tidak membenarkan tindakan ke atas Malaysia di mahkamah mereka.

Sekiranya negara asing itu tidak memberi layanan salingan, Malaysia boleh menggunakan undang-undang ini sebagai pedang untuk menuntut kekebalan di mahkamah asing. Itu kedudukan undang-undang yang sebenarnya, tetapi daripada segi realiti, isu kekebalan bidang kuasa negara asing boleh menjadi rumit seperti apa yang terjadi dalam kes Sulu. Walaupun masa itu kita belum ada undang-undang seperti ini, tetapi undang-undang adat antarabangsa sepatutnya diikuti. Mahkamah Sepanyol dan Perancis telah membenarkan tindakan dibawa terhadap Malaysia.

Di Sepanyol dengan membenarkan timbang tara dilakukan dan di Perancis membenarkan timbang tara diteruskan termasuk membenarkan penguatkuasaan anugerah timbang tara. Walaupun kesudahannya keputusan kes memihak pada Malaysia, tetapi keputusan diasaskan kepada kepincangan prosedur yang menyebabkan tindakan penimbang tara dan anugerah timbang tara menjadi tidak sah.

Kes Sulu menimbulkan banyak persoalan. Pertama, adakah mahkamah negara-negara tersebut mengetepikan kekebalan bidang Malaysia di mahkamah mereka kerana mentaksirkan peruntukan dalam perjanjian tahun 1878 itu membenarkan timbang tara? Kedua, adakah mahkamah negara-negara tersebut mentaksirkan penyerahan *North Borneo* oleh Sultan Sulu kepada wakil *British North Borneo Company* sebagai satu transaksi komersial dan bukan *Sovereignty Act*? Mengapa mahkamah Sepanyol membenarkan timbang tara diadakan Sepanyol walhal forum yang sewajarnya iaitu mahkamah di Kota Kinabalu, Sabah?

Saya ucapkan syabas kepada kerajaan atas kejayaan di mahkamah-mahkamah Sepanyol dan Perancis. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan susulan yang diambil oleh kerajaan untuk mengetepikan dengan muktamad penguatkuasaan *final award* oleh penuntut-penuntut Sulu? Apakah tindakan Malaysia di peringkat antarabangsa supaya diadakan peraturan yang dapat membendung tindakan tidak beretika penaja litigasi seperti Syarikat Therium? Sekiranya kumpulan yang menggelar diri sebagai "*United Tausug Citizens*" meneruskan ancaman untuk memfailkan tuntutan ke atas Sabah di Amerika Syarikat, apakah tindakan kerajaan untuk mengetepikan tindakan tersebut?

Datuk Yang di-Pertua, kekebalan bidang kuasa negara asing juga memberi implikasi yang signifikan- boleh mohon satu minit sahaja?

Memberi implikasi yang signifikan kepada individu atau syarikat-syarikat Malaysia yang mengurus niaga dengan negara asing atau entiti negara asing demi melindungi kepentingan serta hak untuk mendapatkan keadilan di mahkamah. Individu-individu dan syarikat-syarikat Malaysia hendaklah menentukan perjanjian-perjanjian tidak mengecualikan negara asing daripada tindakan undang-undang.

Datuk Yang di-Pertua, peruntukan selebihnya dalam rang undang-undang ini berkenaan dengan tadbir urus undang-undang ini bila berkuat kuasa nanti meliputi penubuhan Majlis Kekebalan Negara termasuk mengecualikan mana-mana negara asing dari mana-mana peruntukan akta.

Datuk Yang di-Pertua, kes Sulu adalah dorongan mengapa Malaysia memerlukan undang-undang ini. Kedaulatan negara mesti dijaga. Oleh yang demikian, saya menyokong supaya rang undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas.

11.55 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Datuk Yang di-Pertua, sebagai pengamal undang-undang, saya sentiasa meletakkan prinsip *no human can defeat the law of the land* terutamanya dalam hal yang melibatkan urusan perniagaan. Peruntukan ini secara dasarnya melindungi mana-mana rakyat Malaysia daripada di manipulasi atau dikhianati oleh seseorang individu asing yang menggunakan pangkat dan pengaruh untuk mendapatkan kelebihan tertentu dalam satu-satu urusan perniagaan negara ini.

Ini jelas mencerminkan kepedulian Majlis Kekebalan Negara Asing dalam mengekang sebarang bentuk salah guna pengaruh atau salah guna penghormatan oleh mana-mana ketua kerajaan negara asing yang menjalankan urusan perniagaan dalam kapasiti peribadinya. Had kekebalan ketua negara asing yang diperuntukkan dalam konteks ini menjustifikasikan ruang perundangan yang adil kepada mana-mana individu warga negara untuk melakukan sebarang prosiding mahkamah terhadap mana-mana ketua negara asing lagi maksud kecurangan dalam apa jua urusan *man to man*.

Walaupun ada kekebalan diperuntukkan dalam seksyen 8 Akta Kekebalan Bidang Kuasa Asing 2023 ini, saya sebagai seorang anggota legislatif tertanya-tanya bagaimanakah sekiranya organisasi tempatan ini tidak mempunyai apa yang saya boleh panggil kekuatan pengaruh atau keberanian untuk memfailkan prosiding mahkamah terhadap sesebuah negara asing atau ketuanya. Apakah peranan yang akan dimainkan secara inklusif oleh Kerajaan Persekutuan untuk membela dan menyediakan saluran aduan serta perundangan guaman kepada mana-mana syarikat tempatan yang ingin memfailkan saman terhadap sesebuah negara asing seperti yang digariskan dalam seksyen 8(1)?

Berhubung dengan peruntukan seksyen 8(2), saya berpendirian bahawa kerajaan menerusi kementerian-kementerian berkaitan khususnya Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri sewajarnya mengadakan sesi libat urus dengan pemain-pemain industri tempatan.

Sesi Libat Urus yang saya syorkan itu bertujuan untuk menjelaskan secara umum berkenaan akta ini dan secara khusus berkenaan seksyen 8(2)(a) yang memperuntukkan bahawa satu-satu perjanjian perniagaan boleh mengecualikan sesebuah negara asing daripada tindakan perundangan negara. Peruntukan 8, seksyen 8(2) tersebut perlu difahami oleh setiap syarikat tempatan yang mempunyai rangkaian perniagaan antarabangsa.

Datuk Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin menyentuh tentang seksyen 14 yang menggariskan tentang kekebalan dalam hal yang melibatkan kapal atau kargo binaan kapal milik atau kendalian sesebuah negara asing. Dasar Kerajaan Malaysia Madani jelas menidakkan bahawa hubungan dua hala dengan Israel. Dasar itu secara zahirnya dipamerkan dalam tindakan kerajaan yang telah mengarahkan syarikat perkapalan Israel- *ZIM Integrated Shipping Services* untuk memindahkan 4,000 kontena transit kendalian syarikat tersebut yang terkandas di Pelabuhan Klang pada akhir Disember 2023.

Peristiwa tersebut telah membawa saya untuk membangkitkan dua persoalan berkaitan seksyen 14. Pertama, bagaimanakah satu-satu kapal negara asing itu dapat diklasifikasikan secara prinsipnya sebagai kapal yang tidak bersifat bukan komersial-kerajaan?

Kedua, bagaimanakah peruntukan ini dapat dijadikan sebagai perlindungan daripada ancaman luar jangka oleh mana-mana negara asing untuk sewenang-wenangnya menggunakan alasan urusan bukan komersial kerajaan untuk memasuki sempadan maritim negara?

Datuk Yang di-Pertua, yang terakhir saya ingin berhujah tentang kuasa Majlis Kekebalan Negara Asing yang digariskan dalam seksyen 22. Seperti yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut, Majlis mempunyai kuasa di antaranya untuk memperakui secara bertulis perkara-perkara yang melibatkan kekebalan negara asing.

Bagi pandangan saya, kuasa tersebut perlu dimanfaatkan oleh Majlis untuk melakukan penetapan negara-negara Barat yang wajar dikecualikan dengan kekebalan bagi maksud akta ini. Sebagai contoh, jika Kesatuan Eropah masih mempunyai ego untuk menyekat minyak sawit keluaran negara kita, apakah rasionalnya jika Malaysia masih peruntukkan kekebalan kepada mana-mana negara Kesatuan Eropah dengan mengharapkan layanan salingan daripada mereka seperti yang dimaksudkan dalam seksyen 39?

■1200

Saya juga berpandangan bahawa kuasa Majlis bagi maksud seksyen 22(b) wajar dijadikan sebagai dorongan untuk mempamerkan pendirian Malaysia di peringkat antarabangsa sebagai sebuah negara pendamai yang menolak sebarang bentuk prejudis serta kezaliman kemanusiaan yang didalangi oleh mana-mana negara Barat- setengah minit lagi.

Penolakan ini wajar dizahirkan menerusi pengecualian kekebalan yang boleh dijalankan oleh Perdana Menteri mengikut seksyen 32. Akta ini yang seharusnya menjadi manifestasi pendirian luar Malaysia yang tidak berkompromi terhadap tindak-tanduk mana-mana negara dunia yang selama ini menjadikan peperangan atau pergolakan geopolitik sebagai alasan yang menghalalkan dominasi dalam sesebuah wilayah atau negara yang lemah.

Datuk Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan saya bagi Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

12.01 tgh.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya akan menyentuh beberapa fasal. Sepertimana di bawah fasal 5, fasal ini dilihat agak umum untuk difahami dalam soal yang dikatakan sebagai satu jaminan kekebalan. Jadi, saya hendak tahu apakah yang dimaksudkan satu jaminan itu? Apakah mekanisme untuk mempertahankan elemen jaminan yang dimaksudkan?

Saya juga hendak bertanya setakat mana yang dimaksudkan di bawah peruntukan RUU ini mengikut konsep layanan salingan- *reciprocity*, dengan izin, yang mungkin ada kaitan dengan subfasal 7(1), subfasal 7(2), dan subfasal 7(3).

Malahan, walaupun apa-apa kekebalan yang diberikan kepada suatu- negara asing boleh ditarik balik sekiranya tidak dibalas oleh negara asing tersebut, tetapi saya juga hendak memahami dan mengetahui kerana mengikut pemahaman di bawah RUU ini, andainya keadaan seperti yang diharapkan bahawa negara-negara asing akan turut memberi layanan salingan- *reciprocal treatment*, dengan izin, dalam menjamin kekebalan kedaulatan Malaysia sekiranya terdapat tindakan mahkamah yang dimulakan terhadap Malaysia di negara-negara asing tersebut, tetapi tidak dilayan, tidak diendahkan oleh negara asing tersebut? Apakah di bawah RUU ini Malaysia akan terpelihara atau boleh mencabar di peringkat mahkamah antarabangsa?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya di bawah fasal 9. Persoalannya, berkait perkataan yang disebut RUU ini iaitu, "*Negara asing tidak kebal.*" Ia perlu diperjelaskan lagi oleh Menteri kerana saya hendak tahu juga apakah negara Malaysia umpamanya benar-benar kebal andainya ada kebocoran-kebocoran maklumat dari dalam negara yang disalurkan kepada pihak luar?

Sebagai contoh, kebocoran maklumat terlebih awal mengenai keputusan Lembaga Pengampunan berhubung kes rasuah bekas Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak oleh media Singapura. Laporan berita media Singapura itu memetik sumber termasuk pegawai kanan kerajaan kepada *Channel NewsAsia* (CNA). Walaupun telah dinafikan oleh Menteri Komunikasi, umum mengetahui CNA milik Mediacorp yang juga kumpulan media dan hiburan terbesar di Singapura yang dimiliki oleh Temasek Holdings, cabang pelaburan milik pemerintah Singapura.

Soalnya di sini ialah kebocoran maklumat kerajaan yang dilihat sebagai rahsia besar atau rahsia kecil, sulit dan sebagainya tetapi atas faktor keselamatan, kedaulatan negara dan keselamatan rakyat negara Malaysia, adakah elemen-elemen ini termaktub sebagai satu jaminan kekebalan negara untuk menangkisnya?

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana di bawah fasal 13, jadi saya hendak tahu juga adakah Malaysia boleh bertindak ke atas syarikat media asing? CNA sebagai contohnya kerana mungkin memberi maklumat terlebih awal yang tidak sepatutnya disiarkan kerana mungkin embargo, dengan izin, atau mungkin kerana tunggu pelepasan kenyataan media itu sendiri atau adanya elemen-elemen kebocoran yang mungkin kita tidak tahu akan menyebabkan negara kita menjadi huru-hara?

Persoalan seterusnya, siapakah pula sumber yang dimaksudkan pegawai kanan kerajaan itu? Adakah pegawai kita atau perisik asing? Kerana ini mungkin soal kebocoran kerahsiaan kerajaan. Yang saya bimbang ialah perisik-perisik luar negara atau mungkin yang dikaderkan oleh agensi perisikan luar terhadap pegawai-pegawai kerajaan kita sendiri bagi memberi sebarang maklumat tertentu. Apakah perisik-perisik ini boleh dikenakan tindakan tegas di bawah RUU ini?

Terkini, penahan seorang warga Israel yang mungkin perisik Mossad dengan rampasan enam pucuk pistol dan 200 biji peluru serta sepasang suami isteri warga tempatan turut ditahan kerana membantunya. Ini sesuatu yang sangat serius dan sebenarnya tidak mengejutkan kerana saya percaya perisik-perisik luar negara ini termasuk Mossad mungkin telah lama beroperasi di sini.

Saya berharap Bukit Aman terus menyiasat apakah sebenarnya motif di sebalik kejadian ini? Sepertimana yang berlaku ini, sejauh manakah RUU yang kita bahaskan ini mampu mengekang anasir-anasir sebegini rupa? Pohon penjelasan.

Akhir sekali, saya hendak bertanya adakah di bawah fasal-fasal yang saya sebutkan tadi pihak-pihak negara asing boleh dikenakan tindakan tegas? Tindakan undang-undang dan hukuman yang berat? Pohon penjelasan.

Apakah takrifan negara asing itu di bawah fasal 4 akan boleh sebarang tindakan tegas boleh dilaksanakan di bawah RUU ini atas dasar mencabar kedaulatan negara, mencero bohi privasi maklumat di negara ini dan maklumat kerajaan, menimbulkan kegenteran awam dan mencetuskan ketidaktenteraman awam di nagara ini? Pohon penjelasan, saya menyokong. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

12.06 tgh.

Puan Susan Chemerai Anding: Salam sejahtera, selamat tengah hari. Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk berbahas tentang RUU ini iaitu Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023. Secara ringkas akta ini adalah berkenaan dengan memberi kekebalan kepada negara asing berasaskan prinsip *reciprocal treatment* di bawah Undang-undang Adat Antarabangsa atau, dengan izin, *customary international law*.

Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing ini memang wujud dalam undang-undang adat antarabangsa hanya ia tidak dikodifikasikan, dengan izin. Secara keseluruhannya, saya anggap RUU ini memang baik untuk digubal, untuk memperkuatkan lagi perlindungan kepada kedaulatan negara kita daripada tuntutan-tuntutan yang tidak berasas dan *frivolous and vexatious*, dengan izin, seperti tuntutan Sulu.

Di bawah prinsip *reciprocal treatment*, mana-mana negara asing yang tidak melindungi Malaysia dengan kekebalan di negara mereka maka Malaysia juga layak untuk *reciprocate* dengan layanan yang sama iaitu tidak melindungi negara asing tersebut dengan perisai apabila kedaulatannya tercabar. Ini ada disebut di fasal 30 dan Perdana Menteri mempunyai kuasa bertindak demikian.

Saya hanya mahu membangkitkan satu, dua perkara sahaja iaitu daripada segi pelaksanaannya kelak di mana pelaksanaannya secara langsung atau tidak langsung, saya fikir bergantung berat kepada hubungan diplomatik dengan negara asing tersebut, imej negara di mata dunia dan keadaan geopolitik semasa dunia. Akta ini walaupun ia dikodifikasikan- dalam pelaksanaannya, ia masih juga bergantung sangat kepada harapan, *a mere hope* dengan izin, bahawa negara lain akan menghormati undang-undang negara kita dan memberi layanan saling- *reciprocal treatment* dalam menjamin kedaulatan Malaysia sekiranya terdapat tindakan mahkamah yang dimulakan terhadap Malaysia di negara asing itu.

Soalan saya, dengan wujudnya akta ini adakah ia memberi jaminan bahawa negara lain akan memberi layanan saling atau *reciprocal treatment* bila diminta oleh kita? Adakah negara lain masih dapat kalau dia mahu menguatkuasakan penghakiman kepada tuntutan yang tidak berasas walaupun dengan keadaan ada wujud hubungan diplomatik antara kita?

Saya rasakan akta ini rasanya kurang, tidak memberi jaminan negara lain akan memberi layanan saling. Malah, ada negara boleh pada masa yang sama masih menganggap negara kita perlu mengikut sepenuhnya norma undang-undang antarabangsa tetapi tidak memberi *reciprocal treatment* sebab perkara ini bergantung kepada suasana geopolitik semasa.

■1210

Tuntutan China kepada *Spratly Islands*, ada satu *case in points* di mana sesebuah negara menolak untuk *ratify treaty* antarabangsa yang dicadangkan oleh negara lain. tetapi pada masa yang sama mahukan ratifikasi kepada cadangannya. Perkara sebegini berlaku dan kita juga membantah sekeras-kerasnya beberapa kali kepada China berkenaan dengan pencerobohan perairan kita. Namun, walaupun begitu, kita juga masih tidak dapat berbuat apa-apa.

Kita juga ada mendengar tentang negara asing yang menguatkuasakan undang-undang antarabangsa yang memberi manfaat kepada kepentingan negara tersebut sahaja secara *selective enforcement* dan mereka juga pada masa yang sama, *expect* dengan izin, negara lain *fully adhere*, dengan izin, kepada norma undang-undang antarabangsa. Maka, *reciprocal treatment* ini sesuatu yang boleh dikatakan agak ilusif walaupun ada kodifikasi kepada *Jurisdictional Immunities of Foreign States*. Walaupun *reciprocity* ini merupakan prinsip utama dalam hubungan antarabangsa, ia bukan sesuatu yang dapat kita paksakan terhadap negara asing walaupun wujud akta ini nanti.

Ini juga mungkin ada kesan lebih meluas kepada *legal order* antarabangsa dengan berpotensi mencetuskan konflik. Justeru, saya ingin sarankan di sini yang penting adalah hubungan diplomatik kita dengan negara lain dan juga status kekuatan Malaysia di mata dunia dari segi ekonomi, kestabilan politik, norma antarabangsa, hak asasi manusia, indeks CPI, pertahanan, *security* dan sebagainya.

Akhir sekali, bagaimanakah Malaysia akan *navigate* kes tuntutan Sulu nanti selanjutnya, dengan ada penguatkuasaan akta ini kelak? Adakah apa-apa impak kepada kes ini nanti? Dengan itu Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Ibrahim.

12.12 tgh.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum. Salam Malaysia Madani, segulai sejalai.*

Datuk Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan keizinan untuk saya membahaskan RUU ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kementerian atas pembentangan pindaan RUU Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023. Semoga dengan undang-undang ini, usaha mewujudkan kawal selia yang ketat dan memastikan kepentingan sesebuah negara dan rakyatnya, dipelihara daripada tuntutan pihak luar yang tidak bertanggungjawab bagi mengeksploitasikan perundangan.

Saya hanya mempunyai beberapa persoalan yang ingin saya kemukakan dalam perbahasan ini. Maaf, kerana ia amat penting dalam kerangka perundangan kita.

Datuk Yang di-Pertua, pertama ialah takrifan dalam fasal 4(a) dan (c) kalau dibaca sangat luas. Adakah takrifan dan tafsiran ini sudah mencakupi syarikat-syarikat, badan-badan berkanun serta agensi mahupun ejen perisikan antarabangsa iaitu perisikan asing yang ditumpukan untuk pengumpulan *intel* atau maklumat? Adakah ia akan memberi kesan terhadap aspek perkongsian maklumat, mengambil kira amalan terbaik konsep kekebalan negara ataupun *states immunity*? Untuk perkara sebegini, apakah tindakan kita kepada sesuatu negara yang dikira kebal jika membuat kesalahan dalam negara kita?

Baru-baru ini, kita digemparkan dengan penangkapan seorang ejen Mossad yang baru disebut oleh 'Tok Li' tadi, yang mungkin juga sebahagian dari *Kilot* iaitu *elite killer*, dengan izin, dari Israel yang datang ke negara kita dalam cubaan hendak melakukan pembunuhan, tetapi sampai kini kita belum lagi tahu agenda sebenarnya dia berada di Kuala Lumpur. Beliau memasuki Malaysia dengan menggunakan pasport negara Perancis.

Selain itu, ada tiga penangkapan baru warga tempatan yang difahami bersekongkol dengan pengganas dari Israel tersebut. Begitu juga pada tahun 2022, penangkapan 11 orang warga tempatan yang bersekongkol dengan ejen Mossad juga. Apakah tindakan kita? Apakah tindakan yang boleh kita ambil terhadap agensi atau wakil yang diwujudkan sebagai entiti penyamaran untuk menjalankan perbuatan terkutuk dalam negara kita?

Datuk Yang di-Pertua, keduanya ialah seksyen 9. Seperti yang diperuntukkan dalam RUU ini mengenai kekebalan bagi kontrak kerja. Seperti kita ketahui sebelum ini, ada kes melibatkan kedutaan asing iaitu Kedutaan Amerika Syarikat dengan seorang rakyat Malaysia yang bekerja sebagai pengawal keselamatan iaitu Encik Subramaniam Letchimanan. Encik Subramaniam dibuang kerja oleh Kedutaan Amerika Syarikat pada 2008 dengan tiada surat amaran, tiada siasatan dalaman oleh pihak kedutaan dan beliau dibuang kerja tanpa sebab.

Walaupun Mahkamah Perusahaan mengarahkan pihak Kedutaan Amerika Syarikat untuk membayar Subramaniam sebanyak RM66,000 sahaja, pihak Kedutaan Amerika Syarikat menggunakan pelbagai dalil dengan mengatakan mereka terlindung di bawah imuniti antarabangsa terutamanya Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966 dan Akta Pertubuhan Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992.

Persoalan saya sekarang ialah, adakah dengan kekebalan kontrak kerja ini, ia akan dicabul oleh mereka tanpa memikirkan keadaan sekeliling seperti kes Encik Subramaniam, penganiayaan terhadap pekerja warganegara Malaysia? Ini kerana kita tidak mahu perkara ini akan menjadi *loophole*, dengan izin, di mana negara asing sewenang-wenangnya akan mempergunakan imuniti yang ada untuk menyelamatkan diri sendiri. Inilah yang amat saya khuatir kerana kita tidak ingin jika adanya di kalangan ejen diplomatik atau mana-mana individu negara asing ini melakukan jenayah, dalam masa yang sama mereka ini kebal dan tidak terjejas.

Seperti apa yang berlaku dalam kes pembunuhan abang tiri pemimpin Korea Utara pada tahun 2017. Datuk Yang di-Pertua, rentetan insiden ini juga telah membawa kepada pertikaian diplomatik antara Malaysia dan Korea Utara dan juga menimbulkan persoalan tentang kekebalan diplomat dan juga pegawai asing serta bidang kuasa mahkamah Malaysia atas kes yang sedemikian. Perkara sebegini menyebabkan kita memerlukan satu rang undang-undang yang jelas untuk menangani isu berkaitan imuniti negara asing bagi memastikan kedaulatan Malaysia dilindungi dan juga undang-undang kita harus dihormati oleh mana-mana entiti asing. Kita perlu tegas kepada mereka.

Datuk Yang di-Pertua, akhir sekali mengenai seksyen 13 di mana ia berkait rapat dengan had 'kekebalan' penyertaan dalam syarikat. Persoalan saya ialah, adakah syarikat-syarikat *dummy, if proven*, dengan izin, juga terkait dengan 'kekebalan'?

Beberapa Ahli: Kekebalan.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Kekebalan, maaf. Lidah saya, minta maaf ya.

Berkemungkinan ada di kalangan negara asing menggunakan *dummy company*, dengan izin untuk melakukan perkara-perkara yang kita rasa boleh menjejaskan keselamatan dan kedaulatan negara kita. Aspek sebegini harus dilihat secara menyeluruh. Kita kena melihat perkara ini dari sudut yang berbeza, bukan saja daripada aspek perniagaan tetapi aspek keselamatan yang boleh memungkinkan perkara yang kita tidak ingini berlaku. Semoga rang undang-undang ini dapat memelihara kedaulatan negara kita. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta Md Ramli.

12.19 tgh.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Datuk Yang di-Pertua. Rang undang-undang ini disebut oleh Menteri tadi dirangka antaranya berikutan saman waris Sulu ke atas Malaysia. Kalau tidak ada kes saman ini agaknya tak ada lah undang-undang ini.

■1220

Walaupun kita ada kes-kes lain seperti tuntutan bertindih ya, pulau-pulau dan terumbu-terumbu karang sekitar negara dan juga isu Pulau Batu Puteh, tetapi *trigger point* dia ialah kes Sulu. Adakah Menteri merasa *is worth our effort just because of this one case* kita membuat suatu undang-undang yang sebelum ini tidak ada. Kalau melihat contoh yang diberikan adalah lima, enam buah negara yang mempunyai undang-undang yang lebih kurang sama. Ada hampir 200 buah negara di dunia agaknya masih lagi menggunakan budi bicara secara konvensional dalam hubungan antarabangsa mereka.

Inilah yang telah membawa kita ke depan antara cara kita memajukan negara dengan membawa pelaburan asing ke dalam negara kita. Kita pergi ke seluruh dunia untuk memujuk pelaburan tanpa suatu undang-undang yang mungkin dilihat ofensif bagi sesetengah orang terutama dalam rang undang-undang ini isinya disebut tentang Ketua Negara, negara-negara yang asing. Jadi tidakkah ini juga patut dipertimbangkan supaya kita tidak macam bertindak terlalu besar atas suatu isu yang melanda kita iaitu kes saman Sulu.

Kes saman Sulu ini Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, ialah isu wang ya. Mereka bukan nak Sabah itu balik. Dia nak wang. Walaupun jumlahnya besar RM19 bilion, tetapi ia tetap wang. Mungkin kalau kita punya *negotiate* dalam RM2, RM3 kita boleh bayar, tetapi maksudnya hanya dengan satu tuntutan ini, kita telah memberikan suatu semacam kita ini *overkill* dalam nak berhati-hati menghadapi dunia ini. Bagaimana agaknya pandangan rakan-rakan kita dan di luar negara sedangkan kita selama ini telah meletakkan, memposisikan negara kita sebagai suatu negara yang bebas berkawan dengan semua orang, mempunyai hubungan diplomatik dan pasport kita boleh pergi ke seluruh dunia kecuali Israel. Jadi ini yang menimbulkan rasa saya *it's an overkill* lah ya.

Walau bagaimanapun adalah boleh juga diterima dan sesuai kerana kalau satu kes sudah bermula, kemungkinan masa akan datang banyak kes. Jadi sebelum itu berlaku, kita mengambil langkah-langkah pencegahan sebegini dan mungkin juga dengan cara sebegini akan ada *international organization* baik ia *business* ataupun NGO ataupun urusan seperti pertubuhan-pertubuhan WHO atau CPA kita.

Saya nak maklumkan di sini, CPA yang *Commonwealth Parliamentary Association* beribu pejabat di London, sedang cuba merungkai masalah ia dicap sebagai satu-persatuan kebajikan dan mereka nak menjadi ia *international association* macam IPU, tetapi Britain ada masalah undang-undang. Jadi antara negara yang bersetuju untuk memindahkan *headquarter* CPA ini adalah Malaysia dan kita dah bawanya dalam beberapa konvensyen CPA yang lalu.

Jadi adakah dengan kita meluluskan undang-undang ini, ada di sana suatu macam halangan pula yang baharu kerana *international organization* ini bila di ahlinya adalah semua negara Komanwel, contohnya akan berhadapan pula dengan satu isu kebebasan, isu yang tak dapat dibuat di *England*, kita buat di sini tiba-tiba undang-undang yang ada di *England* pula sama-sama macam yang kita nak rangka mengikut pengalaman mereka.

Jadi ini saya rasa merupakan suatu halangan sedangkan kalau CPA itu dapat kita pujuk untuk membuka kantor ibunya di sini, ia akan memberikan imej yang baik kepada negara kita. Apa pun daripada segi menjaga masalah seperti yang telah dikemukakan sebagai alasan utama undang-undang ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak bin Ahmad.

12.24 tgh.

Tuan Musoddak bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk bersama-sama memberikan pandangan berkenaan penggubalan Akta Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing sebagaimana yang dibentangkan kepada kita pada hari ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan penghargaan dan ucapan syabas kepada pasukan Jabatan Perdana Menteri bahkan Hal Ehwal Undang-undang serta Kementerian Luar Negeri yang telah bertungkus-lumus memelihara kedaulatan negara daripada pertikaian yang dicituskan kumpulan yang menganggap mereka sebagai waris kepada Kesultanan Sulu.

Meskipun dalam tempoh sepanjang tahun 2019 sehingga 2023 ini berlaku tiga atau empat kali peralihan pentadbiran kerajaan, namun konsistensi dalam mempertahankan kedaulatan negara terus dilaksanakan tanpa kompromi. Kita menyaksikan era pentadbiran Perdana Menteri masing-masing memiliki lakaran kejayaan yang tersendiri bermula dengan membawa kes ke Mahkamah Tinggi Sabah sebagai satu asas utama kepada penafian prosiding timbang tara sehinggalah kepada kejayaan apabila Mahkamah Madrid mengesahkan pembatalan pelantikan *arbitrator* Dr Stampa pada 29 Jun 2001 serta pembatalan keseluruhan keputusan yang diputuskan oleh beliau.

Kemudian ia berturutan sehingga Malaysia berjaya mengetepikan keputusan akhir atau *final award* Dr Stampa yang dibuat terhadap Malaysia di beberapa buah mahkamah negara asing iaitu di Sepanyol sendiri, Perancis dan Belanda. Gambaran menyeluruh terhadap kejayaan Malaysia ini menunjukkan Malaysia sentiasa serius dalam mempertahankan kedaulatannya selain menggunakan kematangan dalam menyelesaikan suatu pertikaian berpandukan instrumen perundangan antarabangsa yang jelas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ruang masa yang singkat ini saya mohon supaya dijelaskan beberapa aspek dalam penggubalan rang undang-undang ini.

Pertama, saya berpandangan isu penyelesaian terhadap tuntutan Sulu ini masih memerlukan tindakan lanjutan meskipun selepas mereka tewas dalam petisyen yang dikemukakan di mahkamah negara asing. Kita dilaporkan dengan tuntutan USD15 bilion yang dikemukakan oleh *United Tausug Citizens* (UTC) ke atas Wilayah Sabah.

Persoalannya, apa rancangan kerajaan bagi memastikan tuntutan Sulu terhadap Sabah dapat disimpul matikan. Kita melihat meskipun dengan adanya Protokol Madrid 1885, Sulu masih terus mempertikaikan kedaulatan Wilayah Sabah sebagai Negeri Borneo sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 1 Perlembagaan Persekutuan. Persoalannya, bagaimana RUU ini menanggapi perkara ini secara tuntas berkait dengan tuntutan berterusan Sulu ke atas Wilayah Sabah yang dibawa sehingga ke mahkamah negara asing.

Kedua, saya ingin mengetahui apakah justifikasi surat yang dikeluarkan oleh Pejabat Peguam Negara pada September 2019 yang menyatakan negara sanggup membayar sejumlah RM48,230 tunggakan pembayaran wang serahan kepada waris Kesultanan Sulu. Saya kira sehingga hari ini kita masih belum mendapat jawapan yang sebenarnya tentang surat tersebut sedangkan kita- semua sedia maklum pemberhentian pembayaran wang serahan kepada Sulu bermula tahun 2013 kerana tragedi Lahad Datu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan pertikaian yang dibangkitkan di Dewan Rakyat tempoh hari berkenaan dengan fasal 32 dan fasal 33. Ini masih memerlukan jawapan yang tuntas kepada kerajaan. Kita faham kedudukan rang undang-undang ini sebagai suatu yang telah dilaksanakan secara administratif di bawah Kementerian Luar. Namun, kuasa yang diberikan kepada Perdana Menteri di bawah fasal 32 dan 33 terlalu besar dan meluas secukupnya.

Fasal 32 menyentuh langsung berkenaan kuasa untuk mengecualikan mana-mana negara asing daripada mana-mana peruntukan akta ini tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan yang perlu atau suai manfaat yang dikenakan.

Fasal 33 pula berkenaan Perdana Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang sesuai, manfaat atau perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau melaksanakan peruntukan akta ini dengan lebih baik.

Saya berpandangan perbincangan mengenai bidang kuasa yang dikurniakan kepada batang tubuh Perdana Menteri di bawah fasal-fasal ini harus dibincangkan secara berobjektif dan tidak berpandukan kepada emosi.

■1230

Kebimbangan di sebalik pihak tentang salah guna kuasa ini sangatlah berasas. Kita harus ketepikan sentimen politik kerana ia melibatkan kepentingan negara.

Adalah tidak patut apabila kita menubuhkan sebuah majlis kekebalan bidang kuasa negara asing tiba-tiba kuasa untuk membekukan mana-mana peruntukan diberikan pula secara terus kepada Perdana Menteri. Bukankah aspek penggubalan akta ini harus dinilai kepada kehendak mereka yang menggubal secara komprehensif. Saya kira ini bukanlah kehendak kita semua untuk memberikan semak dan imbang secara berkesan dalam akta ini. Secara keseluruhannya, saya menyokong akta ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

12.30 tgh.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Datuk Yang di-Pertua, terlebih dahulu terima kasih saya ucapkan kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta dalam perbincangan yang bersejarah ini untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023.

Di hadapan kita sekarang merupakan satu undang-undang yang sangat penting demi melindungi dan memelihara kepentingan dan kedaulatan Malaysia pada masa ini. Terlebih dahulu saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan warga kementerian kerana mengambil segala tindakan yang progresif dengan membentangkan rang undang-undang di Dewan Negara pada hari ini di samping itu juga merupakan langkah yang positif dan efektif bagi membendung anasir-anasir jahat dari mengganggu gugat kestabilan negara.

Apabila kita membicarakan mengenai kedaulatan dan perlindungan negara, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Polis Diraja Malaysia kerana berjaya menahan seorang warga Israel sebelum beliau sempat melaksanakan rancangan jahatnya di bumi kita ini. Syabas kepada Ketua Polis Negara dan warga PDRM.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin terus membawa isu mengenai pindaan yang cuba dibawa oleh Yang Berhormat Menteri mengenai RUU ini.

Pertama, saya ingin merujuk kepada fasal 20 hingga fasal 26 mengenai pembentukan dan bidang kuasa Majlis Kekebalan Negara Asing. Seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator yang lain, saya juga ingin tahu mengenai skop tugas keanggotaan, pemilihan dan kriteria keanggotaan serta tempoh seorang Ahli menjadi anggota Majlis serta minta Menteri untuk huraikan keistimewaan dan kemudahan yang diterima oleh Ahli Majlis ini dan kemudahan yang dinikmati oleh seorang Ahli Majlis juga.

Seterusnya mengenai fasal 32 yang bertujuan untuk memberi Perdana Menteri kuasa untuk mengecualikan mana-mana negara asing daripada mana-mana peruntukan akta yang dicadangkan serta fasal 33 yang bertujuan untuk memberi Perdana Menteri juga kuasa untuk membuat peraturan-peraturan di bawah akta yang dicadangkan. Soalan saya, adakah kuasa yang diperuntukkan boleh dicabar di mana-mana prosiding mahkamah? Ini kerana saya khuatir ada pihak luar akan cuba mencari *loophole*, dengan izin, untuk mengambil tindakan terhadap Perdana Menteri dan juga kepada Ahli Majlis ini.

Datuk Yang di-Pertua, dalam kita membicarakan rang undang-undang saya ingin pohon kepada Menteri agar dapat diperincikan kos yang ditanggung oleh kerajaan semasa Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kementerian bertungkus-lumus mempertahankan negara daripada segi aspek perundangan di luar negara semasa pihak Sulu menuntut aset negara di luar negara. Adakah dengan adanya RUU ini, kos-kos ini dapat diminimumkan dan berikutan dengan keadaan semasa negara kita yang kini menghadapi situasi ekonomi yang agak sukar sekarang ini.

Datuk Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin sentuh adalah berhubung isu maklumat dan hebahan kepada media. Sekiranya kita lihat di negara lain seperti Singapura, Australia dan Amerika Syarikat, apabila mereka juga meluluskan RUU yang berkait rapat dengan rentas negara atau berkaitan dengan negara lain, mereka akan buat hebahan di media antarabangsa. Cadangan saya, apabila RUU ini dikuatkuasakan kelak, saya mohon kementerian jangan hanya sekadar disiarkan di portal kementerian dan media sosial di Malaysia sahaja. Ia juga harus rentas sempadan negara dan dihebahkan di peringkat antarabangsa. Ini supaya mereka tahu apa yang kerajaan kita telah usahakan demi mempertahankan negara.

Saya cadangkan kepada Menteri untuk membuat sidang akhbar dengan menjemput media asing bagi menegaskan ketegasan Malaysia supaya anasir-anasir yang suka gugat kedaulatan sesuatu negara akan berfikir dua kali sebelum membuat sesuatu tindakan. Tidak salah untuk saya cadangkan agar ia dapat dibuat di Parlimen ini sesuai apabila RUU ini diluluskan.

Selain daripada pihak antarabangsa, saya juga minta agar pihak kementerian harus juga memberi hebahan perincian dan maklumat kepada rakyat di negara kita ini kerana ramai masih keliru dengan fungsi dan peranan RUU ini terutamanya penubuhan Majlis Kekebalan Negara Asing.

Datuk Yang di-Pertua, saya rasa kita telah menikmati suasana aman dan stabil yang begitu lama di Malaysia. Sekiranya kita mengimbuai sejarah apabila komunis telah meletak senjata pada tahun 1989, semenjak itu Malaysia dilimpahi suasana aman dan stabil dalam tempoh yang cukup panjang.

Insiden Lahad Datu, siri pembunuhan ikon warga asing seperti Imam Palestin dan yang terbaharu penahanan warga Israel sedikit sebanyak membuka mata pelbagai pihak bahawa kerajaan tidak boleh berkompromi dengan keselamatan kedaulatan dan integriti negara Malaysia.

Semoga dengan Rang Undang-undang ini dapat melindungi kepentingan dan kedaulatan negara dalam dan luar negara, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah

12.36 tgh.

Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terima kasih Yang di-Pertua Dewan, Ahli-ahli Dewan Negara yang saya cukup hormati. Memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023.

Datuk Yang di-Pertua, saya menyambut baik Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat tempoh hari bagi tujuan memperkukuhkan dan mempertahankan kedaulatan negara daripada dicerobohi, diperkotak-katikkan oleh kuasa negara asing.

Saya amat tertarik dengan fasal 30 yang memperuntukkan bahawa Perdana Menteri boleh menarik balik semua atau mana-mana kekebalan di bawah Rang Undang-undang ini yang dicadangkan terhadap mana-mana negara asing jika Perdana Menteri berpuas hati bahawa Malaysia tidak menerima apa-apa kekebalan bersamaan dengan diberikan oleh negara Malaysia di bawah Rang Undang-undang yang dicadangkan.

Adakah pihak kerajaan mempunyai rangka senarai negara-negara yang bakal memberi hak kekebalan atau sebaliknya? Adakah juga senarai negara-negara terpilih ini akan dikepilkan sekali untuk dibaca dan Rang Undang-undang ini sebelum diluluskan? Setakat ini, sejauh mana kah atau sebanyak manakah Malaysia telah menerima peruntukan kuasa kekebalan daripada negara asing agar kita boleh menyusul dengan saling layanan seperti termaktub dalam rang undang-undang ini. Saya amat bermohon kepada Yang Berhormat Menteri yang dikongsi untuk kami- semua.

Selain itu, berapa lama, kah garis masa yang diperuntukkan oleh Perdana Menteri bagi menentukan penarikan balik peruntukan kekebalan kuasa negara asing terhadap negara yang dirasakan tidak memberi layanan sama seperti yang dizahirkan oleh Malaysia. Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri menjustifikasikan perkara ini?

Walau bagaimanapun, saya juga ingin menzahirkan kekhawatiran saya berkenaan peruntukan termaktub dalam rang undang-undang ini. Mungkin ada pihak Yang Berhormat Menteri boleh pertimbangkan melibatkan golongan profesional, akademik bagi sesi sumbang saran bagi menambah baik rang undang-undang ini sebelum ia diangkat sebagai rang undang-undang rasmi. Kita dapat mengenal pasti terdapat kelompangan di pelbagai sudut yang mungkin timbul di kemudian hari.

Datuk Yang di-Pertua, kita harus sedar bahawa dalam dunia sekarang ini semakin ramai golongan terpelajar, pemimpin negara luar yang licik mengelirukan undang-undang bagi tujuan kepentingan diri dan negara mereka. Kita tidak mahu terjerat dalam rang undang-undang ini jika kita gubal pada hari ini, manakala akan memakan diri kita pada masa hadapan dan menjadi sia-sia walaupun pada dasarnya, kita ingin memelihara kedaulatan, kekebalan negara kita sejajar menghormati negara asing dengan peruntukan kuasa kekebalan pada negara mereka.

Ini tidak akan membawa maksud saya menolak rang undang-undang ini, sebenarnya sebagai saranan rang undang-undang ini lebih komprehensif meliputi segala kepentingan negara Malaysia dengan penambahbaikan daripada pandangan sudut intelek dan profesional. Langkah menggubal rang undang-undang ini satu pencapaian yang harus dibanggakan oleh kita semua. Dalam mempertahankan kedaulatan negara kita, kita perlu lebih cakna dalam memperkembangkan sains politik yang berevolusi secara global agar kita dapat belajar dan mengambil ikhtiar dan iktibar daripada kejadian-kejadian yang tidak diinginkan berlaku kepada negara Malaysia dalam masa hadapan.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini amat penting untuk menentukan kedaulatan negara kita. Jadi amat penting rang undang-undang ini dikaji dengan sebaiknya sebelum diluluskan, tetapi apa yang pasti saya menyokong rang undang-undang ini demi kedaulatan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja perbincangan saya. *Wabillahit taufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Masa yang cukup baik, tidak melebihi masa. Terima kasih. Puji diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sungguh baik... [Ketawa]

Yang Berhormat Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

12.41 tgh.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya pada dasarnya berdasarkan taklimat dan juga penelitian ringkas tentang rang undang-undang ini, melihat keperluan dan signifikannya RUU ini disokong, tetapi tentulah seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan sekalian boleh diperincikan pada bahagian-bahagian yang tertentu.

Konteks yang sangat signifikan itu kerana ini berkaitan dengan soal kedaulatan negara. Maka ini saya melihat ini sebagai satu inisiatif yang perlu diketengahkan dan disokong dengan kuat. Saya hendak menumpukan perhatian Tuan Yang di-Pertua, pada satu dua perkara sahaja yang ada kaitan dengan bidang saya. Pertama, dengan bab tiga tentang had kekebalan khususnya yang merujuk pada yang berhubung dengan harta intelek dan sebagainya. Dalam kes ini saya melihat bahawa banyak harta intelek milik negara kita yang sebenarnya telah pun dimiliki oleh negara-negara asing. Dalam beberapa hari lepas, kita berbincang tentang soal bertebaran manuskrip Melayu lama yang mewakili bidang-bidang penting ilmu watan kita, undang-undang, ketatanegaraan, perubatan, persenjataan, teknologi, seni bina dan sebagainya.

Di Leiden University sendiri tidak kurang 20,000 buah manuskrip dicampurkan dengan di tempat-tempat lain lebih kurang 40,000 dan Perpustakaan Negara Malaysia baru dapat memperoleh atau mengeluarkan perolehan sebanyak 5,000 lebih sahaja. Ini ertinya, banyak lagi kerja dalam soal harta intelek ini yang perlu dilakukan dengan mengambil manfaat kepada rang undang-undang ini.

Soalnya bagaimana mekanisme kita dapat memperoleh semula harta intelek dalam konteks ilmu-ilmu watan dalam pelbagai manuskrip lama itu.

Saya tidak menyarankan kita perlu merebut semula kerana soal rawatan- istilah rawatan dan penjagaan manuskrip lama itu sangat tinggi kosnya dan memerlukan kepakaran yang luar biasa, tetapi dengan kemudahan teknologi digital yang ada, perlu ada suatu kemudahan supaya negara-negara yang memiliki- yang kita katakan hak harta intelek itu mempunyai kemudahan agar salinan dalam bentuk digital itu diperoleh dengan mudah- capaian melalui internet dan sebagainya untuk dilakukan kajian di negara kita.

Demikian juga satu hal yang mungkin tidak disedari. Ini terkait juga dengan Kementerian Pendidikan Tinggi apabila soal *ranking* atau penarafan itu menjadi suatu keperluan penting untuk menunjukkan taraf kehebatan IPT kita.

Tanpa disedari- ini satu laporan yang saya terima daripada salah seorang sarjana, melalui penerbitan-penerbitan dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi bertaraf global WOS, SCOPUS, ISI dan sebagainya, tanpa disedari, kita sebenarnya telah menyerahkan data-data primer- data-data utama kita, yang kita membayar untuk menerbitkan artikel kita dalam jurnal-jurnal berimpak tinggi itu dan pada waktu yang sama data-data kita- diperoleh dengan percuma oleh mereka dan kita membayar. Ini tak disedari. Maka saya kira harus ada satu penyelarasan dengan Kementerian Pendidikan Tinggi bagaimana terbitan-terbitan kita di jurnal-jurnal antarabangsa itu tidak sampai menjadikan kita miskin dalam pengumpulan data dan analisis dalam pelbagai bidang ilmu.

Seterusnya, berkaitan dengan soal keperluan kita bersikap lebih tegas, saya tidak pasti sekarang- dahulu saya kira untuk penyelidik sosiobudaya, ekonomi, politik dan sebagainya yang hendak melakukan penelitian satu penyelidikan di negara kita perlu mendapatkan kelulusan. Tidak silap saya oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Saya tidak tahu sekarang. Jadi ketegasan ini perlu ada, kalau ada dilanjutkan dan perlu lebih jelas ketegasannya supaya penyelidik luar itu tidak memanfaatkan atau memanipulasi kekayaan data negara kita semata-mata untuk kepentingan negara mereka.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, terkait dengan soal had kekebalan dalam yang berkaitan dengan penyertaan dalam syarikat, saya ingin merujuk secara khusus satu kes, iaitu dalam konteks *Belt and Road Initiative* (BRI) ataupun Inisiatif Jalan dan Laluan yang dikenalkan oleh negara China yang sangat besar manfaatnya dan saya antara penyokong dan saya sendiri ditugaskan oleh kerajaan dahulu beberapa tahun di negara China, banyak manfaat yang kita peroleh, tetapi perlu ada ketegasan dan kejelasan di pihak negara kita.

Jangan sampai soal pajakan tanah sampai selagi ada bulan dan bintang, tak ada had pajakan sebagai contoh. Dan pemindahan teknologi, *transfer technology*. Pemindahan kemahiran kepada anak tempatan dan nisbah atau *ratio*. Nisbah jumlah pekerja di negara kita yang perlu diambil oleh syarikat-syarikat dari negara lain dan dalam konteks ini negara China. Jadi, segala ini terkaitlah juga dengan soal bagaimana rang undang-undang ini harus diterapkan dalam pelbagai konteks kehidupan di negara kita.

Akhirnya Datuk Yang di-Pertua, mudah-mudahan rang undang-undang ini akan dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya. Jangan sampai kita meneruskan seloka, "Emak Si Randang. Dagang lalu ditanakkan. Anak di pangkuan mati kelaparan." Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hussin bin Ismail.

12.47 tgh.

Tuan Haji Hussin bin Ismail: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah.* Terima kasih Datuk Yang di-Pertua kerana turut memberi izin untuk saya bersama-sama dalam perbahasan RUU yang sangat penting.

Ahli-ahli Yang Berhormat- Datuk Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, ada dua perkara besar di sini iaitu satunya isu kekebalan yang langsungnya mengaitkan dengan isu kedaulatan, tetapi yang kedua yang saya rasa perlu juga diambil perhatian ialah iaitu isu pelaksanaan. Adakah ia benar-benar menepati atau masih boleh dibaiki.

Isu kedaulatan dan kekebalan saya fikir tidak ada kita yang harus menolak. Ia adalah suatu perkara yang sangat besar dan perlu diberi perhatian yang serius. Kes penangkapan agen yang saya anggap ini agen Israel dengan terbuktinya rangkaiannya yang berada di Malaysia juga menggambarkan satu penerobosan sempadan akibat daripada kekebalan yang tidak cukup sempurna terurus. Walaupun dia mengatakan dia daripada masa asalnya, dari Perancis, tetapi apabila dia datang dengan passport Perancis dan juga pada waktu yang sama, Passport Israel disimpan, dengan pengumpulan senjata dan rangkaian menggambarkan satu lagi kacau ganggu negara asing terhadap kedaulatan dan kekebalan negara kita.

Saya ingin mengambil kesempatan yang lain, isu yang terkait dengan isu pelaksanaan. Ahli-ahli Yang Berhormat saya teringat kisah isu *absolute power* ini- kuasa mutlak ini. Apakah ia merupakan suatu perkara yang boleh diberi terus kepada Ketua Kerajaan ataupun harus diberi kepada Ketua Negara? Dalam semua negara dia ada dua. Satu Ketua Negara, sama ada dia Yang di-Pertuan Agong ataupun, *Queen* ataupun Presiden atau lain-lainnya, tetapi di Malaysia tentu yang tertinggi Ketua Negara kita adalah Yang di-Pertuan Agong.

Ada beberapa kes contoh misalnya, kalau kes kecil seperti- saya anggap tidak sebesar ini, isu-isu kedaulatan. Kes kecil seperti isu KMI. KIM? Isu... [*Bersalawat*] Saya lupa tentang kedudukan hal ehwal Islam, kebangsaan- ia terletak di bawah Majlis Raja-Raja. Walaupun kata- okey, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah pun meletak jawatan, tetapi dia adalah duduk di bawah Majlis Raja-Raja. Apatah lagi kalau isu yang sebesar ini.

■1250

Kita pernah lalui seperti kes Ambalad. Sampai hari ini isu pertindihan sempadan yang kemudiannya ditandatangani oleh suatu perjanjian triti yang ditandatangani 8 Jun 2023. Hari ini masih misteri. Satu- kawasan yang sempadan Malaysia dengan Indonesia, di Sulawesi yang dianggap sebagai simpanan minyak mentah antara yang terbesar di dunia. Hari ini kita belum dapat penjelasan yang paling tepat. Yang mencurigakan, Indonesia sudah begitu gembira, rakyatnya bergembira dengan triti, tetapi sehingga hari ini di Malaysia masih lagi kita tertanya-tanya.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, di luar negara contoh Komanwel, UK misalnya yang saya sebut tadi ialah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia. Di luar negara seperti di *United Kingdom*, hak yang tertinggi tentang imuniti tidak terletak kepada Perdana Menteri, ia terletak di bawah *Queen*. Di Singapura, hak tertinggi dalam penentuan imuniti ini tidak terletak kepada Perdana Menteri, ia terletak kepada Presiden. Di Australia, hak mutlak, hak tertinggi dalam isu ini tidak terletak kepada Perdana Menteri, tetapi ia terletak kepada Gabenor Jeneral Australia.

Jadi saya sebutkan ini jauh sekali dengan sentimen Perdana Menteri kita sekarang atau mana-mana. Isunya Perdana Menteri ialah orang yang boleh pergi dan balik. Setiap kali musim demokrasi dia akan berubah, tetapi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, dia tidak berubah, dia hanya berlaku sekitar di antara majlis, di antara Raja-Raja.

Apa kata kalau sekiranya hak ini kita serahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong. Jadi itulah isu yang saya sebut tentang isu pelaksanaannya itu. Saya mohon perkara ini untuk ditimbang dan dinilai semula supaya kedudukan yang tertinggi dalam isu kedaulatan negara ini tidak diserahkan di peringkat Perdana Menteri, tetapi pergi ke peringkat yang lebih tinggi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mempengeruskannya.

Saya mohon menyokong Usul ini dengan hasrat untuk boleh diberi pindaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

12.53 tgh.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membincangkan Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023. Semasa kita membincangkan perkara ini di dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Semakan Undang-undang Dewan Negara, jadi kita berusaha untuk mencari tahu, untuk mengelaskan apa yang kita ada kekebalan, apa yang tidak ada kekebalan dan juga bagaimanakah tanggungjawab kita untuk menjaga negara kita.

Jadi, secara ringkasnya dalam perbincangan kami, saya ingin sampaikan di sini bahawa ini lebih menumpukan kepada tugas rasmi apabila seseorang itu daripada wakil negara kita melaksanakan tugas rasminya, maka dia dilindungi oleh kekebalan. Juga kalau melaksanakan jenayah, jadi itu adalah tanggungjawab individu itu sendiri walaupun dia adalah seorang yang memegang tugas sebagai pegawai negara di luar negara.

Seterusnya, tidak melindungi kita apabila kita terlibat dalam kontrak perdagangan dan itu lebih kurang yang kami sudah ringkaskan di dalam kita mengetahui atau memahami Undang-undang Kekebalan ini.

Seterusnya, kita juga melaksanakan ataupun memanggil pihak penggubal baik BHEUU ataupun Peguam Negara supaya memberi penerangan kepada kita dan kita mendapat penjelasan yang agak baik daripada mereka di mana yang pertamanya, apabila rang undang-undang ini diluluskan, maka segala tindakan yang ingin diambil oleh pihak tertentu dari luar negara mestilah menggunakan mahkamah kita di Malaysia ini. Ini sesuatu yang baik.

Justeru itu, saya berharap supaya kita meluluskan rang undang-undang ini supaya kita dapat memberitahu dunia bahawa sesiapa yang rasa tidak puas hati ataupun mungkin ada warisan seperti kes Sulu ini supaya datang ke negara Malaysia untuk berhadapan dengan kita di dalam mahkamah kita di Malaysia ini.

Justeru itu, saya berharap supaya kita di dalam Dewan ini, yang telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat juga melihat kepada keperluan ini. Jadi, memang sepatutnya-ini saya percaya buat masa ini, inilah yang terbaik dilaksanakan oleh penggubal-penggubal kita dan kita akan meluluskannya di Dewan ini saya harap pada hari ini.

Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak yang telah bertungkus-lumus yang menggubal ataupun yang draf, yang menyemak dan sebagainya. Saya percaya mereka melaksanakan ataupun memberi masa yang begitu baik untuk melaksanakan tugas mereka setakat ini.

Justeru itu, saya juga berharap supaya kuasa-kuasa yang termaktub dalam rang undang-undang ini terutamanya saya ingin menyinggung tentang seksyen 22 di mana Kuasa Majlis termaktub di dalam sub perkara A, B, C dan D. Jadi inilah yang kita lihat kepada perkara ini. Saya percaya, apabila kita bertanya tentang perkara ini, ini adalah untuk memberi satu *check and balance* atau semak dan imbang kepada seseorang yang mungkin berkuasa kerana majlis inilah yang akan memberi satu nasihat kepada negara apa yang perlu dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, kita juga ada peruntukan di bawah seksyen 32 dalam rang undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Perdana Menteri yang mana ayat yang kita tekankan di sini adalah yang difikirkannya perlu. Jadi, saya percaya dengan rakyat memilih Perdana Menteri yang baik, saya percaya Perdana Menteri tidak akan menyalahgunakan kuasa seperti yang ada pihak tertentu katakan kepada kita di Dewan Rakyat mahupun di Dewan Negara ini.

Justeru itu, saya sangat menyokong rang undang-undang ini. Saya berharap supaya persoalan saya seperti bagaimanakah undang-undang ini dapat menghalang umpama kes Sulu tidak berulang dan yang kedua tidak lagi kes Batu Puteh akan berulang. Sekian, terima kasih. Dengan ini, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Amir bin Ghazali.

12.58 tgh.

Tuan Amir bin Ghazali: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Berucap dalam bahasa Arab] Yang dihormati Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli-ahli Dewan Negara yang saya hormati. Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri kesempatan membahaskan Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah kerajaan memperkenalkan undang-undang ini bagi tujuan melindungi kekebalan negara adalah tepat pada masanya dan sudah tentu perkiraan dan juga perbincangan secara detil telah dilakukan di peringkat kementerian untuk menoktahkan satu rang undang-undang yang komprehensif dan jitu untuk diamalkan dalam perundangan negara.

Ini merupakan langkah yang baik dan bijak dari kerajaan bagi mengekang unsur kecurangan dan ketidakstabilan negara kerana kedaulatan dan kekebalan negara ini amat penting bagi sebuah negara yang merdeka seperti Malaysia daripada tuntutan yang tidak munasabah, yang merugikan negara oleh negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, dua tahun lepas 2021, pakar anti keganasan memberi amaran bahawa Malaysia menjadi sasaran pengintipan dan perkhidmatan rahsia yang mempunyai kaitan dengan negara luar.

■1300

Baru-baru ini ataupun tahun 2022, negara digemparkan dengan insiden penculikan seorang lelaki Palestin yang dikehendaki agensi perisikan Mossad yang seperti kawan-kawan lain yang telah memberi hujah tadi. Seminggu dua ini, kita dikejutkan lagi dengan berita lelaki dari Israel yang menceroboh ke tanah air kita dengan beberapa pucuk pistol dan juga peluru. Sebelum-sebelum ini juga, kes Kim Jong-nam iaitu isu Korea Selatan yang mati di dalam negara kita. Adakah kita tidak ada mekanisme terhadap ejen-ejen seperti ini dan saya merasakan perlu diseriuskan tentang tindakan-tindakan yang sepatutnya dilakukan dalam rang undang-undang ini.

Mahu tidak mahu, kita tidak boleh menafikan bahawa isu ini sebagai akan tidak akan berulang lagi daripada masa-ke semasa jika kita tidak menetapkan garis panduan undang-undang yang serius pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Bab III – Had Kekebalan Daripada Bidang Kuasa No.12 iaitu Had Kekebalan Dalam Prosiding Yang Berhubungan Dengan Harta Intelek dan juga sebagainya. Satu contoh harta intelek yang tidak diuruskan dengan baik iaitu kes sebenarnya pemilik harta intelek filem, drama ataupun karya *Ultraman* ya, *Ultraman*, Tuan Yang di-Pertua. Sampai menjadi pertikaian separuh abad lamanya kemudian hingga dibawa ke Mahkamah Antarabangsa. Ini menandakan tidak bijak menguruskan harta-harta intelek ataupun karya-karya intelek.

Berbeza dengan Korea Selatan di mana kegiatan ekonomi berasaskan inovasi dan kreatif dibangunkan dengan jayanya seperti medium muzik dan filem *K-Pop* sebagai sumber daya ekonomi atas nama intelek.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian kita perlu sedari tentang keupayaan negara kita untuk mencernakan satu undang-undang yang terbaik hasil daripada rakan-rakan politik di dalam negara kita untuk membina satu negara yang aman dan makmur daripada segi sudut perundangan yang mengekang unsur-unsur kecurangan dan juga ketidakadilan ataupun yang berlaku di dalam negara kita.

Jadi sekali lagi saya memohon untuk mencadangkan untuk menyokong rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa.

1.03 ptg.

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya menyertai perbahasan penggubalan Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023.

Saya menyokong dan menyambut baik usaha kerajaan dalam menggubal Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing oleh Kerajaan Madani yang mencerminkan usaha Malaysia dalam menegakkan hak dan kepentingan negara serta memastikan kedaulatan dan kekebalan Malaysia dilindungi dalam apa-apa prosiding di mahkamah daripada tindakan oleh mana-mana pihak yang berniat jahat pada masa yang akan datang.

Dengan penggubalan rang undang-undang ini, saya berharap bahawa ia dapat bertindak sebagai perisai dalam memelihara kedaulatan Malaysia dengan melindungi aset dan sempadan wilayah negara. Rang undang-undang ini memperuntukkan secara jelas konsep layanan salingan, dengan izin, *reciprocity* yang akan diamalkan.

Maksudnya, jika sesebuah negara asing ingin kekebalan ini, mereka juga perlu menjaga kekebalan Malaysia di hadapan mahkamah mereka juga. Sebab inilah terdapat fasal yang membolehkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk menarik balik kekebalan sesebuah negara asing jika ia tidak dibalas oleh negara asing tersebut.

Ia harus juga diingatkan bahawa kekebalan yang diberikan kepada sesebuah negara asing ini adalah terhad. Rang undang-undang ini memberi penekanan kepada *restrictive immunity*, dengan izin, di mana kekebalan hanya diberikan kepada aktiviti dan tindakan sesebuah kerajaan yang berdaulat, dengan izin, *sovereignty activities* dan tidak termasuk tindakan yang bersifat komersial.

Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri sahabat kita, dan pihak kerajaan kerana mendukung usaha mulia ini. Akan tetapi, saya mempunyai beberapa pertanyaan. Satu, apa langkah proaktif yang sedang dibuat oleh Kerajaan Malaysia dalam memastikan hak Malaysia dalam kes-kes seperti tuntutan Sulu ini tidak berulang.

Dua, apa usaha yang sedang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan negara-negara asing turut memberikan layanan salingan- *reciprocal treatment*, dengan izin, selepas mereka mendapat kekebalan terhadap bidang kuasa mahkamah di Malaysia. Saya bertanya dua soalan ini kerana walaupun saya melihat RUU ini baik, tetapi ia lebih kepada mewujudkan ancaman tindakan reaktif apabila kita tidak diberikan perlindungan di hadapan mahkamah sesebuah negara asing.

Ketiga, sejauh mana RUU ini akan membantu mempertahankan kita daripada tuntutan yang dibuat di negara asing selain kebolehan kita untuk menarik balik kekebalan negara itu di Malaysia. Jikalau kita lihat kepada tuntutan waris Sulu di Mahkamah Luxemburg pada awal tahun 2023, aset PETRONAS yang telah melakukan aktiviti komersial di negara itu telah menerima perintah sita untuk anugerah USD15 bilion, Tuan Yang di-Pertua, walaupun akhirnya ia ditarik balik.

Adakah dengan adanya RUU ini, kita boleh mengendahkan prosiding seperti mana yang dibuat Luxemburg atau adakah ia yang memperkukuhkan kedudukan negara kita bahawa kita tidak sepatutnya dibawa kepada mahkamah negara itu. Dengan izin, *we do not want it to be a merely reactive action. We know feasible outcome in law to protect the sovereignty of Malaysia.*

Keempat, memandangkan RUU ini mengikut teori *restrictive immunity*, di mana kekebalan jika diiktiraf bagi aktiviti komersial termasuklah penentuan hak terhadap aset dan sejauh manakah kita sekarang terlindung daripada tindakan negara asing sebenarnya. Saya faham terdapat pematuhan kepada konsep adat undang-undang antarabangsa dalam penggubalan RUU ini, tetapi tidakkah ada cara untuk interpretasi yang lebih memihak kepada kepentingan Malaysia?

Secara idealnya, dengan adanya akta ini, kita mahu Malaysia mendapat imuniti terhadap perintah mahkamah negara asing dan antarabangsa yang menggugat urusan perdagangan penting negara dan keselamatan aset-aset penting negara meskipun ia bersifat komersial.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja perbincangan saya. Saya berharap agar semua usaha kerajaan bagi mempertahankan kedaulatan negara akan berjaya dengan holistiknya. Demi pertiwi tercinta, kita harus menyanjung ketinggian, tinggi kedaulatan negara. Sudah terlalu lama kedaulatan negara kita mudah tergugat menerusi tindakan mahkamah di negara asing oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dengan itu, saya memuji usaha kerajaan untuk memperbetulkan keadaan ini. Sekian, saya mohon menyokong pengubalan rang undang-undang ini. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Aman. Yang terakhir.

1.08 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan, ikut serta dalam Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023. Walaupun masa yang diberikan amat singkat, saya berpendapat kita sebagai Ahli Dewan Negara haruslah juga mendapat *the whole picture*, dengan izin, mengenai rang undang-undang ini yang melibatkan kedaulatan negara.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang membawa rang undang-undang yang hangat dibahaskan di Dewan Rakyat oleh sebab kepentingan-kepentingannya. Semasa pembacaan kali kedua oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kita sudah jelas bahawa rang undang-undang ini bertujuan untuk mengawal selia kekebalan yang diberikan kepada sebuah negara asing dan hartanya kepada ketua negara dan juga ketua kerajaan daripada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Ini bertujuan untuk menyelaraskan undang-undang antarabangsa ataupun *customary international law*, dengan izin, dan matlamat pengubalan rang undang-undang ini juga adalah mahu melindungi kekebalan negara ini dengan prinsip *reciprocity*, dengan izin.

■1310

Oleh itu kekebalan yang diberikan kepada negara asing hendaklah bersyarat dan boleh ditarik balik jika tidak diberikan layanan *reciprocal*. Ini adalah langkah proaktif yang membantu memastikan kesetaraan dan keadilan dalam hubungan antarabangsa.

Datuk Yang di-Pertua, saya tidak ada halangan dengan rang undang-undang ini sekiranya ia bersifat *reciprocal*, dengan izin, oleh sebab beberapa buah negara juga sudah mengamalkan bidang undang-undang sedemikian.

Namun, persoalan yang utama adalah, apakah rang undang-undang ini mampu mengelak tuntutan pihak lain seperti tuntutan yang dibuat oleh waris Kesultanan Sulu pada masa hadapan? Dalam tempoh beberapa tahun ini terdapat tuntutan-tuntutan daripada beberapa kumpulan waris Kesultanan Sulu terhadap Sabah.

Baru-baru ini terdapat satu lagi tuntutan dari kumpulan *United Tausūg Citizens*. Sebagai anak jati Sabah, isu tuntutan Sulu ini adalah dekat di hati saya dan itulah yang dikatakan tadi bahawa rang undang-undang ini sudah memang penting untuk dibawa dan diluluskan.

Oleh itu, saya ingin tahu, apakah struktur-struktur mekanisme dalam rang undang-undang ini untuk menangani sebarang tuntutan. Apakah yang boleh dibuat oleh Malaysia sekiranya sebarang tuntutan dibuat di mana-mana mahkamah luar negara? Bagaimanakah Malaysia *assert its own immunity*, dengan izin, di mahkamah-mahkamah luar negara tersebut?

Datuk Yang di-Pertua, saya sedia maklum bahawa antara isu-isu yang dibahaskan semasa rang undang-undang digubal di Dewan Rakyat adalah isu kuasa-kuasa kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kekebalan negara.

Saya berpandangan bahawa rang undang-undang ini tidak boleh- tidak memberikan sebarang kuasa mutlak kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri sekiranya proses permohonan daripada negara luar adalah seperti yang dinyatakan tadi. Sekiranya proses permohonan ini adalah melalui Majlis Kekebalan Negara Asing, maka kita tidak perlu risau mengenai penyalahgunaan kuasa Perdana Menteri.

Datuk Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing adalah langkah yang perlu dan strategik dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terpelihara dengan cekap dengan menangani isu kekebalan negara asing secara sistematik dan bersepadu, RUU ini membawa Malaysia ke arah yang lebih matang dalam hubungan antarabangsa. Oleh itu, saya mohon menyokong. *Perfect timing*, Datuk Yang di-Pertua. Terima kasih... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan rang undang-undang pada pagi ini.

Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

1.13 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) [Dato' Sri Azalina Othman Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih "Tan Sri" Yang di-Pertua- eh, Datuk Yang di-Pertua. *Insyah-Allah* sekejap lagi "Tan Sri", lah. Tersasul- bulan Ramadan... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, berapa minit? Saya takkan 5 minit, Tuan Yang di-Pertua? Atas itu kata 5 minit.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Sri Azalina Othman Said: Oh itu, berapa minit, Tuan Yang di-Pertua? *How many minutes are you giving me?*

Seorang Ahli: ...Sepanjang...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Sepanjang ya...

Tuan Yang di-Pertua: Masa 20 minit.

Dato' Sri Azalina Othman Said: *Insyah-Allah*, sebelum buka... *[Ketawa]* Okey. Pertama sekali, saya ucap terima kasihlah kepada semua Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator yang memberikan pandangan yang cukup bernas. Saya duduk di dalam Dewan ini saya mendengar Tuan Yang di-Pertua, sebab bagi saya, bila Senator-Senator bercakap semuanya golongan yang disebut sebagai mereka yang amat *wise*, *wiser* selalunya berbanding dengan Dewan Rakyat yang penuh dengan emosi... *[Tepuk]*

Jadi, saya ucap terima kasih kerana orang-orang lama, orang-orang pengalaman termasuk Tuan Yang di-Pertua banyak mempunyai sentimen kefahaman bahawa teguran adalah lebih berbentuk konstruktif daripada berbentuk tuduhan melulu... *[Tepuk]* Jadi, terima kasih, tetapi lebih kurang yang disebut itu sama dengan Dewan Rakyat, saya pun akan menjawab. Yang mana saya tidak sempat, saya akan jawab secara bertulis.

Saya ucapkan terima kasih kepada 15 Yang Berhormat dan yang paling saya terima kasih ialah Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman, mantan Menteri Luar. Beliau boleh dianggap sebagai *walking authority* kepada isu ini.

Jadi, kepada Yang Berhormat Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol; Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas; Datuk Razali; Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding; Yang Berhormat Senator Dato' Ahmad; Yang Berhormat Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta; Yang Berhormat Senator Tuan Musoddak; Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati; Yang Berhormat Senator Dato' (Dr.) Arman Azha Abu Hanifah; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang; Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hussin; Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit; Yang Berhormat Senator Tuan Amir; Yang Berhormat Senator Datuk Seri Hajah Zurainah *total*-nya 15.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebelum saya jawab satu persatu biar saya cuba membuatkan penerangan yang begitu khusus. Sebenarnya ada dua perbezaan Tuan Yang di-Pertua antara kedaulatan dan kekebalan. Bila bercakap kedaulatan dalam negara kita yang saya sebut dalam Dewan Rakyat, kedaulatan dalam bahasa mudah, *in English, if I mean be given the permission* ialah "*sovereignty*."

Bila bercakap tentang kedaulatan dalam negara kita, kedaulatan dalam negara kita di pelopori oleh undang-undang Akta Majlis Keselamatan Negara (Akta MKN) yang telah disebut dan dibuat pindaan pada tahun 2020 dan Akta MKN ini kalau kita tengok secara terang menyatakan bahawa dalam fasal 4.

Bila bercakap tentang kedaulatan itulah yang dikatakan fungsi daripada Majlis Keselamatan Negara 2016, rang undang-undang menyatakan apakah itu sebenarnya fungsi majlis dan apakah itu MKN. MKN ini Majlis Keselamatan Dalam Negara ini kalau kita tengok dia ada keanggotaan majlis dalam seksyen 6 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan kemudian adanya satu- agensi yang dipanggil agensi MKN yang diketuai oleh Ketua Pengarah. Ia adalah satu spesifik agensi menjaga isu-isu keselamatan negara kita yang ahlinya selain daripada Menteri-Menteri, beberapa Menteri bertanggungjawab dan tidak lupa kepada peranan yang dimainkan oleh Ketua Setiausaha Negara, Panglima Angkatan Tentera dan juga Ketua Polis Negara.

Jadi bila kita bercakap tentang Akta MKN, baru-baru ini pada tahun 2020, kerajaan telah membuat pindaan supaya dalam seksyen 18 diletakkan dalam Bahagian IV pengisytiharan kawasan keselamatan, jika Majlis menasihati yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri diganti dengan Yang di-Pertuan Agong.

Jadi, apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang ketua negara inilah yang sebenarnya yang diletakkan dalam pengisytiharan kawasan keselamatan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh jika difikirkannya patut, perlu demi kepentingan keselamatan negara mengisytiharkan secara bertulis kawasan itu sebagai kawasan keselamatan dalam seksyen 18.

Kemudian di bawahnya ada juga peranan yang dimainkan bawah seksyen 18(4), walau apa pun subseksyen (3) satu pengisytiharan yang berkuat kuasa boleh diperbaharui oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Majlis iaitu ada juga peranan Perdana Menteri. Jadi, sebenarnya yang mana kekuatiran daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator itu sebenarnya tidak wujud. Sebab bila bercakap tentang kedaulatan, inilah akta kedaulatan.

Jadi, saya bersama Kerajaan Madani bercakap tentang kekebalan, imuniti, tetapi akta yang kita bawa atas meja ini rang undang-undang kedua bukan akta imuniti negara, tidak. Tajuklah ialah Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023. Itu sebabnya dalam mukadimah saya, saya menyebut tentang elemen *restrictive immunity* dan kalau kita dengar Yang Berhormat Senator Tan Sri Anifah bercakap tadi tentang elemen yang disebut dalam isu undang-undang antarabangsa yang mana beberapa Yang Berhormat juga sebut.

Sebenarnya yang kita pakai ini isu kekebalan negara asing, yang kebal dalam bidang kuasa mahkamah negara kita dan kita hendak kan kekebalan yang sama mahkamah dalam negara dia. Itu sebenarnya fasa pertama. Apa yang kita hendak wujud ialah Yang Berhormat menimbulkan banyak di Dewan Rakyat juga di Dewan Negara tentang peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri.

Yang Berhormat pula bercakap- ada beberapa Yang Berhormat Senator khuatir kuasa Perdana Menteri di bawah fasal 32, kuasa yang seolah-olah kuasa Perdana Menteri kalau kita tengok daripada fasal 30 berpuas hati, boleh menarik.

■1320

Kemudian, kuasa untuk mengecualikan. Kemudian, kuasa boleh membuat peraturan. Jadi, semua merasa takut. Pertama kali saya nak sebut, macam mana kita nak takut Perdana Menteri sebab kita ada lah amalan demokrasi. Paling penting dalam akta ini kalau kita tengok dalam fasal yang saya sebut tadi, apa-apa keputusan dalam fasal 32 yang dibuat oleh Perdana Menteri yang disebut, mesti melalui perintah dalam warta. Maknanya, dia kena bentang dalam warta dan disiarkan. Dia tak bolehlah buat keputusan seorang-seorang, sembunyi-sembunyi.

Yang buat keputusan seorang-seorang, sembunyi-sembunyi, Yang Berhormat Senator tahu siapa?... Kehilangan Batu Puteh...

Seorang Ahli: Tahu...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Saya nak cakap, hilang sembunyi-sembunyi, semua orang tak tahu. Peguam Negara cuti empat hari *garden leave*, dipaksa cuti. Tidak ada orang, empat hari. Hilang Batu Puteh dalam proses rayuan antarabangsa. Tidak ada pula isu ini digembar-gemburkan seolah-olah kedaulatan kita, kedaulatan, ada pula, tapi tidak apa. Ini cerita dulu, kita biarkan RCI buat keputusan sebab dia nak siasat sebenarnya. Walaupun *taskforce* dah siasat, ada orang tidak hendak datang, sekarang RCI kata kena datang. Tak datang, kena masuk penjara kalau tak datang...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah bin Aman @ Haniff Amman: Yang Berhormat, ketika itu saya bukan Menteri Luar... [Ketawa]

Dato' Sri Azalina Othman Said: Betul, betul, betul. Bukan Yang Berhormat. Tak ada. Yang Berhormat dah tak ada terlibat. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat dengan saya terlibat, benda ini tidak berlaku, *insya-Allah...* [Dewan ketawa]

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak kena terang kekebalan ini kerana banyak kegusaran, kekhuatiran seolah-olah Perdana Menteri dengan Majlis akan memberikan kekebalan kepada negara asing.

Yang Berhormat menyebut tentang Mossad, Yang Berhormat sebut tentang baru-baru ini bawa masuk pistol nak tembak segala-galanya. Yang Berhormat, tengoklah fasal yang pertama ini. Fasal yang ada, undang-undang yang terpakai. Fasal 3, maaf Fasal 2.

Undang-undang tidak terpakai, akta ini tidak terpakai dalam Fasal 2. Ia tidak terpakai bagi prosiding jenayah. Kalau ketua negara kepada Ketua Kerajaan melakukan jenayah, memanglah dia akan dikenakan tindakan jenayah. Takkanlah Perdana Menteri kah, Majlis kah, Menteri-Menteri Kabinet, boleh lepaskan orang daripada lepasan jenayah kalau akta kata tak boleh. Tak ada kena-mengena. Ini jaminan dalam akta.

Nombor tiga mukadimah saya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bertanya, kenapa ini *reciprocity*, dulu macam mana, perlukah?

Yang Berhormat Senator kata, ini kan buang duit, buang masa. Saya nak jawab macam inilah. Dulu sebelum akta ini, yang wujud ialah satu- dokumen pentadbiran. Yang saya jawab dalam Dewan Rakyat, Tatacara Pentadbiran. Tatacara Pentadbiran ini ialah untuk memohon imuniti mana-mana negara yang dibawa kepada Ketua Negara, ke dan sebagainya ialah dia ada beberapa peringkat yang membuat keputusan adalah Menteri Luar iaitu peringkat pertama, pemohon kepada negara asing itu akan memohon kepada Bahagian Bilateral Kementerian Luar Negeri.

Kemudian peringkat kedua, Bahagian Bilateral akan memberikan cadangan penerangan ringkas kepada Menteri.

Peringkat ketiga, Menteri akan membuat pertimbangan untuk mengiktiraf.

Peringkat keempat, Menteri bersetuju, kemudian dihantar ke Bahagian Protokol Konsulat Kementerian Luar.

Peringkat kelima, Bahagian Protokol dan Konsulat luar akan menyediakan perakuan pengiktirafan ditandatangani oleh Menteri.

Peringkat keenam, bahagian protokol akan mengemukakan pengakuan pengiktirafan yang telah ditandatangani oleh negara asing yang memohon.

Jadi dulu daripada semenjak Merdeka dengan adanya Kementerian Luar Negeri sampai hari ini yang tidak ada akta, tak pernah kah kita bertanya, bolehkah seorang Menteri Luar yang menggunakan kuasa pentadbiran menggadaikan kedaulatan negara kita seperti dipersoalkan oleh Yang Berhormat? Tak ada pula, tetapi kenapa bila kita nak adakan satu undang-undang yang lebih terbuka, yang lebih terikat supaya peranan dapat dimainkan oleh Perdana Menteri dengan Ahli-ahli Majlis, kita mengkhawatiri, menggusari seolah-olahnya ada niat udang di sebalik batu.

Itu sebabnya Yang Berhormat saya kata, Yang Berhormat sebagai golongan yang cukup pintar dan mempunyai pengalaman, mesti mengetahui bahawa sebenarnya akta ini bila diwujudkan di bawah Bahagian IV, Majlis Kekebalan Negara Asing, kita menyebutkan langkah demi langkah kewujudan Majlis di bawah fasal 20, fungsi Majlis di bawah fasal 21. Kemudian kuasa Majlis ditetapkan, fasal 22.

Keanggotaan Majlis Perdana Menteri, Pengerusi, Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi, Menteri-Menteri yang bertanggungjawab dalam undang-undang, hal ehwal luar negeri, pelaburan, perdagangan industri, kewangan, hal ehwal negeri, sumber manusia, pengangkutan, pertahanan, perdagangan, bahagian tanah, Ketua Setiausaha Negara dan Majlis ini Setiausahanya adalah Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-undang. Ini bererti bahawa Majlis ini adalah tentang isu undang-undang.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, pentafsiran ini mesti saya terangkan dalam mukadimah saya supaya tidak adanya salah tafsir bahawa kekebalan ini bererti memberikan kebebasan kepada elemen kedaulatan oleh mana-mana individu politik yang kita seolah-olah merasakan berkemungkinan menggunakan akta ini untuk melepaskan sebuah negara, ketua negara daripada tanggungjawab. Tidak betul dan tidak tepat.

Jadi, akhir sekali sebelum saya pergi secara spesifik, saya nak tekan kepada elemen bahawa yang paling penting bila kita lihat kepada undang-undang imuniti ini ialah memang betul undang-undang dulu ada dan sentiasa ada sebab tiap-tiap negara asing mempunyai hak kedaulatan mereka masing-masing.

Ini bererti Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam yang begitu pengalaman tahu bahawa negara asing mempunyai kebebasan mereka dalam negara mereka, tetapi perbezaan yang berlaku sejak kebelakangan 10, 20, 30 tahun ialah bila negara terlibat dalam perniagaan. Hari ini negara terlibat dalam perniagaan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung melalui- sebagai contoh, *sovereign wealth fund*.

Contohnya di Malaysia, contoh yang terdekat ialah Khazanah. Ia adalah *business entity* kerajaan. Sebab ada kerajaan dalam dunia yang 200 lebih ini negara-negara, dia sendiri yang nak masuk *sign* kontrak sebab dia rasa negara *sign*, jaminan mesti tak lari, bon mesti bayar. Nak bankrapkan negara macam mana? Ha, itulah pada tanggapan mereka, tapi bila negara masuk dalam perniagaan, di *European Union* Tuan Yang di-Pertua, diwujudkan *European Union* itu sebagai satu- premis perdagangan antarabangsa sebab dia nak undang-undang itu supaya terpakai dan boleh terpakai, boleh dilaksanakan untuk perniagaan. Import, eksport, cukai, kewangan, *rate* dan sebagainya.

Itu perniagaan dan apa yang berlaku kalau kita tengok dalam akta ini, kita mengatakan bahawa penepian kekebalan baru kita tengok dalam Bab II dalam bahasa Inggeris, dengan izin, saya nak sebut tentang apa yang disebut sebagai *in part two*, bila dia menyatakan tentang *jurisdictional immunities of a foreign state*. Bila negara itu dikatakan mempunyai imuniti, dia *removed* fasal 7, penepian kekebalan, dia sendiri bersetuju nak pergi kepada premis mahkamah.

Fasal 8, dalam kes-kes transaksi komersial. Kita takkan bagi kekebalan kepada negara kalau dia masuk dalam perniagaan. Kemudian, kontrak kerja. Ha, ini baru keluar seorang *security guard* dia *sign* kontrak dengan *Embassy US*.

Mahkamah baharu buat keputusan tadi mengatakan bahawa *Industrial Court* salah mendenda *Embassy US* nak bayar dia denda sebab *breach of contract*. Dia kata *industrial dispute is a personal and private matter*. Kes itu dibuang atas tajuk imuniti.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak jawab. Kalau di Paris, bila Kerajaan Malaysia disaman, kenapakah mereka tak tolak atas tajuk imuniti? Ini yang saya marah Yang Berhormat Senator. Bila *Government of Malaysia* kena saman di Madrid, di Spain, maaf Madrid, Spain, di Perancis, saman di Luxemborg, saman di Belanda, eh boleh pula dia tahu yang kita oh konon Malaysia tidak ada imuniti. Walhal *we are bind by international law*, tapi bila kes *security guard* di *US premise US* di Jalan Ampang itu, saman *security guard*, *security guard* itu saman balik sebab dia kena buang kerja, mahkamah baru tadi membuat keputusan, Mahkamah Tinggi bahawa Mahkamah Perusahaan salah. Tak boleh sebab *Embassy US* itu ada imuniti. Habis kenapa mereka nak lelong harta kita di Perancis?

Saya nak tanya Yang Berhormat Senator. Kalau Yang Berhormat tanya saya, kenapa saya marah, saya marah sebab bukan sahaja isu kedaulatan mereka kacau. Mereka nak *blackmail* negara kita supaya kita bagi mereka duit atas platform yang tidak betul dan tidak benar. Nak saman, samanlah kat Malaysia.

Betullah Yang Berhormat Senator cakap. Dekat Sabah, saman sajalah, tapi dia saman dalam negara dia, dokumen bahasa dia, hakim orang dia, peguam orang dia seperti yang berlaku di Madrid. Kenapakah kita buat *tactical kick-off* di Madrid? Sebab kita kata bahawa Sulu *fraud* itu ialah- Sulu *award* itu *award* yang palsu kerana pentadbir ataupun timbang tara- *arbitrator* itu lah timbang tara yang tipu. Kita berjaya, *insya-Allah* dia dah buat rayuan, itu hak dia, tapi saya nak sebut di Malaysia kita *menghormati diplomatic premise of United States of Government*, tak ada hal.

Mahkamah kata tak boleh kacau, imuniti. Eh, bila Malaysia RM15 juta, tidak ada imuniti ker Yang Berhormat sekalian? *So, something is wrong somewhere*. Adakah kerana kita bertukar kerajaan, bertukar Perdana Menteri, bertukar Menteri Undang-undang, bertukar Peguam Negara yang menyebabkan mereka merasakan agaknya Malaysia ini bolehlah kita main tolak-tolak sebab tidak ada orang jaga, bawa larilah anak dara orang, kononnyalah...

■1330

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Minta penjelasan sikit?

Dato' Sri Azalina Othman Said: Yang Berhormat, sekejap. Saya buat mukadimah. Saya akan beri secara spesifik. Jadi apa yang saya nak sebut- kejam lagi, saya tahu. Kalau Yang Berhormat bertanya pasal Sulu, saya boleh jawablah.

Jadi, isu yang saya nak cakap ialah bila kita tengok kekebalan, imuniti ini yang mana tak ada itu lah dalam elemen penjagaan supaya bila dalam syarikat, harta intelek, harta, kapal negara, dia tak boleh mengatakan bahawa negara itu yang masuk kontrak dia ada imuniti. Apa yang kita wujud dalam akta ini lah dalam bidang kuasa mahkamah kita supaya bila mereka, Ketua Negara atau negara tersebut disamakan dalam negara kita, boleh dilaksanakan kecuali dalam elemen-elemen yang diberikan penafian kekebalan di bawah Bab II iaitu dalam elemen perniagaan dan sebagainya. Okey.

Akhir sekali yang saya nak sebut sebelum Yang Berhormat saya benarkan ialah isu timbang tara dalam fasal 16. Apakah sebenarnya berlaku dalam kes Sulu Tuan Yang di-Pertua? Saya kena terangkan ialah mereka menggunakan taktikal strategi. Strategi dia, dia pandai. Betul-betul bijak. Pasal *third parties funders* ini, memang banyak, duit banyak. Memang bijak *lawyers* dekat US dengan UK ini. Pada sayalah, bijak, tapi tak sebijaklah peguam-peguam dari Jabatan Peguam Negara dekat belakang ini. Orang kita ini nampak saja senyap, tapi memang bijak.

Kita *counter* balik strategi sebab Tuan Yang di-Pertua, dia menggunakan dokumen Jawi dalam tahun 1878. Semua orang pun tak faham Jawi dia. Ada kah orang Madrid boleh faham Jawi? Tak bohong kah itu? Lepas itu dia kata, kita hutang dia duit sebab itu dia punya. Okey, tak apalah. Lepas itu dia saman dekat negara dia.

Takkanlah dia saman negara dia, kita sendiri pun tak tahu dokumen itu, dia kata, “*Oh, kita dah setuju. Kalau tak hadir, didapati bersalah*”. Tak apalah, tapi dalam timbang tara antarabangsa Tuan Yang di-Pertua, *is alternate dispute resolution*. Dua pihak kena setuju, *mediation* dengan *arbitration*.

Timbang tara itu dengan mediasi, kalau kena setuju dengan forum, tempat dia, kena setuju dengan hakim siapa yang kita lantik. Ini semua *ex parte, one sided*. Lepas itu dia bagi order.

Tuan Yang di-Pertua tahu tak, saya rasa Yang Berhormat Senator Tan Sri Anifah Aman tahu yang Dr. Stampa yang kita kejar dia, belum apa-apa dah dapat bayaran USD2.5 million. Eh, tiba-tiba dia bagi *award*, dia dapat bayaran. Siapakah bayar dia? *Definitely from that group of the funders*.

Jadi, apa dia buat dengan *award* ini Tuan Yang di-Pertua ialah, dia pergi *forum shopping*. Kita halang dia masa itu, tengah sibuklah Jabatan Peguam Negara nak selesaikan. Dia lari ke Perancis, dia lari ke Luxembourg, dia lari ke Belanda sebab dia nak tengok negara mana yang berkemungkinan kita ada aset dan salah satu daripada dia *target* ialah aset, rumah-rumah Pegawai-pegawai Diplomatik di Paris, *France*. Atas order yang dia dapat di Madrid yang tak ada kena mengena- 1878 dalam bahasa Jawi. Okey, tak apalah.

Kemudian baru ini, saya kata Thomson- Group Thomson. Ini surat baru sampai ini. Saya dah cakap Menteri Kabinet, saya boleh ceritalah. 13 Mac 2024, USD8 bilion. Ini keturunan yang disebut sebagai- ada pula adik-beradik lagi ramai Tuan Yang di-Pertua. Pajak tanah oleh Sultan Jamalul al-Alam, Sultan Jamal ul-Azam.

Jadi saya nak tanya kepada tuan-tuan, Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator, bilakah benda ini nak berhenti? Jadi, sebenarnya mungkin soalan Yang Berhormat tanya saya, “*Datuk, adakah ini boleh membantu fasal 16, timbang tara?*” Jadi maknanya kalau mereka nak saman kita atas isu kedaulatan negara, *jurisdiction*, dia boleh pergi kepada ICJ, tapi kalau dia nak saman kita atas undang-undang kontrak ataupun timbang tara, dia kena ikut prosedur undang-undang. Adanya Majlis. Itu saja. Dia bagi notis dan kita akan buat gerakan untuk membela diri.

Yang berlaku pada kes Sulu ialah mereka mengambil kesempatan walaupun undang-undang antarabangsa itu ada, walaupun ada elemen *restrictive, immunity*, semua dah ada. Dia menggunakan platform perjanjian perdagangan antarabangsa yang kononnya ditandatangani antara mereka dengan kita pada tahun 1878. Maknanya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada *limitation period*. Kalau kita tak melawan kes Sulu ini, semua negara yang pernah menakluki Asia Barat seperti Perancis menakluki- oh, Belanda menakluki Indonesia. *Spain* menakluki Filipina, betul? Thailand je tak ditakluki. Malaysia ditakluki oleh kerajaan *British* dan sebelum *British* bertukar kepada lain.

Isu dia ialah apa yang sebenarnya berlaku ialah mereka akan mengambil kesempatan daripada sat-u dokumen walaupun tidak sah kah, sah kah tidak wujud kah dan inilah sebenarnya yang menjadi masalah sebab kita perlu dan harus bersedia.

Yang Berhormat Senator Hatta, silakan.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri atas penjelasan yang sepatutnya kita dapat terima sebelum kita mula berbahas dan penjelasan-penjelasan ini dapat membantu kita. Cuma dalam kes khusus yang disebut mengenai tuntutan yang dibawa oleh sahabat kita Senator tadi. “*Subramaniam versus US Embassy*” ini.

Mahkamah kita juga yang telah memberikan kemenangan kepada Subra, tetapi dirayu pula oleh *US Embassy*. Dia pula menang. Jadi, ruang untuk rayu merayu ini masih terbuka. Jadi, apa maksudnya kalau undang-undang kita ini dah ada hari itu, Amerika ini, *US Embassy* ini tak boleh lagi merayu dengan kemenangan yang telah dicapai oleh Subra di Mahkamah Perindustrian kah?... Begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila gulung dan...

Dato' Sri Azalina Othman Said: Jadi kalau saya tak sempat, saya boleh bagi jawapan secara bertulis sebab dah bersedia jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Okey. Yang Berhormat Senator, sebenarnya kita tak boleh halang sesiapa menyaman ke membuat rayuan dalam negara kita. Itu hak mereka. Tak ada masalah. Dia nak saman kita dalam kes *US Embassy*, itu hak dia. Dia nak merayu pun hak dia. Hakim membuat keputusan, mahkamah tinggi. Dia pun boleh merayu di mahkamah rayuan. Tak ada masalah. Itu hak. Kita punya masalah- dalam negara Malaysia, kita tak ada masalah mereka nak saman kita tapi dalam negara kita, itu saja. Kalau dia saman dalam negara kita, kita boleh membela diri secara pintu depan. Bukan pintu belakang.

Kedua, kes di Sabah telah putus kes Sulu bahawa tuntutan itu tuntutan yang tidak bernas dan tak sepatutnya wujud, tetapi Mahkamah Antarabangsa tak nak memberi penghormatan kepada keputusan Hakim di Sabah.

Sepatutnya dia menghormati keputusan mahkamah kita. Itu yang sebabnya saya nak beritahu kepada Yang Berhormat Senator. Dengan ada undang-undang ini, sekurang-kurangnya ada prosedur tetap bahawa Perdana Menteri lah yang akan memantau isu bila berlakunya kes-kes sedemikian. Jadi semua pihak akan dipanggil. Adanya prosedur, adanya mesyuarat dan akhir sekali Yang Berhormat banyak yang khuatir, dalam fasal ke-33 ialah kuasa untuk membuat peraturan-peraturan. Peraturan-peraturan itu akan diwajibkan sebahagian daripada undang-undang. Jadi, sekurang-kurangnya kita tahu.

Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya tak ada masalah. Nak saman, samanlah Kerajaan Malaysia. Tak ada hal. Sebab kita sebuah negara. Kita samanlah. Kita pun ada peguam yang *terror-terror* dekat belakang. Saya pun setuju Yang Berhormat Senator Ros tanya berapa banyak kita bayar. Memanglah nak bayar. Ini *US Dollar* dah kali empat perpuluhan, berapa? Saya tak main saham. Berapa, berapa?... *[Dicelah]* Tujuh- 4.7, Euro Dolar, *Pound*, memanglah mahal. Siapa kata murah.

Isu sebenarnya ialah mereka menggunakan ini sebagai taktik memeras ugut supaya kalau kita tak nak lawan, sebab dia boleh lawan sebab dia banyak duit. Dia nak tekan kita supaya kita, tapi selagilah Kerajaan Perpaduan Madani ada, selagilah Perdana Menteri Ke-10 memimpin, selagilah parti-parti politik bersama atas Titah Agong, lawan tetap lawan Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]* Apa nak takut. Mata biru kah, mata coklat kah, mata hijau. Dia salah, dia salah. Kita betul, kita lawan. Apakah nak takut? Sebab Allah bersama kita yang benar.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, semua yang saya tak boleh jawab, saya jawab secara bertulis, tetapi saya nak yakin kepada Yang Berhormat, *insya-Allah* dengan undang-undang bertulis ini, kita akan memberikan satu *shield* yang terbaik untuk negara kita supaya Perdana Menteri akan datang, kerajaan akan datang, akan mempunyai sistem dan prosedur yang sama untuk melindungi kekebalan negara kita dalam negara kita dan negara mereka.

Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih dan saya harap yang lain kita akan jawab secara bertulis. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya berharap rang undang-undang ini akan diterima tanpa pindaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Menteri.

Ahli-ahli Yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 33 -

■1340

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Datuk Pengerusi- sebelum, sebelum buat keputusan. Ada pertanyaan sikit.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih. Datuk Pengerusi, di dalam anggota- keanggotaan Majlis, dia disebut pengerusinya Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi. Soalan saya, kalau kita ada dua Timbalan Perdana Menteri, adakah kedua-duanya berada di dalam Jawatankuasa atau seorang sahaja? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Dato' Sri Azalina Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hatta. Jawapan dari Jabatan Peguam Negara, dua. Dua kot, tapi bagi saya, terpulanglah sebab adanya peraturan, saya percaya dan saya yakin, dia akan terikat pada peraturan yang akan dikeluarkan di bawah fasal ini. Terima kasih atas soalan.

[Fasal-fasal 1 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi) (Tuan M. Kulasegaran a/l Murugeson) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2023) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

1.45 tgh.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah Azizan]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun perkhidmatan 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud yang tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim **mempengerusikan Mesyuarat]***

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Yang di-Pertua, peruntukan tambahan perbelanjaan mengurus pertama tahun 2023 ini dibentangkan menurut Perkara 101, Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya dalam Belanjawan 2023 yang telah diluluskan terdahulu oleh Dewan yang mulia ini.

Anggaran perbelanjaan mengurus tambahan pertama 2023 yang dibentangkan adalah berjumlah RM23,479,669,350 untuk membiayai perbelanjaan bekalan yang boleh diringkaskan seperti berikut. Sebanyak RM3,692,563,850 adalah untuk pindahan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2023 ke Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini di caj sebagai daripada perbelanjaan di bawah maksud B.12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pindahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah subseksyen 10(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [*Akta 61*]. Dalam satu perbelanjaan baharu- dan bukan satu perbelanjaan baharu tetapi merupakan sebahagian daripada keperluan kewangan untuk menampung perbelanjaan pembangunan bagi 2023 yang berjumlah RM96,089,737,122. Dengan pindahan ini, jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan boleh dikurangkan bagi memastikan sasaran defisit kewangan kerajaan pada tahun 2023 tercapai.

Sebanyak RM778,632,450 adalah bagi *me-recoup* semula jumlah yang telah didahulukan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan yang tidak diperuntukkan bagi tahun 2023 seperti yang terkandung dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5, Tahun 2024. Sebanyak RM19,008,473,050 merupakan peruntukan tambahan langsung kepada kementerian dan jabatan yang telah diberi kebenaran untuk membelanjakan melebihi daripada peruntukan bagi membiayai perkara-perkara yang komited pada tahun 2023.

Yang di-Pertua, kementerian-kementerian yang terlibat di dalam anggaran perbelanjaan tambahan ini adalah seperti berikut:

■1350

- (i) Kementerian Kewangan sebanyak RM18,691,209,350;
- (ii) Kementerian Pendidikan sebanyak RM1,973,724,300;
- (iii) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup sebanyak RM1,174,138,000;
- (iv) Kementerian Kesihatan sebanyak RM687,892,500;
- (v) Kementerian Pertahanan sebanyak RM410,530,750;
- (vi) Suruhanjaya Pilihan Raya sebanyak RM300,000,000;
- (vii) Jabatan Perkhidmatan Awam sebanyak RM153,263,900;
- (viii) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan sebanyak RM56,910,550; dan
- (ix) Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM32,000,000.

Yang di-Pertua, butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3, Tahun 2024 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 3A Tahun 2024. Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Menteri, ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2023 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai 10 orang Ahli yang hendak berbahas. Maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

1.52 tgh.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan dua perkara peruntukan Suruhanjaya Pilihan Raya dan peruntukan Kementerian Kesihatan.

Pertamanya saya ingin menyentuh tentang peruntukan tambahan bagi SPR. Berdasarkan jadual yang terkandung dalam rang undang-undang ini, SPR telah diperuntukkan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM300 juta berbanding RM65.543 juta peruntukan asal seperti yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023.

Berdasarkan kenyataan Pengerusi SPR pada Julai tahun lalu, sebanyak RM420 juta diperlukan untuk mengendalikan pilihan raya negeri di enam buah negeri pada bulan Ogos 2023. Berdasarkan peruntukan tambahan SPR ini, saya ingin membangkitkan empat persoalan.

Pertama, berapakah kos keseluruhan yang dibelanjakan bagi pengendalian PRN 2023 di keenam-enam negeri yang terlibat? Adakah RM300 juta ini sangat tinggi jika dibandingkan dengan PRN 2023?

Sebagai inti pati lanjutan bagi peruntukan tambahan 2023 ini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada YB Menteri berkenaan kekuatan kewangan SPR untuk mengendalikan pilihan raya luar jangka yang mempunyai kebarangkalian untuk berlaku pada tahun ini? Seandainya enam Ahli Parlimen Bersatu perlu mengosongkan Kerusi bagi maksud pelanggaran pindaan baharu Perlembagaan Parti Bersatu, berapakah anggaran perbelanjaan yang diperlukan oleh SPR bagi mengendalikan PRK keenam-enam Kerusi Parlimen tersebut?

Yang terakhir berkenaan SPR, saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan, berapakah jumlah anggaran perbelanjaan yang diperlukan untuk mengendalikan PRN Sabah sekiranya ia berlaku tahun ini atau seawal tahun depan? Adakah ia akan menelan kos perbelanjaan yang melebihi RM130 juta yang telah dibelanjakan bagi PRN Sabah pada tahun 2020. Jika ya, apakah faktor yang telah mendorong kepada peningkatan perbelanjaan tersebut?

Dato' Yang di-Pertua, beralih kepada peruntukan Kementerian Kesihatan. KKM diperuntukkan sebanyak RM687,892,500 bagi peruntukan tambahan. Berdasarkan Kertas Perintah Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2023 sebanyak RM116,357,400 dikhaskan untuk perkhidmatan dan bekalan bagi pengurusan hospital.

Membawa suara rakyat Negeri Sembilan di Dewan yang mulia ini saya mengharapkan agar peruntukan tambahan tersebut antaranya telah dimanfaatkan untuk menambah baik mutu perkhidmatan Hospital Tuanku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan.

Memandangkan hospital tersebut merupakan hospital tumpuan bagi kebanyakan pesakit luar di Negeri Sembilan untuk menerima rawatan, KKM seharusnya meneliti semula keperluan-keperluan semasa HTJ yang pada hakikatnya memerlukan perhatian dalam aspek penambahbaikan penyampaian perkhidmatan. Penambahbaikan tersebut antaranya perlu merangkumi penambahan jururawat dan doktor pakar dalam bidang rawatan tertentu serta penambahan wad ICU yang lebih kondusif untuk para pesakit.

Bercakap tentang penambahbaikan perkhidmatan kesihatan, saya berasa terpenggil untuk membangkitkan tentang perkhidmatan rawatan jantung kardiologi yang selama ini hanya ditumpukan di Institut Jantung Negara. Sehubungan dengan itu, KKM sewajarnya mengenal pasti hospital-hospital negeri yang sedia ada yang berpotensi untuk dibangunkan dengan pusat rawatan kardiologi dengan kemudahan teknologi rawatan terkini untuk menghadapi sebarang ketidaktentuan dalam peningkatan jumlah pesakit berkaitan jantung di setiap negeri.

Berdasarkan kenyataan mantan Menteri Kesihatan, saya difahamkan bahawa KKM lagi bergantung sepenuhnya kepada Pharmaniaga bagi pembekalan ubat-ubatan rentetan daripada masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat tersebut. Sebaliknya, menurut beliau KKM akan mewujudkan ruang kerjasama dengan syarikat-syarikat pembekal ubat-ubatan yang lain untuk memastikan kelangsungan bekalan ubat-ubatan bagi fasiliti kesihatan KKM- 45 saat lagi.

Persoalan saya, sejauh manakah kerjasama dengan syarikat-syarikat pembekal ubat-ubatan tersebut berupaya meningkatkan akses hospital-hospital serta klinik-klinik kesihatan di setiap negeri kepada bekalan ubat-ubatan yang diperlukan bagi setiap jenis penyakit? Apakah jaminan bahawa ubat-ubatan yang dibekalkan oleh syarikat-syarikat tersebut benar-benar selamat untuk kegunaan pesakit bagi setiap jenis penyakit? Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan syarikat-syarikat yang terlibat dalam menguruskan pembekalan ubat-ubatan kepada fasiliti kesihatan KKM di seluruh negara?

Dato' Yang di-Pertua, sekian sahaja ucapan perbahasan bagi Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024. Saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff, silakan.

1.59 tgh.

Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pengeluaran wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak lebih RM23.47 bilion iaitu sejumlah perbelanjaan luar jangka yang melebihi daripada belanjawan asal tahun 2023.

Oleh itu saya mohon penjelasan implikasi terperinci peruntukan tambahan ini terhadap defisit negara dalam perbekalan-perbekalan tambahan akan datang berbanding unjuran semasa kerajaan terutama dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi dan pada masa yang sama mencapai sasaran defisit fiskal sebanyak 4.3 peratus pada tahun 2024.

■1400

Mengambil kira prospek kelembapan ekonomi global berlarutan dalam tahun 2024, apa pendekatan drastik kerajaan dalam merangka strategi pengurusan hutang dan pinjaman yang berkesan untuk menampung kedudukan defisit fiskal serta mengoptimumkan perbelanjaan pembangunan untuk manfaat rakyat mengambil kira kedudukan paras hutang kerajaan pada akhir tahun 2023.

Saya juga ingin bertanya apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam proses penyediaan anggaran butiran belanja mengambil kira risiko perbelanjaan luar jangka seperti peningkatan perbelanjaan akibat perubahan iklim yang melampau yang mempengaruhi pendapatan negara dan juga menyebabkan perbelanjaan tambahan yang besar. Contohnya, banjir yang telah menyebabkan negara kerugian melebihi RM 795 juta pada tahun lepas, perubahan harga mendadak minyak mentah dunia dan juga harga komoditi minyak sawit yang berubah-ubah.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Jadual, Perkara B.11, Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Tambahan sebanyak RM14.486 bilion yang antaranya untuk menampung perbelanjaan pelbagai subsidi.

Justeru itu, saya ingin bertanya sejauh manakah penyelarasan subsidi dan kesannya kepada kuasa beli rakyat dalam tidak ketentuan ekonomi global dan penurunan nilai ringgit Malaysia dan sejauh mana pula ia dapat membantu merangsang ekonomi setempat khususnya kepada peningkatan pendapatan perusahaan mikro kecil dan sederhana.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga mohon penjelasan apakah langkah yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan supaya kenaikan cukai SST kepada rakyat terutama daripada golongan B40 dan M40 tidak memberi kesan yang ketara kepada kuasa beli dan perbelanjaan kos sara hidup.

Selain daripada subsidi bersasar melalui pelaksanaan sistem maklumat bersepadu PADU, apa perancangan kerajaan supaya dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan sehingga memerlukan tambahan perbelanjaan luar jangka yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Jadual, Perkara B.42, Kementerian Kesihatan sebanyak RM687 juta- tambahan perbelanjaan. Pandangan saya, Kementerian Kesihatan perlu memikirkan satu kaedah yang lebih tuntas untuk mempromosikan kesihatan kepada rakyat supaya dapat mengurangkan kos perubatan. Kos promosi atau pencegahan jauh lebih murah berbanding kos rawatan. Perbanyakkan program saringan kesihatan terutama saringan penyakit kronik seperti darah tinggi, kencing manis, serangan jantung dan strok yang boleh dicegah. Komplikasi kepada penyakit-penyakit ini seperti kegagalan buah pinggang yang menyebabkan kerajaan menanggung kos yang terlalu tinggi.

Saya juga memohon penjelasan, setakat ini sejauh mana kejayaan Program Saringan PeKa B40 dalam mengurangkan kos perubatan rawatan penyakit kronik dan apakah perancangan kementerian bagi mengurangkan kos perolehan ubat dan penambahbaikan terhadap kaedah pembelian ubat mengambil kira harga ubat-ubatan yang sering dipengaruhi oleh pelbagai faktor luar seperti kadar pertukaran mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mohon penjelasan apakah langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan supaya perbelanjaan luar jangka yang terlalu besar tidak berlaku. Dengan itu, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih. Jemput Senator Datuk Dr. Dominic Lau. Terima kasih.

2.04 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua ke atas peluang yang diberikan kepada saya berbahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2023.

Saya memang difahamkan jumlah perbekalan tambahan kali ini mencecah sebanyak RM23.47 bilion. Jumlah ini memang agak yang sangat besar. Ini secukup untuk membiayai dua kementerian untuk setahun. Adakah ini merupakan isyarat atau tanda bahawa kerajaan tidak dapat membuat anggaran secara tepat dan betul, tetapi biarkanlah. Saya percaya memang ada banyak sebab. Terdapat pelbagai sebab juga terutamanya *environmental factors* yang difahamkan *geopolitics issues*, perubahan OPR di Amerika Syarikat, perubahan iklim politik di rantau ASEAN yang memerlukan pertambahan ini.

Moving forward, dengan izin, Perdana Menteri perlu menilai semula jumlah peruntukan yang hendak di belanja dalam belanjawan 2025 yang akan datang supaya tidak akanlah keperluan mendesak untuk kita membentangi perbekalan tambahan yang agak besar pada masa yang akan datang. Ini bukan sahaja untuk menambah beban kerja untuk penjawat awam kita tetapi juga mengambil masa persidangan Parlimen yang boleh digunakan dalam membentangi dasar negara.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyentuh kepada nilai Ringgit yang makin merosot. Kini kadar pertukaran USD dengan Ringgit Malaysia adalah sekitar 4.7 yang terendah kita tahu 4.8 berbanding dengan 4.1 pada 4 Januari 2020. *Indicator* ini adalah bertentangan dengan dakwaan Menteri Ekonomi dan juga Menteri Kewangan yang duduk sini, kedua bahawa Malaysia berada dalam landasan yang betul mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang 2028. Suasana kebimbangan di semua lapisan masyarakat akibat kos sara hidup yang tinggi serta meningkatkan kadar kemiskinan bandar mutlak daripada 3.8 peratus pada tahun 2019 ke-4.5 peratus pada 2022. Ini telah menunjukkan bahawa kita jauh lebih daripada landasan ekonomi yang stabil.

Saya faham bahawa isu berkait dengan nilai Ringgit ini bukan perkara domestik semata-matanya dan ia perlu dihitung dengan persekitaran yang semakin mencabar, tetapi kejatuhan nilai Ringgit ini memberikan impak langsung kepada rakyat. Kebergantungan import mengekalkan setiap lapisan perdagangan meningkat harga barangan. Ya, inilah hanya satu contoh. Harapan saya seperti yang Menteri Kewangan II mengatakan menjangka yang nilai Ringgit akan mencapai 4.5 berbanding Dolar Amerika sebelum hujung tahun 2024, *insya-Allah*. Baiklah kita fokus ya dengan baik.

Dato' Yang di-Pertua, keadaan kos sara hidup tinggi bakal diringkaskan kalau kerajaan kurangkan sikap degil dalam keengganan mereka dalam menilai semula sistem cukai GST tetapi sebaliknya mengekalkan sistem cukai SST dan meningkatkan kadar SST daripada enam peratus kepada lapan peratus itu tanpa sebarang masa penampan, ini adalah kejutan besar kepada semua lapisan masyarakat termasuk rakyat yang miskin hingga kepada pelabur tempatan dan asing.

Semasa kita berbandingkan *rollout*, dengan izin, atau pelaksanaan kenaikan kadar cukai di negara jiran kita seperti Singapura, kerajaan mereka melaksanakan kenaikan tersebut secara berperingkat, oleh itu mereka guna dua tahun untuk meningkatkan GST mereka. Kedegilan kerajaan madani dalam mengekalkan SST ini juga adalah antara sebab kenaikan kos sara hidup.

Saya tidak menafikan bahawa sistem SST akan menjanakan lebih banyak hasil dan ia lebih *non transparency*, tetapi ia mencapai dengan meletakkan beban yang besar kepada rakyat. Sudah kerap kalilah rakyat, pelabur, persatuan industri menyeru kerajaan agar mengembalikan sistem cukai GST kerana ia lebih telus dan tidak kesan cukai yang berganda, dengan izin, *double taxation effect*. Tak ada, tetapi inilah kita kata kita tak nampak mereka melaksanakan.

Satu perkara lagi saya nak menegaskan Dato' Yang di-Pertua ialah peningkatan perbelanjaan mengurus daripada RM236.5 bilion pada tahun 2021 ke RM303.8 bilion pada tahun ini. Ini kita memang membimbangkan, tetapi / nak menegaskan sebelum kita menubuhkan PETRONAS pada zaman 70-an, kerajaan kita boleh menampung perbelanjaan mengurus tanpa bergantung kepada dividen minyak dan gas yang banyak. *This time for us to go back to the basis and find out what went wrong*, dengan izin.

■1410

Ingat. Rizab- *reserve*-lah. *Reserve* minyak dan gas itu dijangka habis dalam tempoh masa 10 dan 15 tahun. Kalau kita tidak mengurangkan kebergantungan kepada dana *oil and gas* secepat mungkin, selepas habisnya rizab *oil and gas*, kita mungkin terpaksa meminjam dan menampung perbelanjaan mengurus dan kemudiannya meminjam untuk menampung hutang. *Effectively, forcing us to the debt trap*.

Oleh itulah, walaupun saya telah berkongsi beberapa- kepada kerajaan, kritikan, pandangan melalui perbahasan ini, saya tetap sokong RUU Perbekalan Tambahan demi kesejahteraan rakyat. Harap Perdana Menteri, merupakan Menteri Kewangan terima baik pandangan saya. Pasti rakyat selalu dipelihara dan kebajikan mereka dijadikan asas pemerintahan negara. Terima kasih... [Tepuk]

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih, Datuk Dominic.

Dipersilakan Senator Datuk Haji Mustafa Musa.

2.11 ptg.

Datuk Haji Mustafa bin Musa: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Datuk Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan khusus kepada peruntukan bagi operasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam RUU Perbekalan Tambahan, sebanyak RM1.973 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan operasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih kerana antara peruntukan yang tertinggi, tetapi Kementerian Pendidikan memerlukan lebih, kerana ia melibatkan pelbagai keperluan prasarana, khususnya bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Saya ingin mengutarakan perhatian Dewan yang mulia ini terhadap nasib guru-guru di kawasan pedalaman. Bukan sahaja di kawasan pedalaman negeri Sabah dan Sarawak tetapi di Semenanjung, keadaan sekolah yang daif dengan pengorbanan guru di kawasan pedalaman ini perlu diberi perhatian khusus.

Dengan keadaan cuaca yang tidak menentu dan bermusim, guru-guru di kawasan pedalaman terpaksa menggunakan kenderaan mereka sendiri, termasuklah kenderaan pacuan empat roda ataupun motor, dan saya menarik perhatian bahawa sudah sampai masanya. Sepatutnya, Kementerian Pendidikan Malaysia memperuntukkan sejumlah wang tertentu untuk membeli kenderaan pacuan empat- roda bagi kegunaan guru-guru di kawasan pedalaman yang memerlukan jarak jauh, yang terpaksa merentangi sungai, merentangi ladang dan bendang.

Ini amat penting kerana seorang guru pernah berbisik kepada saya. Seorang guru di Sekolah Kebangsaan Balar, Gua Musang, Kelantan, yang terpaksa menghabiskan RM1,500 elaun. Ada beberapa buah sekolah, Dato' Yang di-Pertua, yang gurunya mendapat elaun khas seperti itu, tetapi sebenarnya waktu itu tidak mencukupi pun untuk me-*repair* atau memperbaiki pulih kenderaan yang digunakan bagi setiap bulan, bagi sekolah pedalaman itu.

Jadi, apa kiranya kementerian dapat mempertimbangkan memperuntukkan pertama, elaun khas yang lebih kepada guru-guru yang ternyata memerlukan kos yang tinggi untuk menjalankan tugas di kawasan yang benar-benar pedalaman. Yang keduanya, seperti jabatan-jabatan yang lain iaitu ada disediakan kenderaan secara *pool* untuk kakitangan mereka pergi ke satu tempat dan sebagainya.

Sepatutnya, kementerian menyediakan kenderaan khas di PPD ataupun di jabatan yang boleh digunakan oleh guru-guru ini untuk berulang-alik di kawasan-kawasan pedalaman Sabah, Sarawak ataupun di Kelantan, di Perak. Tujuannya adalah untuk keselamatan, untuk keselesaan dan juga tujuannya untuk memberi- menjimatkan masa perjalanan guru-guru ke sekolah jauh ke pedalaman.

Saya rasa, tidak rugi sekiranya kementerian menyediakan peruntukan khas kenderaan, terutamanya pacuan empat- roda bagi kawasan-kawasan sekolah yang jauh ke pedalaman kerana banyak bakat yang berpotensi, banyak pelajar yang berwibawa, banyak pelajar yang bergeliga berada jauh di pedalaman tetapi kadang-kadang mendapat khidmat guru yang sudah letih menduduki kawasan pedalaman ulang-alik dengan kenderaan dan sebagainya. Jadi, saya mohon kalau dapat kementerian mempertimbangkan supaya ada elaun tambahan dan juga pacuan empat- roda kepada guru-guru berkhidmat ditempatkan di PPD dan sebagainya.

Yang kedua, saya menarik perhatian tentang nasib bilik guru. Saya kira, di jabatan-jabatan tertentu, semuanya sudah berhawa dingin tetapi masih ada sekolah-sekolah yang jauh di pedalaman ataupun di bandar yang tidak mempunyai keselesaan, daripada segi *work station* guru itu sendiri.

Kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi seperti meja, bilik yang sesak, kemudahan Internet dan juga penghawa dingin. Semua itu menyebabkan guru seolah-olah dipinggirkan, berbanding dengan orang lain yang jauh lebih rendah martabatnya.

Dengan 41 contohnya, guru- bertaraf pegawai di jabatan lain, yang mempunyai bilik sendiri dan penghawa dingin, guru hanya bilik secara berkelompok di dalam bilik yang kadang-kadang terlepas daripada kemudahan-kemudahan asas.

Ini pernah saya alami dan saya lalui sendiri selama 30 tahun bergelar guru. Jadi, nasib ini- jadi, apabila kita nak mengajar pergi ke sekolah dalam keadaan yang panas tadi- di dalam kelas, semestinya panas. Di dalam bilik pun panas. Tentulah kualiti itu sedikit sebanyak boleh berkurangan. Jadi, Kementerian Pendidikan harus menjadikan bilik guru sebagai bilik yang lebih kondusif dengan kemudahan-kemudahan yang lebih baik.

Satu isu lagi, Yang di-Pertua ialah tentang bilik darjah daif. Kesian. Bilik darjah daif ini, ada lagi yang bilik darjah daif, yang tidak mempunyai kemudahan yang asas dan ini ditambah dengan kesesakan yang berlaku di dalam bilik darjah, dan tentunya, ia tidak akan menghasilkan pulangan yang baik terhadap kemenjadian pelajar pada masa depan.

Jadi, saya berharap supaya kemudahan-kemudahan yang lebih selesa diberi kepada pelajar, terutamanya bagi mencapai dan melahirkan pelajar generasi Madani yang mendapat perkhidmatan baik dan juga menghasilkan keputusan yang cemerlang. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih. Silakan Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

2.17 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih, Dato' Yang di-Pertua. Pertanyaan pertama dan yang asas sifatnya ialah, adakah peruntukan tambahan seperti yang dibahaskan sekarang ini merupakan satu amalan atau budaya atau tradisi yang patut diteruskan?

Apa rasional di balik persiapan, yang kemudian pembentangan belanjawan tahunan itu? Sejauh manakah keperluan peruntukan tambahan ini menjadi semacam satu budaya? Andai kata ada keperluan tertentu, saya kira rasional itu perlulah dijelaskan untuk menunjukkan kecekapan dalam pengurusan kewangan negara.

Saya merujuk, Dato' Yang di-Pertua kepada dua perkara sahaja. Pertama, sektor pendidikan. Saya di samping menyokong isu-isu yang ditimbulkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Datuk Mustafa itu tadi iaitu keperluan untuk peningkatan kebajikan para pendidik di sekolah. Saya sendiri pun 20 tahun terlibat dalam program melahirkan guru, bakal guru.

Pernah saya berkunjung ke sebuah sekolah untuk melakukan penyeliaan latihan mengajar. Guru sekolah sesi pagi berebut kerusi dengan guru sekolah sesi petang. Yang direbut itu bukan kerusi hebat pun. Kerusi plastik saja. Jadi, itu satu bayangan, betapa keadaan kedaifan dan kebajikan para pendidik di sekolah kita masih menjadi masalah. Tak lepas lagi soal kedaifan-kedaifan yang lain, yang telah pun disuarakan oleh Senator itu tadi.

Saya hendak merujuk kepada soal keperluan Kementerian Pendidikan menumpukan perhatian yang penuh khusus kepada soal kursus atau Latihan Dalam Perkhidmatan, *in-service training*, dengan izin. Kita dapati, memang banyak kos yang diberikan oleh kerajaan untuk kursus praperkhidmatan, tetapi dalam pengalaman saya, banyak guru yang juga mengeluh untuk mendapat peluang mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan yang agak terbatas, sedangkan kualiti pendidikan para pendidik itu sendiri perlu senantiasa ditingkatkan dari waktu ke waktu. Baik dalam soal ilmu mata pelajaran itu, soal pengurusan dan soal-soal kurikulum. Jadi, pada hemat saya, dalam soal penambahan peruntukan ini, sepatutnya Kementerian Pendidikan membuat satu perancangan supaya aspek kursus dalam latihan itu diberi perhatian khusus yang penting.

Selain itu juga, saya hendak menimbulkan soal keperluan Kementerian Pendidikan merancang atau menetapkan suatu bentuk insentif untuk menggerakkan dan memajukan industri penerbitan negara kerana soal penerbitan ini juga termasuk di bawah Kementerian Pendidikan.

■1420

Kita tahu bahawa soal kos pengeluaran bahan bacaan sangat tinggi. Kos kertasnya, kos berkaitan dengan pracetak atau *pre-press* dan pencetakan itu sendiri. Jadi alangkah baik dalam soal ini, Kementerian Pendidikan merancang pemberian satu bentuk insentif kepada syarikat-syarikat yang mengendalikan proses pracetak. Baik atur hurufnya, soal reka bentuk dan sebagainya dan juga kepada pencetak dalam soal pembiayaan kertas yang memang kian meningkat dari waktu ke waktu.

Demikian juga pemberian baucar buku untuk pembelian buku kepada ibu bapa untuk menggalakkan peningkatan budaya membaca dalam kalangan kanak-kanak kita khususnya. Ini memerlukan saya kira suatu peruntukan yang penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Satu lagi Dato' Yang di-Pertua yang hendak saya sentuh ialah soal Kementerian Belia dan Sukan. Walaupun jumlahnya kecil bagi saya agak kecil RM32 juta dan rasional dalam soal peruntukan tambahan itu pun lebih kepada soal yang- mohon maaf saya katakan kurang beri impak dalam konteks pembinaan sahsiah pembinaan keseluruhan warga muda kita sedangkan menurut statistik tidak kurang daripada 24 peratus warga negara kita yang berusia 18 tahun ke bawah kalau di campur dengan 30 tahun mungkin mencecah 30 peratus lebih.

Jadi ertinya pembinaan sahsiah, pembinaan watak atau karakter golongan muda ini sangat perlu diberi perhatian, tetapi kita dapati tambahan ini lebih hanya soal pembayaran yuran hak penganjuran acara sukan Pemotoran Antarabangsa Malaysia. Saya tidak mengatakan ini tidak penting, tapi kita harus melihat secara holistik apakah sudut-sudut penting yang jauh lebih baik dalam pembinaan watak, pembinaan sahsiah warganegara kita khususnya golongan muda. Ini Dato' Yang di-Pertua, demikianlah sekadar ucapan saya dan saya ini dengan menyokong usul ini. Mudah-mudahan pada waktu akan datang, dapat direncanakan pengurusan kewangan negara dengan lebih baik. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih. Dipersilakan Senator Tuan Abun Sui Anyit.

2.22 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang D.R 4/2024 iaitu Perbekalan Tambahan Bagi Tahun 2023.

Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tindakan untuk mendapatkan tambahan perbekalan ini seperti yang tercatat dalam senarai Jadual. Saya ingin menekankan beberapa isu terutamanya Kementerian Pendidikan dan saya juga nampak- tidak nampak Kementerian Dalam Negeri di sini mungkin ada di tempat yang lain nanti.

Saya ingin tekankan kepada Kementerian Pendidikan ini kerana kebanyakan sekolah-sekolah daif ini masih banyak di Sarawak dan saya harap supaya kekangan kewangan ini bukanlah sesuatu yang menjadi punca sekolah-sekolah daif tidak disegerakan dilaksanakan di Sarawak ataupun di Sabah ya Jadi saya berharap supaya apabila kita memerlukan kewangan jadi rupa-rupanya kita ada kaedah seperti ini untuk kita memohon ataupun menambah lagi perbelanjaan di dalam Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini.

Justeru itu saya selalu membahaskan dalam perbahasan Titah Diraja saya yang lepas. Saya berharap supaya kerajaan juga boleh buat begini untuk memajukan Sabah dan Sarawak supaya segera maju bersama dengan rakan kita di Semenanjung. Jadi inilah yang saya tekankan lebih kurang perkara begini kita boleh minta secara khusus juga untuk memajukan Sabah dan Sarawak supaya tidak ke terkebelakang.

Jadi walau bagaimanapun, saya percaya saya harap dengan peruntukkan-peruntukkan yang diadakan ini tidak lah terlalu tertumpu di tempat yang sudah maju yang sudah ke depan berbanding dengan Sarawak di mana sekolah-sekolah daif masih ada dan juga jalan-jalan perhubungan masih belum mencukupi. Kita hanya menggunakan jalan balak sahaja untuk ke pekan ataupun untuk ke bandar jadi saya juga lihat kementerian ini tidak ada di dalam Kementerian Pembangunan Wilayah dan Desa tidak ada di dalam sini.

Jadi walau bagaimanapun mungkin di tempat yang lain, dan saya harap dengan peruntukan kepada kementerian yang- Kementerian Pendidikan ini akan digunakan dengan sebaik mungkin seperti yang saya cadangkan tadi. Juga yang banyak juga di sini peruntukan kepada wang terkanun.

Jadi saya ingin bertanya, apakah *detail*- secara *detail* penggunaan perkara yang sebegini? Begitu juga dengan khidmat perbendaharaan yang terbesar iaitu RM14 berapa- ini bilion, kah? Besar ini. Jadi saya harap dengan kumpulan wang terkanun ini dan juga perkhidmatan am perbendaharaan ini digunakan secara khusus untuk penggunaan mereka yang benar-benar perlu.

Terutamanya apabila kekurangan perbelanjaan bagi kementerian-kementerian ataupun keperluan-keperluan yang mendesak. Jangan lagi kerana kekurangan peruntukkan ataupun kekurangan kewangan menjadi satu asas kepada lambatnya sesuatu pembangunan untuk rakyat. Jadi dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan Bagi Tahun 2023 ini. Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih YB Abun. Dipersilakan Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris.

2.27 ptg.

Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Dato' Yang di-Pertua.

Pertamanya, ucapan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua memberikan peluang untuk saya sama-sama membahaskan Rang Undang-undang- RUU Perbekalan Tambahan Bagi Tahun 2023-2024 pada petang ini.

Dato' Yang di-Pertua, ada empat perkara yang saya ingin bangkitkan dalam perbahasan saya dalam perbahasaan saya pada petang ini. Pertamanya berhubung dengan subsidi, kos sara hidup yang ketiganya cukai dan keempatnya pendidikan.

Dato' Yang di-Pertua, tahun 2023- kerajaan membelanjakan lebih RM80 bilion untuk subsidi, insentif dan berbagai-bagai bantuan. Namun kerajaan berbelanja melebihi anggaran asal belanjawan iaitu sebanyak RM64 bilion. Alasan yang diberikan adalah bagi menampung keperluan tambahan bagi subsidi produk petroleum iaitu RON95 dan diesel. Hal ini disebabkan oleh faktor peningkatan penggunaan penggunaan RON95 dan diesel. Ketidaktentuan harga minyak mentah dunia menjadi faktor penyebab kerajaan mengadakan peruntukan tambahan untuk subsidi ini. Namun, langkah kerajaan adalah bagi menjayakan langkah- namun langkah kerajaan adalah bagi menjayakan langkah membuat subsidi bersasar dilihat agak samar-samar ketika ini.

Dengan program PADU yang dikemukakan oleh kerajaan juga menimbulkan pelbagai persoalan daripada segi aspek pelaksanaan, keselamatan siber, pengisian data dan kenaikan harga barang bagi syarikat-syarikat yang menggunakan pengangkutan. Ini perlu diperjelaskan dengan lebih terperinci oleh kementerian.

Kedua, bagi isu penyeludupan. Sebenarnya isu penyeludupan minyak petrol dapat diatasi dengan penekanan terhadap integriti agensi-agensi kerajaan terutamanya di kawasan-kawasan sempadan. Bagi menghadapi masalah penyeludupan ini, kerajaan perlu memikirkan cara bagi memperkukuhkan sempadan negara kita yang dilihat tidak ketat pada ketika ini yang menyebabkan banyak minyak kita diseludupkan keluar.

■1430

Bukan sahaja petrol termasuk juga barangan-barangan bersubsidi lain, minyak masak dan sebagainya yang memberikan kesan kepada perbelanjaan negara. Ops Tiris yang dilaksanakan oleh KPDN juga perlu diperkuatkan lagi bagi mengelakkan ketirisan secara besar-besaran yang merugikan kerajaan.

Dato' Yang di-Pertua, Sumbangan Tunai Rahmah kos sara hidup yang dinaikkan daripada RM2 bilion iaitu 25 peratus daripada RM8 bilion pada tahun 2023 dengan jumlah keseluruhan RM10 bilion. STR memberikan manfaat kepada sekitar sembilan juta penerima- bersamaan 90 peratus penduduk dewasa negara kita. STR dilaksanakan oleh kerajaan pada kali ini dilihat tidak komprehensif. Ada kalangan rakyat yang tidak menikmati STR terutamanya bagi penduduk luar bandar yang kurang kepada akses informasi masa kini.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah jumlah baki STR yang tidak diterima oleh rakyat Malaysia?

Kedua, nilai STR pada masa kini dilihat tidak relevan dengan kenaikan harga barang yang tidak menentu demi kemampuan dilakukan. Adakah kerajaan berhasrat menaikkan nilai STR sesuai dengan kadar kenaikan harga barang masa kini?

Yang terakhir Dato' Yang di-Pertua, perbagai cukai telah dilaksanakan oleh pihak kementerian, namun cukai-cukai ini tidak memberi manfaat terutamanya kepada golongan B40 dan M40 di negara kita. Yang ada hanyalah membebankan rakyat dan kenaikan demi kenaikan harga barang.

SST yang dilaksanakan dilihat tidak memberikan keuntungan kepada kerajaan, malah membebankan rakyat berbanding GST yang dilakukan oleh- yang memberikan keuntungan kepada kerajaan dan seterusnya disalurkan kembali kepada rakyat dengan membentuk- pelbagai bentuk bantuan seperti BR1M dan sebagainya.

Walaupun kerajaan telah menegaskan bahawa kerajaan tidak akan menggantikan SST dengan GST, apa yang saya lihat GST lebih banyak manfaat kepada rakyat berbanding SST. Seterusnya kerajaan perlu mempertimbangkan cukai-cukai baru. Beralih daripada cukai, kerajaan perlu meningkatkan pendapatan negara selain daripada cukai seperti memperkasakan eksport dan juga pelaburan dan lain-lain lagi. Sekian, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: *Walaikumsalam.* Terima kasih Senator Tuan Haji.

Dipersilakan Senator Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol.

2.33 ptg.

Puan Rita Sarimah anak Patrick Insol: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya cuma hendak mengemukakan beberapa soalan bagi perkara B.42 iaitu peruntukan tambahan sejumlah kira-kira RM688 juta kepada Kementerian Kesihatan. Bagi menampung tiga perkara di mana salah satu di antaranya adalah untuk membeli bekalan perubatan fasiliti kesihatan.

Saya telah membangkitkan gangguan bekalan ubat-ubatan termasuk ubat-ubatan bagi penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, hipertensi dan amat memudaratkan untuk intubasi yang melibatkan keselamatan nyawa, semasa saya berbahas Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja pada tempoh hari.

Jadi, saya bangkitkan semula *concern* saya di sini. Saya bersyukur pada Kerajaan Malaysia kerana memberi rawatan perkhidmatan kesihatan yang percuma kepada rakyat. Namun saya risau dengan gangguan bekalan ubat-ubatan seperti yang berlaku sekarang.

Saya dimaklumkan bahawa hospital-hospital, klinik-klinik kerajaan menghadapi gangguan bagi ubat-ubatan seperti mana yang dinyatakan tadi. Kita melihat sekarang ini hanyalah bulan April. Kalau bulan April telah terputus gangguan, apa implikasi kepada pesakit dan juga kepada perancangan kementerian bagi perkara ini.

Jadi, soalan-soalan saya, adakah permintaan bagi ubat-ubatan di luar jangkaan kementerian sehingga terjadi gangguan? Adakah pesakit-pesakit khususnya yang menghidap penyakit kronik telah bertambah?

Soalan seterusnya, apakah tindakan kementerian untuk memastikan gangguan bekalan ubat-ubatan tidak berlaku lagi? Adakah kementerian menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan dari Pharmaniaga Logistik dan juga pembekal-pembekal ubat-ubatan yang lain? Sejauh mana masalah kewangan Pharmaniaga telah menyumbang kepada masalah kekurangan bekalan ini?

Jadi, saya mohon pencerahan bagi perkara-perkara ini. Saya harap bagi tahun-tahun yang akan datang seperti mana saya nyatakan, ini baru bulan April, kita dah menghadapi masalah gangguan bekalan. Harap pada tahun-tahun yang akan datang anggaran boleh dibuat dengan lebih tepat kecuali bagi perkara-perkara yang di luar jangkaan. Dengan itu Dato' Yang di-Pertua, saya menyokonglah RUU ini supaya diluluskan. Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Senator Rita.

Dipersilakan Senator Tuan Pele Peter Tinggom.

2.36 ptg.

Tuan Pele Peter Tinggom: Okey, terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk sama-sama berbahas berkenaan dengan Akta Perbekalan Tambahan (2023) 2024.

Dato' Yang di-Pertua, perbelanjaan tambahan ini adalah penting bagi menampung perbelanjaan yang tidak diperuntukkan kerana perbelanjaan yang tidak diperuntukkan ini disebabkan polisi-polisi yang baru yang telah diluluskan oleh kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kebaikan dan kepentingan serta kemakmuran kepada rakyat.

Saya bersetuju peruntukan ini yang sejumlah besarnya bagi mengurus ini untuk diluluskan, tetapi di sebalik itu saya ada satu persoalan untuk Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan peruntukan yang tidak diperuntukkan pada tahun semasa *which*, dengan izin, *reoccurring expenditure*. *Reoccurring expenditure* tidak sepatutnya melibatkan jumlah yang besar. *Reoccurring expenditure* adalah perbelanjaan tahunan yang di bajet tiap-tiap tahun.

Saya merujuk kepada Kertas Perintah 3A Tahun 2024 di bawah B.60 Kementerian Pertahanan. Di sini mengikut Kertas Perintah 3A ini, izinkan saya membaca yang bermaksud, "*Tambahan sebanyak RM410,530,750,000 adalah dikehendaki bagi menampung perbelanjaan bil pukal utiliti elektrik, air dan pembedungan*".

Kalau mengikut kita punya polisi membuat *budgeting*, *reoccurring expenditure* tak sepatutnya sampai ke jumlah RM410 juta. *So, it means that the budgeting system*, dengan izin, *is not proper in term of planning. If it for new project, a new policy where we required to seek for supplementary budget is not the issue*, tetapi dengan memohon peruntukan sejumlah yang besar *under reoccurring expenditure, I think is not good for the Ministry to have such a big amount*.

Selain daripada itu saya juga sama-sama dengan rakan-rakan lain yang telah berbahas berkenaan dengan peruntukan tambahan untuk Kementerian Pendidikan. Saya mohon untuk perancangan untuk bajet atau peruntukan yang akan datang, kita sama-sama mohon untuk ditambahkan peruntukan untuk pendidikan. Ini kerana peruntukan untuk pendidikan ini adalah penting untuk modal insan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar.

Seperti yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Haji Mustafa, Yang Berhormat Senator Abun Sui dan rakan-rakan yang lain tadi di mana di Sarawak dan Sabah begitu juga di Semenanjung, kita memerlukan peruntukan yang lebih kerana masih ada sekolah-sekolah daif, masih ada infrastruktur-infrastruktur yang tak cukup untuk kita membangun modal insan di negara kita ini.

■1440

Dengan itu Dato' Yang di-Pertua, saya sama-sama mohon untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Pele.

Dipersilakan Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

2.40 ptg.

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024 di Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara-perkara berikut. Pertama, adakah peruntukan tambahan perbelanjaan bekalan akan menjejaskan sasaran pengurangan fiskal defisit kepada lima peratus daripada KDNK bagi tahun 2023? Kekerapan meminta tambahan perbelanjaan bekalan melebihi daripada peruntukan bajet yang diluluskan seolah-olahnya tidak mencerminkan kerajaan perbelanjaan berhemah. Apakah langkah yang boleh diambil supaya Kerajaan Persekutuan tidak perlu membentangkan bajet tambahan setiap tahun?

Selain itu, saya berharap pihak kerajaan komited untuk meneruskan pelan konsolidasi fiskal meningkatkan disiplin fiskal dan memastikan kemapanan hutang dengan menambah baik rangka kerja fizikal terutamanya melalui pembaharuan institusi semakan semula perbelanjaan awam dan pembaharuan dasar cukai. Dengan itu, Kerajaan Persekutuan mestilah mengawal perbelanjaan dan sebarang pelaksanaan program tidak dibuat dengan sewenang-wenangnya tanpa keperluan yang mendesak.

Kedua, adakah pihak kerajaan membuat perancangan awal seberapa teliti yang mungkin dalam bajet supaya tidak perlu dibentangkan perbelanjaan tambahan? Kelulusan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) 2023 serta Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana merupakan langkah progresif untuk meneruskan langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat bagi memastikan kemapanan kewangan jangka masa. Dengan itu, saya berharap pihak kerajaan akan mematuhi empat sasaran yang ditetapkan dalam akta tersebut untuk menjadikan kerajaan lebih berdisiplin dalam fiskal dan ekonomi negara diuruskan dengan lebih baik.

Ketiga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan baru-baru ini telah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Fiskal (FPC) untuk membincang dengan mengkaji semula senario terkini ekonomi Malaysia serta unjuran jangka masa pendek dan sederhana kedudukan fiskal negara. Apakah unjuran terkini pertumbuhan ekonomi dan kedudukan fiskal kewangan Malaysia? Tambahan pula, mesyuarat juga membuat penetapan bahawa pihak kerajaan akan menentukan gejala-gejala ketagihan hutang supaya dapat menangani masalah tersebut untuk terus memulihkan keyakinan pelabur asing. Saya mohon pihak kerajaan untuk menyatakan apakah langkah-langkah terperinci untuk mengawal hutang dan tanggungan liabiliti kerajaan.

Terakhir, saya menyeru kerajaan untuk mempertimbangkan pengenalan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dalam memperluaskan asas cukai dalam Bajet Tahun 2025 yang akan datang. GST terbukti lebih cekap, telus dan adil berbanding Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong RUU ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Tan Sri. Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

2.45 ptg.

Menteri Kewangan II [Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan]: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya merakamkan ucapan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2023).

Seramai 10 orang Ahli Yang Berhormat telah berbahas iaitu: Senator Dato' Kesavadas; Senator Dr. Wan Martina; Senator Datuk Dr. Dominic; Senator Datuk Haji Mustafa; Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang; Senator Tuan Abun; Senator Tuan Haji Abdul Nasir; Senator Puan Rita Sarimah; Senator Tuan Pele Peter; dan Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan.

Sekarang izinkan saya merumuskan beberapa perkara yang dibangkitkan. Saya berterima kasih juga di atas beberapa cadangan yang diberikan yang akan diambil oleh kerajaan untuk pemikiran pada masa depan.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), peruntukan tambahan SPR sebanyak RM300 juta yang diluluskan oleh MOF kepada SPR bagi tahun 2023 adalah untuk tujuan pelaksanaan pilihan raya negeri yang melibatkan enam buah negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan yang diadakan pada 12 Ogos 2023.

Selain itu, peruntukan ini juga digunakan bagi menampung perbelanjaan bagi Pilihan Raya Kecil yang telah berlaku pada tahun 2023 iaitu PRK Parlimen Kuala Terengganu, PRK Parlimen Pulaui, Dewan Negeri Simpang Jeram, Johor, PRK Dewan Negeri Pelangai, Pahang, PRK Jepak, Sarawak dan PRK Parlimen Kemaman, Terengganu. Dari semasa ke semasa sekiranya berlaku pilihan raya luar jangka termasuklah sebarang pilihan raya kecil, Kementerian Kewangan akan menyediakan peruntukan secukupnya berdasarkan keperluan SPR agar kita dapat meneruskan sistem demokrasi yang ada dalam negara.

Dato' Yang di-Pertua, berhubung kemudahan fasiliti kesihatan awam. Seperti mana yang kita ketahui, Kementerian Kesihatan Malaysia merupakan antara kementerian yang menerima peruntukan tertinggi setiap tahun iaitu sebahagian besar peruntukan dikhususkan oleh perolehan bekalan perubatan termasuk ubat dan peranti perubatan. Pada masa ini, terdapat tiga kaedah utama perolehan perbekalan perubatan oleh KKM yang terdiri daripada perolehan melalui kontrak pusat, konsesi perkhidmatan logistik bekalan perubatan dan pembelian terus.

Konsesi perkhidmatan logistik bekalan perubatan yang telah membolehkan KKM mewujudkan satu- pusat sehenti untuk mengurus bekalan bagi lebih 1,200 jenis produk perubatan yang tersenarai di bawah *Approved Products Purchase List*, dengan izin, yang merangkumi urusan perolehan atau pemilihan produk daripada lebih 90- pembekal, pembekalan, penstoran dan seterusnya pengedaran kepada semua fasiliti kesihatan. Fasiliti kesihatan pada masa ini berurusan Pharmaniaga Logistics Sdn. Bhd. (PLSB) dan PLSB perlu memastikan segala pesanan KKM bagi produk-produk di bawah konsesi dipenuhi.

Berkaitan dengan soalan defisit fiskal, saya menyokong kenyataan pentingnya kerajaan mengurus kewangan negara secara bertanggungjawab dan berhemah. Maka, sebab itu kerajaan komited melaksanakan reformasi fiskal dan memerlukan dukungan semua pihak.

■1450

Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 akan memastikan tata kelola baik, pertanggungjawaban serta ketelusan dalam pengurusan kewangan awam. Seperti mana sasaran FRA, kerajaan menasarkankan untuk menurunkan paras hutang tidak melebihi 60 peratus KDNK dan fiskal defisit juga peratus dalam masa jangka sederhana.

Selain itu, kerajaan juga berusaha untuk meluaskan asal hasil secara mampan termasuk memperkenalkan cukai baharu secara progresif tanpa membebankan majoriti rakyat.

Usaha juga dipergiatkan untuk memastikan perbelanjaan yang berhemat, berkesan dan mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

Berhubung dengan pengurusan peruntukan subsidi, kerajaan mengulangi komitmennya untuk menjayakan langkah menyasar semula subsidi. Perbelanjaan subsidi kita boleh dikatakan antara yang tertinggi berbanding mana-mana negara di dunia dan tidak lagi dapat dibiayai secara mampan. Semua rakyat termasuk golongan berkemampuan dan warga asing mendapat faedah daripada subsidi pukal. Subsidi barangan asas seperti petrol, diesel, LPG dan minyak masak yang murah di pasaran tempatan juga menyebabkan ketirisan yang merugikan wang rakyat.

Dalam menyentuh soal kenaikan kos sara hidup, hikmah pelaksanaan konsolidasi fiskal termasuklah mengurangkan defisit fiskal, menyasar semula subsidi dan meluaskan asas hasil, sebahagiannya dapat digunakan untuk menambah baik pemberian tunai kepada rakyat. Bagi tahun 2024, Sumbangan Tunai Rahmah telah ditambahbaikkan.

Peruntukan STR ditingkatkan sebanyak RM2 bilion atau 25 peratus iaitu daripada RM8 bilion tahun 2023 kepada RM10 bilion tahun ini. Pemberian STR telah memanfaatkan sekitar 9 juta orang penerima iaitu bersamaan 60 peratus penduduk dewasa Malaysia. Kadar STR telah meningkat sekurang-kurangnya RM300 bagi setiap isi rumah merangkumi lebih empat juta orang penerima. STR Fasa 2 akan disalurkan seawal 3 April 2024, hari Rabu ini dengan kadar sehingga RM650 melibatkan peruntukan RM1.5 bilion.

Bagi tahun 2024 juga, Sumbangan Asas Rahmah telah diperluaskan dan ditingkatkan. Peruntukan SARA telah ditingkatkan lebih lima kali ganda daripada RM130 juta kepada RM700 juta tahun ini. Penerima SARA juga diperluaskan merangkumi golongan miskin dan miskin tegar berbanding 2023 yang terhad kepada miskin tegar. Penerima SARA meningkat daripada 210,000 kepada 700,000 orang. Kadar SARA untuk kategori isi rumah telah meningkat daripada RM600 kepada RM1200.

Di bawah Kerajaan Madani, bantuan murid sekolah juga ditambahbaikkan. Bermula tahun 2023, kerajaan telah memperluaskan penerima Bantuan Awal Persekolahan (BAP) kepada semua murid daripada Darjah 1 sehinggalah Tingkatan 5. Bayaran BAP dengan kadar RM150 kepada semua murid telah pun diagihkan sejak Januari 2024 melibatkan peruntukan hampir RM800 juta untuk membantu persediaan persekolahan lebih lima juta orang kanak-kanak berbanding hanya tiga juta sebelum tahun 2023.

Di bawah Kerajaan Madani, insentif pengeluaran getah telah pun dinaikkan bukan sekali, tetapi dua kali iaitu dari RM2.50 sekilogram pada tahun 2022 kepada RM2.70 sekilogram tahun 2023 dan kini RM3 sekilogram.

Kerajaan Madani juga mengambil langkah meningkatkan pendapatan pesawah. Kadar Skim Subsidi Harga Padi telah pun ditingkatkan daripada RM360 pada tahun 2022 kepada RM500 per metrik tan pada tahun 2023. Segala penambahbaikan bantuan tunai kepada rakyat adalah bukti Kerajaan Madani akan sentiasa memastikan golongan kurang berkemampuan terus dilindungi. Penjimatan yang dicapai daripada perbelanjaan yang berhemat dapat diagihkan semula kepada golongan yang memerlukan. Pada masa yang sama, kerajaan di bawah KPND terus mempergiatkan pelaksanaan Jualan Rahmah dan meningkatkan penguatkuasaan bagi memastikan tiada kenaikan harga melampau oleh peniaga.

Ada Yang Berhormat Senator membangkitkan soal Ringgit khususnya faktor kejatuhan, kesan, langkah yang boleh diambil untuk menanganinya. Seperti mana dijelaskan semasa Sesi Pertanyaan Menteri-menteri pada 29 Februari yang lalu, pergerakan Ringgit dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan kejatuhan nilai Ringgit baru-baru ini sebahagian besar susulan pengukuhan dalam Dolar Amerika dan ketidaktentuan pertumbuhan ekonomi China dan dunia. Faktor ini turut memberi kesan kepada mata wang serantau lain. Sejak Mac 2022, Bank Pusat Amerika Syarikat telah menaikkan kadar faedah dengan mendadak dan agresif.

Kadar dasar utama Amerika Syarikat yang mulanya berada dalam julat kosong kepada 0.25 peratus pada Mac 2025 telah dinaikkan sebanyak 525 mata asas kepada julat 5.25 sehingga 5.5 peratus dalam tempoh 16 bulan.

Selain itu, negara seperti Filipina, Indonesia, Korea dan India turut memilih untuk meningkatkan kadar dasar utama mereka sebanyak 200 ke 450 mata asas ke paras lebih tinggi dari Malaysia. Berbanding negara kita, peningkatan OPR hanyalah sebanyak 125-mata asas daripada 1.75 ke-3 peratus. Bank Negara juga pada 7 Mac lalu masih mengekalkan kadar OPR pada tiga peratus untuk kali kelima berturut-turut. Peningkatan OPR yang lebih rendah berbanding negara lain antara sebab utama Ringgit menurun berbanding negara tersebut. Perbezaan ketara dalam kadar faedah dengan Amerika Syarikat iaitu sebanyak 250 mata asas mendorong pelabur asing untuk mengalih modal mereka keluar daripada pasaran domestik kepada pasaran yang memberi pulangan yang lebih tinggi.

Namun, harus diingat yang matlamat utama Jawatankuasa Dasar Bank Negara Malaysia dalam menentukan kadar OPR adalah untuk menstabilkan harga dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan bukanlah untuk mengawal kadar pertukaran Ringgit. Sekiranya OPR naik untuk mengukuhkan Ringgit, ekonomi negara akan terkesan dan pelbagai pihak khususnya peminjam perlu membayar faedah yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap memberi perhatian dan komited memastikan prestasi nilai Ringgit berada pada tahap yang lebih elok dan mengukuh.

Pelbagai langkah telah pun diambil dengan segera. Di antaranya, Bank Negara sentiasa memastikan pasaran pertukaran asing dalam negeri kekal teratur serta mengekalkan kestabilan kewangan. Bank Negara juga memantau pasaran kewangan dan mengambil langkah perlu termasuk campur tangan dalam pasaran pertukaran asing untuk membendung pergerakan mata wang yang berlebihan. Bank Negara juga memantau pertukaran hasil eksport kepada Ringgit oleh syarikat pengeksporth selain terus menggalakkan penggunaan mata wang tempatan bagi menyelesaikan eksport supaya kebergantungan kepada Dolar Amerika dapat dikurangkan.

Kementerian Kewangan dan Bank Negara telah pun mengambil tindakan bersepadu dan selaras bagi membawa masuk aliran wang ke dalam pasaran pertukaran mata wang asing. Antaranya termasuk menggalakkan GLIC dan GLC membawa balik pulangan pendapatan pelaburan asing dan menukar pendapatan tersebut kepada ringgit dengan lebih konsisten. Kerajaan juga mengawal pelaburan luar negara oleh syarikat swasta bagi mengurangkan tekanan kepada Ringgit.

■1500

Ini termasuk menggalakkan mereka mengutamakan pelaburan domestik serta mengukuhkan pelaburan luar negara baru. Pelaburan luar negara perlu diurus secara berhemat seperti melindungi nilai, dengan izin, *hedging*, pendedahan mata wang asing dan membawa balik hasil pelaburan negara. Hasil daripada langkah-langkah tersebut kita telah mendapat impak lebih positif kepada ringgit. Jawatankuasa Pasaran Kewangan Bank Negara pada 1 Mac telah menyatakan terdapat kesan-kesan yang serta-merta kepada aliran pasaran dan peningkatan minat pasaran terhadap Ringgit.

Kalau dilihat prestasi mata wang Ringgit berbanding sembilan buah negara serantau lain telah pun bertambah baik iaitu pada kedudukan kedua sejak langkah-langkah koordinasi antara kerajaan, BNM dan GLC, GLIC dilaksanakan. Selain daripada langkah-langkah bersama BNM, kerajaan juga menumpu usaha untuk memperbaharui ekonomi yang secara tidak langsung akan mengukuhkan prestasi ekonomi dan mata wang Ringgit.

Kerajaan telah memperkenalkan kerangka Ekonomi MADANI dengan tonggak utamanya untuk menstrukturkan semula ekonomi supaya muncul sebagai peneraju Asia. Ekonomi MADANI menumpukan usaha memastikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang berdaya saing. Akhirnya, semua pihak juga hendaklah memainkan peranan masing-masing. Rakyat Malaysia diharap mengamalkan sikap '*Malaysia first*' sebagai pengguna harian. Belilah barangan dan perkhidmatan Malaysia serta melaburlah dalam unit amanah dan pelaburan lindungan domestik.

Kempen Melancong Dalam Negara dan Beli Barangan Tempatan harus ditingkatkan. Ia dapat membantu mengukuhkan nilai ringgit dan menambah baik prestasi ekonomi. Bagi menggalakkan kemasukan pelancong luar negara, kerajaan mengambil langkah antaranya, mengecualikan visa 30 hari untuk Warganegara China dan India mulai Disember 2023. Penganalisis pasaran menganggarkan ringgit akan berada di bawah nilai saksama sebanyak lapan hingga 10 peratus.

Dengan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2024, dijangka lebih kukuh pada julat empat peratus hingga lima peratus. Penganalisis menganggarkan bahawa nilai Ringgit akan pulih, berbanding Amerika Syarikat menjelang separuh ke-dua tahun 2024 dalam lingkungan 4.5 Ringgit per Dolar Amerika. Berhubungan penambahbaikan cukai perkhidmatan, seperti saya sebutkan sebelum ini kerajaan perlu meluaskan ruang fiskal bagi menampung perbelanjaan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat selaras dengan hasrat kerangka Ekonomi MADANI.

Asas cukai kita adalah antara yang terendah di rantau ini. Pada tahun 2021, hanya 11.2 peratus daripada KDNK berbanding dengan Singapura pada 12.6 peratus yang kalau kita lihat Singapura biasanya dilihat sebagai sebuah ekonomi dengan cukai yang rendah. Kita lebih rendah dari Singapura. Meskipun reformasi percukaian itu perlu, kerajaan telah meneliti dengan berhati-hati bagi memastikan rakyat tidak terbeban dengan pada masa yang sama ruang fiskal kekal mampan.

Pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Madani dalam menimbang soal percukaian negara adalah bersifat progresif termasuk penambahbaikan yang dibuat dalam cukai perkhidmatan. Kenaikan cukai perkhidmatan daripada enam ke-lapan peratus yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2024 lebih menumpukan kepada aktiviti perkhidmatan kemahuan, dengan izin, *discretionary* dan aktiviti antara perniagaan yang tidak melibatkan rakyat secara langsung.

Kenaikan kadar cukai perkhidmatan ini dilaksanakan dengan pendekatan mengurangkan kesan langsung kepada kos sara hidup rakyat. Sebagai contoh, perkhidmatan yang banyak digunakan oleh rakyat seperti makanan dan minuman, telekomunikasi, *parking* kekal dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar enam peratus dan tidak turut dinaikkan pada lapan peratus.

Sistem percukaian yang ditambah baik dijangka meraih tambahan hasil sebanyak RM3 bilion. Hasil tambahan ini dapat dimanfaatkan untuk menambah baik bantuan tunai kepada rakyat selain membaik pulih prasarana awam kritikal seperti kesihatan, sekolah dan jalan raya. Kita banyak mendengar unjuran untuk memperkenalkan semula GST. Sepertimana yang pernah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Tambun dalam Dewan Rakyat, dalam melaksanakan pembaharuan fiskal, kerajaan mengambil pendekatan progresif dalam konteks subsidi bersasar dan percukaian.

Kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan GST kerana ia bersifat cukai penggunaan yang berasas luas. Dengan itu, bukanlah masa untuk diperkenalkan semula memandang ada antara rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah yang masih menghadapi cabaran kos sara hidup. Walaupun kadar inflasi tahun 2023 secara purata adalah 2.5 peratus, tapi bagi makanan, minuman hampir lima peratus. Kategori ini lebih dirasai oleh rakyat jelata dan antara faktor dikekalkan cukai pendapatan enam peratus untuk makanan dan minuman.

Kerajaan akan terus mengutamakan untuk menambah baik sistem cukai sedia ada dan memperkenalkan cukai yang tidak memberi kesan kepada golongan rentan sebelum menilai keperluan untuk memperkenalkan cukai penggunaan baharu seperti cukai barang atau perkhidmatan. Sebarang pembaharuan dasar kepada sistem percukaian berasaskan kepenggunaan seperti pelaksanaan semula GST perlu diteliti untuk memastikan ia bersifat progresif, mudah ditadbir, tidak memberi impak negatif kepada kos sara hidup dan pertumbuhan ekonomi serta pada masa yang sama dapat menjana hasil yang mampan kepada kerajaan.

Berhubungan fasiliti daif di sekolah-sekolah khususnya di pedalaman, kerajaan tidak pernah meminggir keperluan sekolah malah setiap tahun kerajaan komited menyediakan peruntukan untuk sekolah daif.

Pada tahun 2024, sejumlah RM1.9 bilion disediakan untuk menaik taraf dan menyelenggarakan sekolah-sekolah di seluruh negara. Ini merangkumi RM930 juta bagi kerja-kerja menaik taraf bangunan dan prasarana daif di 450 buah sekolah merangkumi 185 projek di Sarawak dan 155 di Sabah.

Sebanyak RM1 bilion pula adalah untuk penyelenggaraan semula di semua sekolah yakni sekolah kebangsaan, sekolah agama, sekolah Tamil dan Cina termasuk sekolah pendidikan khas dengan memberi tumpuan kepada keperluan pelajar autisme. Malah pada tahun 2023, sejumlah RM2.3 bilion disediakan untuk memastikan infrastruktur serta kemudahan pembelajaran terbaik di semua sekolah buat anak-anak meliputi peruntukan RM920 juta untuk naik taraf bangunan serta *infrastructure* di 380 buah sekolah yang daif khususnya di Sabah dan Sarawak melalui kaedah perolehan khas untuk kesegeraan.

Selain itu, peruntukan RM900 juta untuk kerja-kerja menyelenggarakan kemudahan semua jenis sekolah merangkumi sekolah kebangsaan agama, jenis kebangsaan Cina dan Tamil bagi kerja membaiki tandas, pendawaian dan saliran sekolah serta menggantikan perabot dan peralatan asrama dan kelas yang telah uzur.

Di samping itu, bagi memastikan pembinaan sekolah daif dapat dijalankan dengan cepat dan lancar, Kementerian Kewangan juga telah memberi pengecualian kaedah perolehan antaranya kaedah perolehan dan had nilai bagi lantikan terus dibenarkan sehingga RM200,000 bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja bagi sekolah daif di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

■1510

Terima kasih kerana perbincangan sekejap tadi juga memberi beberapa cadangan yang kerajaan akan menilai pada masa depan. Kita harap bersama kita berusaha untuk membaiki lagi ekonomi Malaysia.

Mengakhiri penggulungan ini, saya sekali lagi mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas pandangan dan input yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam tempoh perbincangan ini. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera... *[Tepuk]*

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator Menteri Kewangan (II) kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

*[**Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

*[Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim **mempengerusikan Mesyuarat]***

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2024

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

3.15 ptg.

Menteri Kewangan (II) [Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2024 [Akta A1697] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Silakan.

Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan: Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Dato' Yang di-Pertua, penyusunan semula kementerian ini adalah selaras dengan penyusunan semula Jemaah Menteri baharu pada 12 Disember 2023 yang bertujuan untuk memperkemas lagi organisasi dan fungsi kementerian-kementerian terutama dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat dan negara selaras dengan konsep Malaysia Madani.

Penyusunan semula ini terdapat dua maksud bekalan baharu diwujudkan iaitu Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air yang diberikan kod maksud bekalan baharu dalam rang undang-undang ini iaitu B.33 dan Kementerian Digital dengan Maksud Bekalan B.50.

Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang distrukturkan dan dijenamakan semula sebagai Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam mengekal Maksud Bekalan B.23. Kementerian Komunikasi dan Digital yang telah distrukturkan dan dijenamakan semula sebagai Kementerian Komunikasi dan mengekal Maksud Bekalan B.47.

Selain daripada itu, penyusunan semula fungsi kementerian ini turut melibatkan beberapa pemindahan fungsi dan program daripada kementerian asal kepada kementerian penerima tugas, antaranya seperti:

- (i) pemindahan fungsi dan program akademi kenegaraan daripada Kementerian Belia dan Sukan kepada Jabatan Perdana Menteri;
- (ii) Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara; dan
- (iii) fungsi francais dipindahkan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Dato' Yang di-Pertua, penyusunan semula ini melibatkan pemindahan program dan agensi antara kementerian. Bagi program-program yang disusun semula di bawah maksud bekalan yang baharu, baki peruntukan program terlibat di kementerian asal perlu dipindahkan kepada maksud bekalan yang baharu.

Oleh itu, perkara ini perlu dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan penyesuaian peruntukan tahun 2024 tersebut tanpa menjejaskan jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk tahun 2024 di bawah Akta Perbekalan 2024 [Akta A1697] yang berjumlah RM214.6 bilion. Tindakan ini hanyalah merupakan pengubahsuaian kedudukan program-program dalam maksud perbekalan tertentu sahaja.

Selaras dengan Perkara 100 Perlembagaan Persekutuan, maka penguntukan semula peruntukan perbelanjaan ini bagi maksud-maksud yang terlibat dibentangkan melalui Akta Perbekalan ini. Bagi program yang dipindahkan daripada kementerian asal ke kementerian baharu, Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan waran sekatan terhadap peruntukan yang belum dibelanjakan di kementerian asal bagi program dan aktiviti yang terlibat. Sekatan ini dilakukan di bawah Perenggan 13(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Jumlah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2024 yang disekat adalah sebanyak RM648,537,400.

■1520

Jumlah yang sama juga telah dicadangkan untuk diperuntukkan semula kepada kementerian-kementerian yang menerima program-program tersebut. Perincian Peruntukkan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024 yang disekat adalah seperti berikut:

- (i) Jabatan perdana Menteri RM172,563,800;
- (ii) Kementerian Ekonomi RM7,510,000;
- (iii) Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam RM340,087,300;
- (iv) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup RM783,700;
- (v) Kementerian Belia dan Sukan RM64,912,200; dan
- (vi) Kementerian Komunikasi RM62,680,400.

Dato' Yang di-Petua, perincian yang kepada cadangan anggaran peruntukan semula Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2024 sebanyak RM668,537,400 yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) peruntukan sebanyak RM64,912,200 bagi Maksud B.6, Jabatan Perdana Menteri untuk menampung perbelanjaan bagi Program Akademi Kenegaraan yang telah dipindahkan daripada Kementerian Belia dan Sukan;
- (ii) peruntukan sebanyak RM21,673,000 di bawah Maksud B.7, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk perbelanjaan Program Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (iii) peruntukan sebanyak RM1,433,200 untuk Maksud B.14, Kementerian Perpaduan Negara untuk menampung perbelanjaan bagi Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) yang telah dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri;
- (iv) peruntukan sebanyak RM783,700 untuk Maksud B.26, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menampung perbelanjaan bagi fungsi francais yang dipindahkan daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup;
- (v) peruntukan sebanyak RM340,087,300 di bawah Maksud B.33 Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air untuk menampung perbelanjaan bagi program dan aktiviti yang telah dipindahkan daripada Kementerian Sumber Asli Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Antaranya, program seperti program pengurusan tenaga, program pengairan dan saliran, serta program perkhidmatan pementungan;

- (vi) peruntukan sebanyak RM37,382,400 untuk Maksud B.47, Kementerian Komunikasi untuk menampung perbelanjaan bagi program *Malaysia Government Call Centre* dan Jabatan Komunikasi Komuniti yang dipindahkan daripada Jabatan Perdana Menteri; dan
- (vii) peruntukan sebanyak RM182,265,600 di bawah Maksud B.50, Kementerian Digital yang dikehendaki untuk menampung perbelanjaan bagi program dan aktiviti yang dipindahkan daripada Kementerian Komunikasi dan Digital antaranya Program Digital Negara dan Program Perlindungan Data Peribadi.

Penjelasan lanjut mengenai penyesuaian peruntukan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2024 adalah seperti dalam penyata anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6, Tahun 2024 dan dalam memorandum perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 6A Tahun 2024. Dato' Yang di-Petua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih YB Menteri dengan huraian tersebut. Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Puan Lim Hui Ying]: Saya mohon menyokong, terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih ya. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah suatu akta bagi menguntukkan semula sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan sebagaimana yang diperuntukkan melalui Akta Perbekalan 2024 [*Akta A1697*] untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2024 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai empat orang yang hendak berbahas. Maka, saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan lima minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Terima kasih.

3.26 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Dato' Yang di-Petua. Saya bermula dengan Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air peruntukan 2024, berdasarkan jadual rang undang-undang RM340,087,300.

Pertamanya, saya ingin menyentuh tentang semula kementerian tersebut. Saya minta Yang Berhormat Menteri menyatakan apakah perancangan khusus bagi tahun 2024 yang dipertanggungjawabkan kepada kementerian baharu ini dalam melestarikan sumber tenaga elektrik di kawasan luar bandar?

Menerusi perhatian bersama Kementerian Kewangan saya berharap agar pemberian rebat atau subsidi bil elektrik dapat dilaksanakan sekurang-kurangnya secara interim sejajar dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan musim panas yang kita alami sekarang. Saya mempertimbangkan dengan serius pelaksanaan potongan bil elektrik secara bersasar bagi pengguna persendirian khususnya isu isi rumah yang berpendapatan rendah, tidak kira sama ada yang tinggal di bandar mahupun di luar bandar.

Selain pelaksanaan rebat bil elektrik, saya juga ingin menyuarakan keprihatinan saya berkenaan bekalan air menjelang musim Perayaan Aidilfitri. Saya meletakkan harapan yang tinggi agar kerajaan menerusi Program Rancangan Bekalan Air Negeri dapat memastikan aspek pengurusan bekalan air bersih dapat ditumpukan dengan seragam di kesemua negeri khususnya di Negeri Sembilan.

Kerajaan seharusnya sudah mula membangunkan sistem rangkaian bekalan air bersih yang berkesan khususnya di kawasan-kawasan yang diduduki oleh kebanyakan rakyat daripada segmen miskin tegar luar bandar dan miskin bandar yang selama ini kerap mengalami masalah terputus bekalan air bersih. Di samping itu, kementerian baharu yang diterajui oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri II ini juga perlu menumpukan pembangunan tebatan banjir di setiap zon merah di negeri-negeri yang selama ini berdepan dengan musibah banjir yang telah mengorbankan banyak harta dan nyawa.

Kerajaan perlu memastikan bahawa projek-projek tebatan banjir dapat disiapkan mengikut spesifikasi serta perancangan yang dimuktamadkan sebelum Belanjawan 2025. Kerajaan juga tidak seharusnya berkompromi terhadap mana-mana kontraktor pelaksana yang gagal memberikan komitmen untuk menyempurnakan satu-satu projek tebatan banjir mengikut kos serta penjadualan yang dipersetujui.

Dato' Yang di-Petua, yang kedua ialah Kementerian Digital. Peruntukannya ialah RM182,265,600. Secara peribadi, saya berpandangan bahawa perwujudan Kementerian Digital pasca rombakan Kabinet merupakan satu petunjuk bahawa Kerajaan Malaysia Madani mempunyai perancangan khusus yang menyelesaikan kegiatan penipuan dalam talian yang selama ini menjerat rakyat dengan pelbagai bentuk korupsi digital. Jenayah penipuan dalam talian antaranya berpunca daripada pembocoran maklumat peribadi yang didalangi oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam mengendalikan pengurusan maklumat peribadi.

■1530

Sejajar dengan perwujudan Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024, saya ingin menegaskan bahawa pengurusan atau pengendalian maklumat peribadi oleh sesebuah syarikat atau organisasi bukan kerajaan seharusnya di audit secara berkala. Pengauditan tersebut adalah penting untuk memastikan sistem penyimpanan maklumat peribadi benar-benar dikendalikan dengan selamat menerusi pengadaptasian sistem perlindungan keselamatan maklumat peribadi yang berkredibiliti tinggi.

Berkenaan peruntukan tersebut saya ingin menyatakan tiga persoalan. Pertama, apakah tindakan yang sedang dipergiatkan oleh Kementerian Digital untuk menyekat serangan penggodaman siber yang melibatkan pencerobohan maklumat sensitif rakyat?

Kedua, apa bentuk pembanterasan bersepadu atau *joint mitigation* yang sedang dilaksanakan bersama Bank Negara Malaysia untuk memantau masalah kehilangan duit dalam akaun bank peribadi seperti yang dialami oleh pelakon terkenal Dynas Mokhtar. Lagi 2 minit? Okey, saya cuba.

Ketiga, bagaimana peruntukan Kementerian Digital bagi tahunan 2024 dengan dimanfaatkan dengan optimum untuk menjayakan agenda membanteras sindiket perjudian dalam talian yang boleh mendedahkan seseorang individu kepada penjenayah penggubahan wang haram.

Tuan Yang di-Pertua, terakhir ialah Kementerian Perpaduan Negara. Memandangkan Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) kini diletakkan bawah Kementerian Perpaduan Negara, saya ingin menegaskan agar unit ini dapat diberikan ruang yang secukupnya untuk berperanan sebagai sebuah unit yang boleh menambah baik kedudukan ekonomi masyarakat India lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar.

MITRA seharusnya berfungsi secara proaktif untuk merencanakan pelbagai aktiviti pemulihan sosioekonomi yang bukan sahaja boleh dapat mendapatkan jurang pendapatan masyarakat India di satu-satu daerah atau kawasan berpenduduk masalah dapat menyatupadukan rakyat berbilang kaum menerusi permuafakatan yang dibentuk dalam satu-satu program atau inisiatif yang dianjurkan.

Justeru, saya mengharapkan agar Kementerian Kewangan menerusi perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mempertimbangkan semula agar MITRA serta peruntukan kewangan diletakkan kembali di bawah Jabatan Perdana Menteri seperti sebelum ini. Agak ironi untuk kita melihat sesebuah unit seperti ini yang bertanggungjawab secara khusus kepada masyarakat India kini diletakkan di bawah sebuah kementerian yang sepatutnya menumpukan usaha serta agenda untuk memulihkan perpaduan rakyat seperti yang dititahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Dato'.

Dipersilakan Senator Datin Hajah Ros Suryati binti Alang.

3.33 ptg.

Datin Hajah Ros Suryati binti Alang: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam Malaysia Madani.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024 yang telah dibentangkan sebentar tadi. Rang undang-undang ini merupakan suatu penstrukturan semula dengan menubuhkan empat kementerian baharu dan beberapa perubahan portfolio.

Semoga pembaharuan dan pembukaan lembaran baharu ini dapat memantapkan lagi pentadbiran dan memberi sumbangan yang positif kepada negara. Kita telah menyaksikan perubahan demi perubahan kepimpinan tertinggi negara yang masing-masing membawa manifesto dan hala tuju demi pengurusan kementerian yang mantap.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak banyak maka saya ingin teruskan kepada perkara yang saya ingin bahaskan.

Pertama mengenai kementerian baharu iaitu Kementerian Digital di mana akan menerima sebanyak RM182.62 juta bagi tahun 2024. Sekiranya kita lihat isu semasa sekarang ini sejumlah besar atau boleh dikatakan majoriti masyarakat kita gemar menggunakan media sosial dan Internet sebagai sumber untuk mendapatkan informasi maklumat dan berita.

Dengan ini, selain daripada maklumat palsu atau *fake news*, dengan izin, yang berlegar di Internet terdapat juga secara tidak sengaja akan membuka peluang kepada ancaman siber seperti *hacking* dan *phishing* yang semakin berleluasa di platform media sosial dan aplikasi pesanan ringkas seperti *WhatsApp*, *Telegram* dan *Messenger*.

Soalan saya, apakah pembaharuan dan peruntukan ini akan digunakan untuk memperoleh teknologi terkini dalam memberi perlindungan kepada pengguna? Bagaimana pula dengan latihan dan pembelajaran bagi warga kementerian bagi meningkatkan kemahiran pertahanan digital bagi membendung masalah ini daripada jadi lebih parah dan lantas merugikan negara.

Seterusnya, mengenai akademi kenegaraan yang kini diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya difahamkan bahawa institusi ini dahulunya dikenali sebagai Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) yang kini telah disusun dan dijenama semula bawah JPM yang mana sebelum ini di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Sekiranya kita lihat selepas PRU baharu-baharu ini, semangat patriotisme dan cinta kepada negara semakin menipis di kalangan rakyat kita.

Sudahlah pemimpin-pemimpin politik tidak dapat dijadikan sebagai contoh yang baik dan sandaran kepada rakyat, ini kan pula jurang perkauman semakin menebal. Maka, saya ingin tahu mengenai program-program dan kempen kesedaran di bawah Akademi Kenegaraan serta sasaran masa hadapan dan hala tuju akademi ini.

Adakah agenda di bawah akademi ini tidak bercanggah dengan matlamat di bawah Kementerian Perpaduan? Apakah penekanan utama yang akan digariskan di bawah akademi ini demi memperkasakan ilmu kenegaraan dan patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Saya ingin tahu mengenai perkembangan perniagaan francais, hal ehwal penyeliaan dan sebagainya di Malaysia. Apakah usaha kerajaan untuk meningkatkan keterlibatan bumiputera dalam bidang francais? Apakah bantuan-bantuan kewangan yang disalurkan kepada usahawan bumiputera serta tidak lupa bantuan jaringan perniagaan yang diberi?

Saya difahamkan juga kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Program Pengukuhan Francais bagi meningkatkan eksport perniagaan. Adakah peruntukan ini memadai untuk membantu dalam perkembangan perniagaan francais? Adakah ada sebarang rancangan untuk meningkatkan peruntukan ini pada masa hadapan? Apabila kita menyebut mengenai bantuan perniagaan, kita tidak boleh lari dari mempersoalkan bantuan perniagaan kepada golongan belia dan juga usahawan wanita.

Saya ingin tahu, apa program-program terkini yang dirancang bagi menyediakan program keusahawanan yang holistik dan berdaya saing dan sejauh manakah program-program ini menyasar golongan belia dan wanita bumiputera yang ingin menceburi bidang keusahawanan terutama dalam perniagaan francais, pra francais dan pelesenan?

Seterusnya, sejauh manakah tawaran peluang untuk menyertai program bakat penglibatan keusahawanan muda atau program bakat penglibatan keusahawanan wanita berjaya menarik penyertaan dari orang ramai? Adakah juga disediakan padanan perniagaan bantuan, pembiayaan latihan berstruktur dan pemantauan ke atas usahawan dilaksanakan selepas memulakan perniagaan? Pohon penjelasan kementerian.

Dato' Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024. Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Datin Ros.

Dipersilakan Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan.

3.38 ptg.

Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim*. Untuk menjimatkan masa, saya memberikan tumpuan perhatian kepada tiga perkara sahaja.

Pertama, yang juga telah disentuh tadi dalam soal Akademi Kenegaraan. Pertanyaan saya adakah Akademi Kenegaraan ini meneruskan modul-modul yang telah pun dilaksanakan oleh agensi yang pernah wujud dahulu, misalnya Biro Tatanegara? Kalau tidak, apakah modul-modul baharu untuk memastikan bahawa akademi ini benar-benar berfungsi dan berkesan dalam soal membina watak, membina sahsiah dan semangat patriotisme seperti juga yang ditimbulkan tadi.

Saya juga bertanya adakah tidak lebih wajar Akademi Kenegaraan ini ditempatkan di Kementerian Perpaduan yang memang tugasnya membina ciri-ciri dan juga watak warganegara yang baik.

Kedua, pertanyaan saya tertumpu kepada soal Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi yang mendapat pertambahan RM783 juta lebih.

■1540

Pertanyaan saya ialah, apakah program yang dirancang oleh kerajaan, khususnya melalui kementerian ini untuk memastikan bahawa resolusi dalam Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 itu dapat dirancang dan dilaksanakan.

Kerana pertambahan ini harus disalurkan untuk memenuhi resolusi-resolusi yang penting itu, terutama dalam pembentukan golongan usahawan yang sangat penting dalam menjamin ekonomi yang mampan dalam kalangan masyarakat terutama masyarakat di luar bandar.

Akhirnya, yang berkaitan dengan soal dua kementerian baharu yang dipecahkan kepada sebuah kementerian, asalnya. Pertanyaan saya tentang soal Kementerian Digital yang saya yakin berkaitan dengan soal industri kreatif negara. Sejauh mana kementerian ini telah membuat perancangan yang rapi, kemas dan tuntas tentang program-program untuk menjanakan industri kreatif negara dalam dua manfaat besar.

Pertama untuk penjaanaan ekonomi, khususnya dalam kalangan generasi muda dan yang kedua dalam konteks untuk mengangkat warisan negara kita.

Pernah saya sebut dalam sidang di Dewan yang mulia ini beberapa kali dahulu. Kalau ada program seperti *Discovery channel* yang sangat baik di peringkat antarabangsa dalam bahasa Inggeris, kita patut mewujudkan satu program yang mengangkat warisan atau ciri-ciri kebudayaan, sains teknologi supaya kementerian ini berfungsi mengangkat kekuatan ilmu-ilmu watan dan warisan negara kita untuk pelbagai keturunan yang ada.

Jadi Dato' Pengerusi, demikian saya kira waktu yang singkat saya gunakan untuk menyampaikan perbahasan dan saya dengan ini mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024. Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Datuk Seri.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit.

3.42 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan beberapa isu terutamanya Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air yang banyak berkaitan dengan tebatan banjir kalau tak silap.

Jadi justeru itu dalam keadaan sekarang cuaca yang tidak menentu terutamanya yang selalu juga saya bangkitkan di dalam Dewan ini dalam perbahasan Titah Diraja di mana beberapa ataupun banyak rumah panjang di sepanjang sungai, baik di Sungai Baram, baik di Sungai Rajang, Hulu Baloi sekarang selalu banjir. Dan banjir bukan saja rumah panjang mereka tenggelam tetapi juga padi huma yang sepatutnya tinggi pun ada yang rosak akibat daripada banjir.

Jadi, justeru itulah saya berharap supaya peruntukan-peruntukan ataupun kelulusan-kelulusan yang diberi oleh Kementerian Kewangan kepada kementerian-kementerian seperti PETRA ini supaya disegerakan untuk membantu rakyat yang dalam kesusahan, dalam darurat ataupun kesusahan akibat daripada keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang ini.

Jadi justeru itu, saya pernah meminta supaya keadaan seperti di Long Busang yang selalu banjir hampir setiap bulan dan sehingga ke bumbung pun sekarang ini. Dan justeru mereka perlukan tapak untuk membina tapak rumah panjang yang baharu.

Justeru saya percaya ini berkaitan juga dengan perbelanjaan. So, Kementerian Kewangan, saya harap supaya segerakan permohonan-permohonan yang berbentuk darurat begini untuk Long Busang dan juga di Long Kajang di daerah Belaga. Ini antara yang sangat mendesak buat masa ini.

Begitu juga saya juga tertarik dengan keadaan negara kita di mana baru-baru ini kita melihat ataupun membaca tentang 3R ini, di mana sudah ada perkara-perkara yang sepatutnya tidak ingin kita lihat seperti membaling *molotov* itu ya. Yang bahaya dua kali berlaku di *super market*, *super market KK Mart* itu.

Jadi ini perkara bagi saya sesuatu yang tidak perlulah kita memperbesar-besarkan perbezaan-perbezaan yang ada di dalam negara ini.

Jadi itulah saya selalu menekankan supaya politik kita di negara ini perlu berbentuk kira 'menjual barang'. Kita promosikan barang kita, kita promosikan polisi kita yang baik. Bukan menekan satu pihak kerana kita di dalam negara ini berbeza-beza. Beza agama, beza bangsa, beza latar belakang. Kalau kita terlalu menumpukan kepada perbezaan ini sehingga kitalah yang paling berkuasa daripada yang lain, perkara ini tidak akan selesai.

Justeru itu, saya berharap Kementerian Perpaduan kalau boleh perbanyakkan aktiviti-aktiviti, program-program yang menyatukan kita, yang menyebabkan kita supaya sentiasa bekerjasama di dalam negara ini. Bukannya menaikkan satu yang membezakan kita. Oh kami lebih daripada kamu, ini sesuatu yang tidak patut kita tekankan di dalam negara ini. Justeru itu, saya harap Kementerian Perpaduan akan diberi peruntukan yang mencukupi untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang lebih membentuk kepada menyatukan rakyat di negara ini supaya perkara ini tidak berulang pada masa akan datang.

Jadi pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, apa detil-detil perkara yang ada dalam senarai B.6, B.7, B.14, B.26 dan semuanya- malah B.33 yang diberi peruntukan yang besar supaya kita tahu, supaya kita dapat menilai, supaya kita melihat bagaimana perbelanjaan ini digunakan dengan sebaiknya. Justeru itu, saya harap dengan perbelanjaan tambahan begini adalah memberikan satu keselesaan ataupun kemakmuran kepada kita supaya kita jangan terlalu memainkan politik yang memecahkan antara kita.

Terima kasih. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024. Terima kasih.

Dato' Ahmad bin Dato' Sri Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Abun. Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.47 ptg.

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024.

Seramai empat Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, Yang Berhormat Senator Datin Hajah Ros Suryati, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang dan Yang Berhormat Senator Tuan Abun. Sekarang izinkan saya untuk merumus dan menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubungan dengan fungsi PETRA dalam soal bekalan tenaga elektrik dan bekalan air. Kerajaan akan terus memfokuskan ke arah tatakelola bekalan air dan elektrik yang mampan dan inklusif, mengoptimumkan tenaga boleh baharu dan kecekapan tenaga bagi menjamin perkhidmatan bekalan elektrik yang berdaya harap, mampu bayar dan lestari, memastikan kelestarian dan keterjaminan air transformasi sektor air dan khidmat pengurusan yang cekap serta pengukuhan perundangan dan kolaborasi strategik.

Kementerian ini berperanan penting dalam menyumbang kepada pencapaian dua sasaran utama Kerangka Strategik Malaysia Madani iaitu mencapai kedudukan 30 ekonomi terbesar di dunia dan tangga 12 daya 'sayang'- daya saing global. 'Daya sayang' pun boleh juga kot... *[Ketawa]* Dan keberkesanan pelaksanaan program-program dan inisiatif kementerian akan memberi impak langsung kepada pencapaian sasaran KSSM.

Pengagihan bekalan air bersih yang konsisten kepada pengguna adalah amat penting bagi menjamin bekalan air minuman yang mencukupi bagi menampung keperluan harian rakyat.

Pada tahun 2024, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak lebih RM300 juta bagi projek bekalan air bandar dan luar bandar sebanyak lebih RM49 juta. Sehubungan itu, kementerian melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara akan memastikan operator air di setiap negeri melaksanakan langkah-langkah jangka pendek dan panjang seperti berikut:

■1550

Memantau kecukupan sumber bekalan air mentah sama ada daripada segi paras sungai, paras empangan dan sebagai cara berkala bagi memastikan air mentah adalah mencukupi untuk mengoperasi semula LRA dan mengagih bekalan air kepada pengguna.

Bekerjasama dengan agensi di peringkat Persekutuan dan negeri bagi menjamin keselamatan sumber bekalan air mentah daripada segi pencegahan pencemaran sumber air dan menjalankan program kesedaran menerusi media dan aplikasi yang boleh diakses oleh para pengguna berhubung penggunaan air yang lebih berhemah. Penggunaan produk cekap air, pemantauan kebocoran air dalam sistem agihan dan sebagainya.

PETRA komited untuk memastikan isu bekalan air bersih di negeri-negeri dapat diselesaikan bagi memastikan keterjaminan dan kelestarian bekalan air kepada rakyat. Sehingga kini, akses kepada perkhidmatan bekalan air adalah 97.1 peratus dan kementerian akan mempergiatkan lagi usaha untuk mencapai liputan sekurang-kurangnya 98 peratus menjelang akhir tahun 2025.

PETRA juga akan memberi tumpuan kepada negeri-negeri yang mempunyai masalah bekalan air seperti Kelantan, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Pada masa yang sama, PETRA juga merangka strategi dan langkah-langkah jangka pendek dan panjang yang perlu diambil bagi meningkatkan keterjaminan bekalan air bersih di seluruh Malaysia dengan memfokuskan kepada mengurangkan kadar air tidak terhasil *Non-Revenue Water (NRW)*. Meningkatkan *reserve margin* pelaksanaan pelarasan tarif air dan pembedaan. Penambahbaikan infrastruktur bekalan air, penerokaan sumber air alternatif dan peningkatan kesedaran kepada masyarakat.

Antara inisiatif yang dijalankan oleh PETRA di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 bagi menjamin bekalan air bersih adalah Program Pengurangan NRW Kebangsaan dan pembiayaan bagi pelaksanaan projek sumber air seperti pembinaan kolam Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS). Bagi tahun 2024, kerajaan telah menyediakan RM250 juta untuk program Rancangan Tebatan Banjir.

Dalam mencapai cabaran impak perubahan iklim dan cuaca ekstrem, PETRA akan terus komited dalam mengurangkan risiko banjir serta melindungi rakyat daripada kejadian banjir di seluruh negara. PETRA melalui JPS sedang melaksanakan 43 projek Tebatan Banjir berkeutamaan tinggi dengan kos sebanyak RM11.8 bilion bagi tempoh 2023 sehingga 2030.

Datuk Yang di-Pertua, berhubung dengan jenayah siber. Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) telah mengendali lebih 75,000 panggilan dan berjaya membeku sehingga RM60 juta transaksi. Kerajaan menyediakan peruntukan kepada NSRC sebanyak RM20 juta bagi meningkatkan lagi kefungsiannya membanteras jenayah *scam*.

Bank Negara Malaysia dengan kerjasama sektor kewangan sedang membangunkan Portal Fraud Kebangsaan (NFP) yang dijangka siap menjelang pertengahan tahun ini. Dengan kebolehan automasi menjejakkan dana, diharap portal ini akan mempercepatkan tempoh pengesanan, pembekuan dan pemulangan dana.

Dalam pada itu, agensi berkaitan sedang meneliti keperluan untuk meminda undang-undang termasuk Kanun Tatacara Jenayah yang membolehkan tindakan lebih berkesan diambil kepada sindiket dan pemegang akaun keldai seterusnya mempercepatkan proses pemulangan wang kepada mangsa *scam*.

Kementerian Digital melalui agensinya, Siber Sekuriti Malaysia sentiasa merangka strategi dan mengambil langkah-langkah berterusan bagi menangani serangan digital yang semakin berleluasa.

CSM sentiasa bekerjasama dengan NACSA agensi penguatkuasaan undang-undang dan badan regulatori seperti PDRM, Bank Negara Malaysia, SKMM, Suruhanjaya Sekuriti, JPDP dan sebagainya. Sehingga kini, CSM tidak terlibat untuk kes yang melibatkan insiden *phishing*.

Siber Sekuriti Malaysia telah mengambil langkah untuk memperkenalkan perlindungan terhadap keselamatan ekosistem ruang siber melalui Program Pemerkasaan Keselamatan Siber yang lebih dikenali sebagai SiberKASA. SiberKASA telah dilancarkan pada 23 Mac 2021 bertujuan untuk membangun, memperkasa, melestari dan memperkukuhkan prasarana dan ekosistem keselamatan siber Malaysia agar sentiasa mampan, terpelihara dan berdaya tahan. SiberKASA adalah pendekatan secara holistik yang merangkumi tiga komponen utama keselamatan siber iaitu insan, proses dan teknologi. Program ini mengandungi lebih 40 jenis produk dan perkhidmatan keselamatan digital yang dibangunkan oleh Siber Sekuriti Malaysia untuk menangani ancaman dan serangan siber.

Selain itu, Siber Sekuriti Malaysia turut melaksanakan inisiatif keselamatan digital antaranya Program Galakan Pemerkasaan Keselamatan Siber (PGPKS) kepada perusahaan kecil dan sederhana dalam satu program yang holistik di mana perkhidmatan dan solusi perkhidmatan siber dilaksanakan secara berstruktur dan berterusan kepada PKS melalui pelaksanaan *health check* dan intervensi (MYCSRP). Sehingga 2023, 156 PKS telah melalui program dan sasaran keseluruhan 300 PKS.

Skim Pensijilan Global ACE di bawah Pelan Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang menasaskan pembangunan 20,000 tenaga kerja keselamatan siber menjelang tahun 2025. *CyberSecurity Malaysia Collaboration Program*, suatu inisiatif kerjasama awam-swasta dengan menyediakan produk dan perkhidmatan keselamatan siber. Sejak 2019, hampir 100 buah syarikat daripada sektor ICT telah mendaftar sebagai ahli CCP.

Skim penilaian dan pensijilan keselamatan digital dan privasi, di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 yang tertumpu kepada pelaksanaan menyeluruh dalam pengurusan maklumat privasi dan keselamatan digital. Program-program berbentuk kesedaran keselamatan siber dan pembentukan sahsiah menggunakan *Safer Internet Day* pada setiap bulan Februari, Inisiatif Etika Siber Kebangsaan dan Jelajah Anti-Scam Kebangsaan.

Datuk Yang di-Pertua, berhubung fungsi MITRA yang dipindahkan. Perpindahan ini adalah atas penstrukturan dan penyusunan semula agensi tersebut yang dianggap sebagai satu langkah strategik untuk memperkukuhkan lagi peranan kementerian dan MITRA yang dapat membawa impak positif pada jangka masa panjang terhadap pembangunan dan kemajuan masyarakat India Malaysia.

Belanjawan 2023 dan 2024 terus menumpukan kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat India. Sebanyak RM100 juta disediakan di bawah MITRA untuk melaksanakan program pembangunan sosioekonomi masyarakat India ini antaranya merangkumi program latihan kemahiran dan menyediakan bantuan kewangan bagi menampung yuran pengajian IPT kepada keluarga B40 India serta program keusahawanan dan kerjaya masyarakat India termasuk bidang pertanian, mikro dan ekonomi *gig*.

Belanjawan 2023 turut memperuntukkan sebanyak RM30 juta di bawah TEKUN bagi menyediakan Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India untuk menyediakan kemudahan pembiayaan mikro secara cepat, mudah kepada usahawan India.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, akademi kenegaraan yang sebelum ini dikenali sebagai Institusi Pembangunan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) merupakan institusi di bawah KBS bercirikan *center of excellence* yang memfokuskan kepada pembangunan latihan kepimpinan belia. Modul-modul kenegaraan dan kepimpinan digunakan kepada para belia untuk mendidik mereka menjadi agar lebih patriotik, berjati diri dan bersatu padu.

■1600

Selaras dengan fungsi JPM yang menggubal dasar serta menyelaraskan pelaksanaan, merintis pelbagai kementerian dan agensi, tujuan utama pemindahan fungsi Akademi Kenegaraan kepada JPM adalah untuk memantapkan pelaksanaan dasar dan koordinasi yang lebih berpusat berkaitan aspek kepimpinan, patriotisme dan kenegaraan.

Fungsi agensi Akademi Kenegaraan melibatkan kumpulan sasaran yang lebih menyeluruh merangkumi semua lapisan rakyat termasuk pemimpin negara, kakitangan kerajaan, belia, komuniti setempat berbanding peranan i-LEAD yang sebelum ini hanya menumpukan kepada pembangunan belia.

Dengan pemindahan ini, penyampaian agenda kerajaan bagi aspek kepimpinan, patriotisme dan kenegaraan kepada semua lapisan masyarakat adalah lebih berpusat, efisien, holistik dan sistematik. Ini juga dapat merealisasikan hasrat membina Malaysia Madani yang digagaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu menjadikan negara ini lebih maju, makmur berteraskan nilai kepercayaan, kerjasama dan ketelusan antara semua pihak.

Berhubungan pembangunan francais. Setakat ini lebih 1,200 perniagaan francais telah didaftarkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup dan 720 daripadanya oleh syarikat tempatan dengan nilai jualan dalam negara mencecah RM30 bilion. Malahan jenama francais terkenal tempatan seperti *Marrybrown*, *Daily Fresh Foods*, *Secret Recipe*, *Smart Reader* dan *LaundryBar* telah pun menjalankan operasi mereka di 80 buah negara.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Bagi meningkatkan pembangunan perdagangan francais, kerajaan menyediakan RM10 juta di bawah Program Pengukuhan Francais bagi Meningkatkan Eksport. Projek *Be Your Own Boss* diperkenalkan dan merupakan inisiatif Pernas untuk menyediakan program keusahawanan yang holistik dan berdaya saing. Ia menyasarkan golongan belia dan wanita bumiputera yang ingin menceburi bidang keusahawanan terutama dalam perniagaan francais, pra francais dan pelesenan.

Ia menawarkan peluang untuk usahawan belia bumiputera menyertai program bakat penglibatan keusahawanan muda atau program bakat penglibatan keusahawanan wanita berjaya. Peserta akan berpeluang menghadiri padanan perniagaan, menerima bantuan pembiayaan, latihan ber-*structure* dan dipantau selama enam bulan selepas memulakan perniagaan.

Melalui program ini, Pernas menyediakan pembiayaan melalui syarikat sendiri berhad sehingga RM500,000 manakala pembiayaan melalui pemilikan tunggal, perkongsian atau perkongsian *limited* terhad adalah sehingga RM250,000.

Untuk makluman, kerajaan sentiasa memberi fokus kepada pembangunan PMKS. Ini dibuktikan melalui Belanjawan 2024 iaitu usahawan mikro dan peniaga kecil disediakan kemudahan pinjaman kecil dan dana keseluruhan RM2.4 bilion di bawah agensi seperti Bank Negara Malaysia, BSN dan TEKUN.

Sebanyak RM1.0 bilion di bawah pinjaman mikro BSN adalah untuk membantu menyediakan modal perniagaan, pembelian peralatan, premis serta pemasaran kepada peniaga dan pengusaha kecil-kecilan. RM330 juta di bawah TEKUN juga adalah untuk menyediakan kemudahan pembiayaan kepada peniaga kecil seperti pengusaha batik dan kraf, usahawan Orang Asli serta bumiputera Sabah dan Sarawak. RM30 juta juga daripadanya dikhususkan untuk membiayai perniagaan diusahakan oleh masyarakat India.

Daripada jumlah keseluruhan ini, RM720 juta dikhaskan untuk menggalakkan golongan wanita dan belia menceburi bidang perniagaan. Di bawah BNM juga, sejumlah RM8 bilion dana pinjaman disediakan untuk menyokong syarikat PKS.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM600 juta dikhususkan untuk membantu perusahaan mikro dan usahawan berpendapatan rendah, kontraktor kecil, penerapan amalan kelas tarian dan sektor berkaitan keterjaminan makanan. Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri...

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak lagi Yang Berhormat, banyak lagi?

Datuk Seri Amir Hamzah Azizan: Dah habis dah. Mengakhiri penggulungan ini, sukacita saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas semua pandangan dan input yang dikongsikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini. Sekian. *Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang terhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Puan Lim Hui Ying) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN) 2024

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.08 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 Dibaca Kali Kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Polis 1967 pertama kali diperbuat pada tahun 1967 dikenali sebagai Akta 41 tahun 1967 dan diguna pakai di seluruh Malaysia mulai 29 Ogos 1967 bagi menggantikan Ordinan Polis 1952. Semakan semula Akta Polis telah dilaksanakan pada tahun 1988 dan ia mula berkuat kuasa sebagai Akta 344 mulai 6 Oktober 1988.

Sejak Akta Polis 1967 [Akta 344] berkuat kuasa, beberapa pindaan telah dibuat pada tahun 2012, 2015 setelah kali terakhir dipinda lapan tahun lepas. Pindaan kepada Akta Polis 1967 [Akta 344] dilihat amat perlu agar selari dengan peredaran dan keperluan semasa. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 November 2023 semasa menimbang memorandum daripada Menteri Dalam Negeri nombor M725/2023 bertajuk Permohonan Kelulusan Dasar Pindaan Akta Polis 1967 [Akta 344] antara lain telah bersetuju dengan syor permohonan dasar kepada pindaan akta tersebut.

■1610

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 November 2023, semasa menimbang memorandum daripada Menteri Dalam Negeri nombor ML100/2023 bertajuk Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2023 antara lain telah bersetuju supaya cadangan pindaan mewujudkan jawatan Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 6A dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Mesyuarat Majlis Raja-Raja yang ke-265 pada 21 dan 22 Februari 2024 telah bersetuju menimbang dan telah memperkenankan cadangan pewujudan seksyen 6A Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2023.

RUU Polis (Pindaan) 2024 ini menjurus kepada dua pewujudan seksyen baharu, enam pindaan seksyen dan satu pindaan jadual sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, fungsi serta peranan Polis Diraja Malaysia dalam menentukan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan negara. Akta Polis 1967, Akta 344 sebelum ini pernah dibuat pindaan kecil terhadap seksyen 27, 27A, 27B dan 27C pada tahun 2012 dan seksyen 33 pada tahun 2015. Secara keseluruhannya Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 ini mengandungi 10 fasal di dalamnya. Fasal-fasal pindaan adalah berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen 6A baharu dalam Akta 344 untuk mengadakan peruntukan darjah kehormat mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia bagi memberi penghormatan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam Hal Ehwal Adat Istiadat Polis Diraja Malaysia. Ia juga sebagai mengiktiraf peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan kuasa Yang di-Pertuan Agong yang berkaitan dengan Polis seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Polis.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 17 Akta 344 untuk meningkatkan penalti bagi kegagalan mana-mana Pegawai Polis yang tidak lagi menjadi anggota Pasukan Polis Diraja Malaysia untuk memulangkan senjata, amunisi, pelengkapan, pakaian seragam dan peralatan lain. Denda dinaikkan daripada tidak melebihi RM100 kepada tidak melebihi RM5,000.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 21 Akta 344 bagi memasukkan peruntukan baharu untuk memberi kuasa kepada pegawai polis, menjalankan tugas mengiring di jalan awam. Pindaan turut melibatkan kenaikan penalti bagi kesalahan menghalang, membangkang atau ingkar menurut apa-apa arahan Pegawai Polis dalam melaksanakan tugasnya. Denda dinaikkan daripada tidak melebihi RM200 atau penjara tidak melebihi tiga bulan kepada denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 26 Akta 344 bagi menaikkan penalti untuk kesalahan tidak mematuhi apa-apa syarat yang munasabah yang diberi oleh seorang pegawai polis yang menghendaki orang atau kenderaan itu berhenti sebelum sampai mana-mana sekatan. Denda dinaikkan daripada tidak melebihi RM1,000 kepada denda tidak melebihi RM2,000.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 66 Akta 344 bagi menaikkan penalti untuk kesalahan terhadap majikan yang tidak mengambil kerja semula mana-mana Pegawai Polis simpanan. Denda dinaikkan daripada tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan kepada denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun.

Fasal 7 bertujuan memperkenalkan seksyen 74A baharu dalam Akta 344 untuk memberi pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada sarjan, kuasa untuk menyiasat kesalahan tatatertib di bawah akta.

Pegawai Polis yang menjalankan penyiasatan itu boleh mengumpul apa-apa bukti dan memeriksa mana-mana orang yang difikirkannya perlu, menghendaki mana-mana orang supaya hadir di hadapannya untuk memberikan keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam milikannya atau mengambil apa-apa tindakan yang perlu untuk mendapatkan penjelasan lanjut mengenai perkara yang berhubung dengan kesalahan tatatertib yang dalam penyiasatannya.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 86 Akta 344 berkaitan pembolosan bagi memendekkan tempoh ketidakhadiran pegawai polis menjalankan tugas untuk mengelakkan Pegawai Polis daripada mengambil kesempatan. Tempoh tidak menghadirkan diri seorang Pegawai Polis untuk menjalankan tugas selama tempoh 21 hari dikurangkan kepada 14 hari.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 94 Akta 344 berkaitan penalti am bagi menaikkan penalti sedia ada yang didapati tidak memadai, tidak setimpal dengan keadaan semasa pada masa kini. Denda dinaikkan daripada tidak melebihi RM500 atau penjara tidak melebihi enam bulan kepada denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda Jadual Pertama kepada Akta 344 memandangkan Inspektor Kanan tidak lagi digunakan dalam pangkat Polis Diraja Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Puan Saraswathy a/p Kandasami]: Datuk Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Polis 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, di hadapan saya ada seramai tujuh orang ahli yang hendak berbahas. Memandangkan masa pun sudah lanjut petang maka saya membuat ketetapan bahawa masa yang diberikan adalah masih 5 minit seorang.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair.

4.17 ptg.

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan perbahasan Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong, saya telah menyatakan kekaguman saya terhadap kredibiliti kepimpinan Tuanku dalam mengemudi negeri Johor dengan segenap aspek. Seajar dengan peruntukan baharu, seksyen 6A, saya ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Tuanku Yang di-Pertuan Agong atas peranan baharu sebagai Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia.

Sebagai Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia, Yang di-Pertuan Agong sudah tentu akan memainkan peranan yang signifikan dalam menimbang institusi PDRM yang pada hari ini sedang merencanakan agenda reformasi. Berkenaan dengan pemasyhuran Yang di-Pertuan Agong sebagai Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia, saya ingin bertanya dua persoalan kepada YB Timbalan Menteri.

Pertama, apakah peranan hakiki yang boleh dimainkan oleh Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia?

Kedua, bagaimanakah pemasyhuran peranan Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia berupaya membina semula kredibiliti Polis Diraja Malaysia yang pada hari ini terpalit dengan pelbagai kontroversi yang mencemarkan imej kepolisan negara?

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang imej kepolisan, saya seterusnya ingin membangkitkan tentang pindaan seksyen 21 yang menggariskan pengenaan hukuman baharu kepada individu yang mengingkari arahan seseorang Pegawai Polis bagi maksud pengendalian lalu lintas. Berdasarkan peruntukan tersebut, saya berpendirian bahawa selain etika kepolisan yang tinggi, seseorang Pegawai Polis yang menjalankan tugas-tugas yang melibatkan pengawalan lalu lintas, perlu peka terhadap senario trafik sebelum memuktamadkan satu-satu pemberian arahan kepada pengguna jalan raya.

Dengan kata lain, seseorang Pegawai Polis perlu mengendalikan keadaan lalu lintas dengan rasional dan bertimbang rasa tanpa memprejudiskan kesulitan yang dihadapi oleh mana-mana pengguna jalan raya. Daripada perspektif saya, kesalahan yang disebut dalam seksyen 21(2) tidak bersifat *descriptive* dan *definitive*.

■1620

Saya berpendirian bahawa pengenaan kenaikan kadar hukuman denda maksima daripada RM200 kepada RM10,000 serta tempoh pemenjaraan maksima dua tahun adalah tidak wajar. Oleh sebab itu, justifikasi lisan yang konkrit oleh seseorang saksi lain diperlukan bagi mengesahkan atau membuktikan kesalahan membangkang atau menghalang yang dilakukan oleh seseorang individu terhadap satu-satu arahan Pegawai Polis yang bertugas selain penyaksian saksi pemasangan atau pemakaian peranti rakaman di mana-mana anggota badan Pegawai Polis juga perlu dilaksanakan secara mandatori sejajar dengan pindaan Akta 344 ini. Rakaman itu adalah yang akan menjustifikasikan sama ada seseorang individu tertuduh benar-benar melanggar arahan yang munasabah atau sebaliknya.

Berhubung dengan perihal tersebut, apakah bentuk pengesahan yang akan dilaksanakan oleh KDN menerusi pindaan Akta 344 ini untuk memastikan bahawa seseorang Anggota Polis itu dapat bertindak dengan wajar, munasabah dan rasional bagi mengelakkan daripada berlaku satu-satu insiden luar jangka yang boleh mengakibatkan seseorang individu bertindak untuk tidak mengikuti arahan yang diberikan kepadanya.

Persoalan tersebut perlu dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan banyak kes kemalangan yang telah dilaporkan secara meluas di dada-dada akhbar yang melibatkan pengendalian lalu lintas, lebih-lebih lagi bagi tujuan konvoi pengiring polis trafik.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menegaskan bahawa Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis seharusnya turut memainkan peranan yang lebih inklusif untuk meneliti semula tatacara atau SOP bagi pengendalian lalu lintas bagi maksud seksyen 21. Penelitian yang saya tegaskan itu sewajarnya dilaksanakan oleh IPCC yang sepatutnya berperanan sebagai sebuah suruhanjaya bebas yang berkredibiliti untuk menasihati PDRM bagi melakukan pembaharuan segera terhadap satu-satu fungsi tugas. Lagi 20 saat.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: 20 saat.

Timbalan Yang di-Pertua: Memandangkan Yang Berhormat dahulu pernah menjadi anggota polis, jadi saya benarkan tambah masa... [Ketawa]

Dato' Kesavadas a/l A Achyuthan Nair: [Ketawa] Insiden kemalangan yang membabitkan 14 buah kenderaan serta turut meragut dua nyawa penunggang motosikal yang berlaku di Putrajaya pada tahun lalu perlu dijadikan iktibar kepada PDRM. PDRM seharusnya menjadikan *post-mortem* bagi satu-satu kemalangan yang melibatkan konvoi pengiring polis sebagai rujukan dalam menyelaraskan disiplin pengendalian kawalan laluan trafik bagi konvoi pengiring dan fungsi-fungsi tugas lain yang berkaitan lalu lintas.

Pengendalian atau tatacara laluan trafik yang efektif dan cermat bukan sahaja dapat melindungi keselamatan pengguna jalan raya secara amnya, bahkan juga dapat menyelamatkan nyawa seseorang Anggota Polis yang sentiasa berdepan dengan risiko kemalangan luar jangka semasa mengendalikan lalu lintas sebagai konvoi pengiring.

Sebagai anggota legislatif, kita juga mempunyai tanggungjawab untuk memastikan pindaan Akta Polis ini dapat juga mendatangkan kebaikan kepada anggota PDRM dalam aspek keselamatan semasa bertugas. Datuk Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih atas kelebihan masa sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato'.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran.

4.24 ptg.

Dato' Sivaraj a/l Chandran: Salam sejahtera dan salam Malaysia Madani. Datuk Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang untuk membahaskan rang undang-undang pindaan Akta Polis 1967 di Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Polis yang ke-217 yang jatuh pada 25 Mac 2024 minggu lalu kepada seluruh warga polis yang sedang bertugas termasuk yang telah bersara.

Datuk Yang di-Pertua, pindaan seksyen baharu 6A dalam Akta 344, lantikan Yang di-Pertuan Agong sebagai Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia. Perkara ini merupakan pindaan yang baik kerana ia dapat meningkatkan imej Polis dan menunjukkan komitmen Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan PDRM dalam memastikan keselamatan dan perpaduan di dalam negara.

Di sini saya ingin bertanya, apakah tanggungjawab dan skop tugas Yang di-Pertuan Agong, Baginda sebagai Pesuruhjaya Kehormat PDRM? Saya berpendapat pindaan ini tepat pada waktunya memandangkan kita sedang mengharungi masa yang mencabar daripada segi keselamatan dan perpaduan. Dengan lantikan ini, saya percaya rakyat akan yakin dengan pasukan polis kita untuk terus memastikan integriti, komitmen serta keselamatan dan ketenteraman awam terjamin.

Datuk Yang di-Pertua, baru-baru ini saya berkesempatan bertemu dengan Ketua Polis Negara dan Timbalan Ketua Polis Negara untuk membincangkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat India dan umum. Saya ingin menekankan bahawa data menunjukkan hanya empat peratus daripada Anggota Polis negara termasuk Pegawai Polis kanan dan Pegawai Rendah Polis adalah daripada kalangan masyarakat India yang merangkumi sejumlah 137,628 orang pegawai pada tahun 2020. Memandangkan angka ini agak kurang berbanding dengan data yang dikeluarkan oleh NGO-NGO yang mengatakan penglibatan belia-belia India dalam kegiatan yang tidak sihat dan kongsi gelap, maka saya berharap pihak kementerian dapat memberikan kita statistik yang sebenar, tepat dan terkini tentang jumlah anggota PKP dan PRP India yang menjadi Anggota Polis.

Oleh itu, saya percaya bahawa pemilihan Yang di-Pertuan Agong sebagai Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia adalah langkah yang baik dengan harapan isu ini dapat diberi perhatian oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai Pesuruhjaya Kehormat PDRM.

Datuk Yang di-Pertua, keduanya saya percaya bahawa pindaan-pindaan kepada fasal 3 hingga 10 sangat penting bagi memastikan kelancaran pelancaran tugas Anggota Polis tanpa ragu-ragu. Baru-baru ini kita menyaksikan penyebaran banyak video di media sosial yang memaparkan anggota polis menghadapi cabaran dan juga penghinaan oleh individu-individu yang tidak bertanggungjawab. Mereka beranggapan bahawa mereka berhak untuk menghalang tugas Polis tanpa sebarang konsekuensi yang jelas boleh merosakkan imej dan kredibiliti PDRM.

Oleh itu, pindaan-pindaan ini adalah amat penting bagi menjamin keselamatan dan keberkesanan tugas Polis dalam mengekalkan keharmonian masyarakat. Kalau dahulu kita menghormati dan takut dengan kehadiran polis walaupun kita tidak bersalah, tetapi kini zaman dah berubah di mana terdapat segelintir yang tidak menghormati Polis. Tidak sedar bahawa tugas Polis adalah untuk menjaga keselamatan kita.

Walaupun kita tidak dapat nafikan bahawa terdapat segelintir kecil Pegawai Polis yang salah gunakan kuasa, namun kerana nila setitik rosak susu sebelanga. Ini bukanlah alasan untuk kita tidak menghormati dan memberi ruang kepada pihak Polis untuk menjalankan tugas mereka. Tentang isu integriti dan penyalahgunaan kuasa, saya yakin bahawa Ketua Polis dan Timbalan Ketua Polis sangat tegas dan komited dalam membanteras kegiatan penyalahgunaan kuasa dan rasuah di kalangan PDRM. Dengan itu, pindaan-pindaan ini akan memperkuatkan Pasukan Polis dengan melaksanakan tugas mereka tanpa *fear and favor*, dengan izin.

Selanjutnya saya ingin menyentuh tentang fasal 6, seksyen 66 Akta 344 yang mencadangkan kenaikan denda RM1,000 ke RM2,000 dan pemenjaraan enam bulan ke setahun ke atas majikan yang tidak mengambil kerja semula Pegawai-pegawai Polis Simpanan. Bagi pandangan saya, ini merupakan mesej yang jelas kepada majikan-majikan untuk menghargai jasa dan pengorbanan Pasukan Polis Simpanan yang menjalankan tugas sebagai pasukan Polis Tetap. Maka selepas satu tempoh yang bertugas, saya anggap sebagai *national service*, dengan izin, bekas Polis Simpanan itu haruslah diambil kerja semula bagi membolehkan individu tersebut menjalankan hidupnya sebagai warganegara biasa yang mempunyai tanggungjawab kebajikan terhadap diri dan keluarganya.

Dengan ini Datuk Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai.

4.29 ptg.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Terima kasih kepada Datuk Yang di-Pertua ke atas peluang yang diberikan kepada saya turut berbahas Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024. Sebagai mukadimah, saya ingin menyentuh isu serangan bom petrol di *KK Mart* yang berlaku beberapa hari lalu di Bidor dan Kuantan. Insiden tersebut sangat-sangat merisaukan, menggugat ketenteraman awam. Saya berpendapat bahawa Kementerian Dalam Negeri perlu mengambil tindakan yang setegas-tegasnya terhadap si pelampau.

■1630

Negara kita memang ada undang-undang dan tak ada oranglah yang boleh mengatasi undang-undang. Saya juga ingin mengguna platform ini menegur dan kesal cara kerajaan menangani isu *KK Mart* ini. Sentimen terhadap *KK Mart* ini dibiarkan berlarutan sehingga tindakan jenayah seperti kes lontaran bom petrol berlaku.

Dalam pandangan saya, kenyataan Perdana Menteri yang terlalu lambat serta koordinasi tindakan daripada Menteri Komunikasi dan Menteri Dalam Negeri lemah dan sangat mengecewakan telah gagal, menggalakkan *extremist messaging*, dengan izin, yang menjadikan punca tindakan ekstremis seperti pembakaran kedai *KK Mart* itu.

Dalam persekitaran yang tegang ini, pindaan kepada Akta Polis ini adalah tepat pada masanya. Pihak Polis perlu menjalankan proses pembaharuan agar pegawai polis kita boleh menjalankan tugas mereka secara lebih efektif dan lebih berdisiplin. Namun, beberapa perkara kita nak bangkit pada petang yang mulia ini. Memang Tuan Yang di-Pertua, pindaan RUU Polis kali ini merangkumi penambahan pindaan seksyen 21 iaitu penambahan subseksyen 1(d) "*To conduct any escort duty*" mengenai kuasa mendirikan sekatan-sekatan jalan seperti yang disenaraikan di seksyen 21.

Saya ingin kongsi sedikit pengalaman saya di jalan raya pada beberapa minggu lepas semasa saya datang ke Parlimen. Saya dapat lihat bahawa kereta dengan plat Menteri menikmati perkhidmatan Polis Pengiring dalam perjalanan ke Parlimen. Jalan raya pada masa kemuncak adalah sangat-sangat sesak dan Polis Pengiring pula membuka jalan untuk VVIP dan secara tidak langsunglah memaksa pengguna jalan raya lain seperti saya untuk memperlahankan kenderaan dan memberi laluan kepada maha-maha VVIP itu.

Semasa rakyat marhaen menanggung kesan kesesakan lalu lintas akibat kelemahan tadbir urus dan perancangan bandar, *VVIP are able to escape the consequences of their own making*. Adakah ini adil dan wajar?

Saya fahamlah kepada senario bagi Agong, Perdana Menteri. Untuk keselamatan diri sendiri, kita memang memerlukan pegawai pengiring dan kecemasan seperti ambulans, kenderaan Bomba dan pihak Polis sedang menjalankan tugas hakiki membantu rakyat dan mencegah jenayah, tetapi saya tidak dapat faham ataupun bersimpati kepada *treatment double standard* atau dua darjat dalam penggunaan jalan raya. Bukan sahaja penggubal undang-undang seperti kita di Dewan yang mulia ini yang perlu sampai ke tempat ini, tempat kerja pada waktu masa yang tepat. Rakyat kita pun perlu juga sampai ke destinasi mereka *especially with the poor economy*, dengan izin.

Pemeriksaan kuasa kepada aktiviti polis pengiring dalam menyekat jalan raya mencerminkan jurang sosial yang semakin meluas. Tanpa sekatan pengiring polis kepada aktiviti tertentu sahaja, kita bakal menghadapi masalah kehilangan kepercayaan institusi awam- *institutional trust* di setiap lapisan rakyat terutamanya kepada pihak polis, badan perundangan dan badan eksekutif kita.

Datuk Yang di-Pertua, pemulihan kepercayaan institusi awam terutamanya institusi polis bermula daripada pembentukan disiplin institusi yang ketat. Oleh itu, pindaan kepada seksyen 74 dengan penambahan subseksyen 74A adalah langkah yang wajar ke arah menguatkan kepercayaan institusi awam dalam kalangan rakyat. Cuma ada sedikit *reservation*, dengan izin, terhadap perlindungan kepada pegawai polis yang menjalankan siasatan disiplin terutamanya apabila *target* siasatan itu adalah Pegawai Polis Kanan atau pun berpangkat yang lebih daripada pegawai siasatan disiplin.

Saya rasa banyak lagi boleh dilakukan dalam menetapkan mekanisme atau *immunity arrangement* untuk menjamin Pegawai Polis siasatan daripada tindakan balas dendam dalam bentuk tindakan disiplin oleh Pegawai Polis Kanan yang berkemungkinan sepakat dengan *target* siasatan tersebut. Oleh itu dengan masa, tak ada masa lagi. / faham.

Timbalan Yang di-Pertua: Tak apa, boleh. Boleh. Saya boleh bagi lagi seminit.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Oh boleh lagi ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Akan tetapi boleh panjang kah?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi saya kompromi, seminit. Okeylah, 2 minit.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Berapa?

Timbalan Yang di-Pertua: Masa 2 minit, boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Kalau 2 minit tak cukup, 5 minit boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya, masalah untuk Dewan adalah saya menentukan masanya- 2 minit lagi, boleh.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Masa 2 minit ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada pembahas yang tarik diri.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Okey, tak apa. Saya berpendapat adalah keperluan untuk kerajaan meneliti semula pindaan ini dan memastikan ia mencapai matlamat pemulihan kepercayaan institusi Polis dalam kalangan rakyat. Pencapaian matlamat ini memerlukan undang-undang yang dinamik, efisien dan abadi- *timeless* dalam mengukuhkan disiplin institusi Polis. Rakyat perlu menyaksikan perubahan yang konkrit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, cukup?

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Cukup... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, saya baik hati kasi tambah masa, tapi YB tak nak. Tak apa, terima kasih YB atas kerjasama.

Sekarang ini saya jemput YB Tuan Abun Sui Anyit untuk bahas.

4.36 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa untuk saya sekali lagi untuk membahaskan rang undang-undang...

Timbalan Yang di-Pertua: YB, saya nak maklumkan di sini...

Tuan Abun Sui Anyit: ...Untuk pindaan Akta Polis pada petang hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: YB, nampaknya tinggal YB dengan- YB Abun dengan YB Noorita sahaja. Jadi, saya boleh bagi masa lebih sikit.

Tuan Abun Sui Anyit: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tahu YB memang hendak masa lebih.

Tuan Abun Sui Anyit: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, terima kasih... *[Ketawa]*

Tuan Abun Sui Anyit: Jadi, saya akan membincangkan beberapa isu juga berkaitan Akta Polis ini. Yang pertama sekali, saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah membuat pindaan terutamanya memberi tanggungjawab Ketua Polis sekarang kepada Yang di-Pertuan Agong dengan adanya pindaan 6A ini, Pesuruhjaya Polis Diraja Malaysia dan ini adalah satu hasrat dan satu kehendak Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Ke-17 ini di mana Baginda sendiri yang menawarkan diri untuk mengetuai Polis ini.

Ini sesuatu yang sangat bertanggungjawab, hasrat Yang di-Pertuan Agong untuk melihat polis ini melakukan kerja dengan sebaiknya dan dihormati. Jadi, saya percaya dengan adanya Yang di-Pertuan Agong di dalam mengemudi polis pada hari ini selepas kita meluluskan akta ini maka saya berharap saudara kita ataupun pihak Polis ini akan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh lagi dan saya sangat yakin Yang di-Pertuan Agong akan memperhatikan kebajikan-kebajikan pihak Polis ini juga.

Justeru itu, saya juga sangat mengambil berat tentang denda-denda yang dinaikkan di dalam pindaan ini di mana ada yang daripada RM1,000 kepada RM5,000, ada juga yang sampai ke RM10,000 dan sebagainya. Hukuman juga daripada enam bulan ke setahun.

Jadi, saya berharap dengan adanya pindaan-pindaan seperti ini akan memberikan lagi satu keyakinan kepada polis untuk bekerja dengan lebih baik lagi, memberi perkhidmatan yang lebih baik dan saya yakin perkara ini dapat membantu mereka dan saya juga berharap supaya ia tidak disalahgunakan. Saya percaya dengan adanya denda yang tinggi ini, ini akan memberi satu fikiran dua kali kepada rakyat supaya tidak- jangan mempermainkan pihak berkuasa di dalam mereka melaksanakan tanggungjawab kerana tanggungjawab Polis ini untuk membantu Menteri ataupun pihak pentadbir eksekutif negara ini adalah sangat penting kerana ini berbicara soal mentadbir negara dengan lancar.

Kalau ada lagi perkara-perkara yang seperti kemalangan yang pernah berlaku kerana tidak mematuhi kelancaran ataupun konvoi Polis ini bersama dengan Menteri-Menteri, jadi ini sangat merugikan semua pihak.

■1640

Jadi, justeru itu saya berharaplah dengan adanya pindaan pada kali ini, akan memberi satu suntikan semangat kepada pihak Polis.

Saya juga ambil kesempatan ini supaya dengan adanya keadaan seperti ini berlaku supaya pihak Polis juga perlu ditengok kebajikan mereka. Ini kerana ada beberapa buah balai Polis ataupun Pegawai Polis di pedalaman ya, yang saya pernah melawat sama ada di Julau, sama ada di Belaga, sama ada malah di Bandaraya Miri pun ada balai yang masih lagi dalam keadaan yang daif ya. Saya percaya, pihak kementerian ataupun pihak polis memahami dan faham perkara itu.

Saya harap supaya permohonan-permohonan mereka untuk cegah jenayah ini, yang berkaitan dengan cegah jenayah lebih lagi dalam keadaan negara kita ini ya. Kami baru-baru ini membuat libat urus dengan pihak Polis di mana mereka memberi penerangan kepada kami berkaitan dengan masalah dadah di Sarawak. Justeru itu, saya mohon kementerian malah kepada Kementerian Kewangan juga untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan Polis untuk melancarkan tugas mereka di dalam mengesan perkara-perkara yang berbentuk melanggar undang-undang di dalam negara ini.

Justeru itu, saya juga berharap supaya dengan adanya pindaan ini juga akan memberi satu keyakinan kepada setiap anggota kita- Polis kita yang bertugas ini dengan lebih bersemangat lagi. Justeru itu, saya sangat menyokong pindaan ini. Semoga pindaan ini juga akan memberi satu suntikan semangat yang berkobar-kobar kepada Polis yang ada pada hari ini menjalankan tugas mereka.

Dengan itu, saya menyokong pindaan Akta Polis 1967 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Abun.

Sekarang saya jemput YB Senator Puan Noorita Sual.

4.42 ptg.

Puan Noorita binti Sual: *Ka'ansayan*. Selamat petang dan salam sejahtera. Yang dihormati Datuk Speaker dan rakan-rakan Yang Berhormat Senator sekalian. Datuk Speaker, terima kasih untuk ruang perbahasan ini. Ada beberapa perkara yang saya ingin sentuh di dalam pindaan Rang Undang-undang Akta Polis D.R.6/2024 ini.

Perkara pertama Fasal 4(a)(iii) yang menyentuh tentang pindaan kepada seksyen 21 subseksyen (1)(d) berkenaan dengan pindaan baharu, "*to conduct any escort duty*". Datuk Speaker, bagi menjalankan kuasa baru ini, pihak polis perlu menerangkan dengan jelas siapakah yang berhak mendapatkan perkhidmatan eskot daripada pihak polis seperti mana yang dimaksudkan di dalam pindaan ini. Adakah hanya Menteri, YB atau termasuk juga persatuan atau kelab-kelab yang menggunakan perkhidmatan eskot polis?

Terus terang saya katakan dengan pindaan ini, saya kluatir terutamanya orang-orang VIP ini nanti akan makin naik kepala. Di Malaysia, macam-macam ahli VIP yang kita ada. Bahkan, kita ada juga dengar kes yang melibatkan anak dan ahli keluarga VIP yang menggunakan perkhidmatan eskot polis ini. Jadi, perlu ada penjelasan di sini berkenaan siapa yang berkelayakan.

Saya juga ingin bertanya, bagaimanakah pula dengan kenderaan yang tiba-tiba tumpang sekaki mengikut eskot polis ini dari belakang?... [*Ketawa*] Sebab saya melihat ada juga kes-kes di mana kenderaan lain yang saya fikir tidak kena-mengena dengan rombongan eskot, tiba-tiba ubah lorong secara mengejut sehingga membahayakan kenderaan lain dan memanjangkan lagi kenderaan rombongan eskot yang sebenarnya. Adakah hukuman bagi kesalahan bagi situasi sebegini?

Datuk Speaker, yang kedua fasal 4(b) yang menyentuh tentang pindaan kepada seksyen 21 tentang tugas Pegawai Polis di jalan awam dengan menggantikan perkataan dengan izin, "*RM200 or imprisonment of a term not exceeding three months*" kepada "*RM10,000 or to imprisonment for a term not exceeding two years*".

Persoalan atau perkara pokok yang saya ingin sentuh ialah kenapakah dan apakah justifikasi kenaikan denda yang saya kira jauh lebih tinggi ini dari asalnya RM200 ke maksimum RM10,000?

Kenaikan ini sangat besar berbanding dengan pindaan-pindaan lain di bawah rang undang-undang D.R.6/2024 seperti fasal 5 pindaan seksyen 26 dari RM1,000 ke RM2,000, fasal 9 pindaan seksyen 94 dari RM500 ke RM5,000. Selanjutnya mengenai cadangan pindaan penjara dari tidak melebihi tiga bulan kepada terma tidak melebihi dua tahun. Saya kira tidak munasabah dan tidak setimpal kerana pemenjaraan selama tempoh boleh sampai dua tahun ini boleh dianggap sebagai satu kesalahan yang berat.

Sebagai perbandingan, saya mengambil contoh Akta Kanun Keseksaan seksyen 144 yang antara lainnya menyebut barang siapa menghadiri, mengambil bahagian atau berada dalam perhimpunan yang menyalahi undang-undang dan memiliki senjata api, amunisi, bahan letupan, benda-benda melecir, benda yang memudaratkan; kayu, batu, atau senjata maut yang boleh digunakan sebagai senjata untuk menyerang hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua tahun.

Bagi pindaan ini juga saya bimbang terutamanya kes-kes yang melibatkan orang kampung tentang pencerobohan tanah. Contohnya, kalau orang-orang kampung buat bantahan, *block* di jalanan atau di depan Jabatan Tanah sehingga ke bahagian jalan raya depan Jabatan Tanah. Bagi orang-orang kampung yang masih ramai yang tidak celik dengan undang-undang sebegini, hukuman denda atau penjara ini saya rasa sangat berat dan tidak munasabah. Perkara ini biasa berlaku dan sentiasa berlaku. Saya hanya memikirkan tentang nasib orang-orang kampung ini yang 'Sudah jatuh ditimpa tangga'. Sedangkan apa yang mereka buat itu adalah semata-mata untuk mempertahankan tanah adat mereka.

Atas dasar dan sebab ini juga, saya ingin mencadangkan agar jumlah denda dan masa pemenjaraan ini dipinda kepada satu jumlah dan masa yang lebih munasabah. Dengan itu, saya ingin mencadangkan jumlah denda dipindahkan dari maksimum RM200 ke maksimum RM5,000 dan terma penjara dipindahkan kepada tidak melebihi satu tahun.

Daripada laporan beberapa buah akhbar, Ketua Polis Negara menyatakan bahawa seksyen 21 ini jarang digunakan kerana kita mempunyai seksyen 186 Kanun Keseksaan. Persoalan saya ialah bilakah seksyen 21 ini akan digunakan atau sekiranya Kanun Keseksaan lebih digunakan, jadi apalah sebenarnya keperluan kita meminda seksyen 21 ini?

Saya bimbang Datuk Speaker mengenai pindaan-pindaan yang berkaitan dengan kesalahan yang melibatkan orang awam khususnya. Oleh sebab kuasa diberikan kepada mana-mana Pegawai Polis, saya turut berpendapat akibat kenaikan-kenaikan jumlah denda dan masa pemenjaraan ini, kemungkinan besar akan berlakunya atau meningkatnya isu-isu seperti salah guna kuasa dan isu rasuah. Saya tidak berniat untuk menuduh mana-mana pihak tetapi kita juga perlu melihat dari sudut akibat dan kesan yang bakal kita alami akibat pindaan-pindaan ini. Perlu ada satu sistem *check and balance*, dengan izin, atau satu dasar atau mekanisme untuk mengawal perbuatan penyalahgunaan kuasa dan rasuah akibat perkara seperti ini.

Akhir sekali Datuk Speaker, saya ingin menyentuh tentang seksyen 12 Akta 344 ini. Walaupun seksyen ini tidak terlibat dalam pindaan pada kali ini tetapi saya fikir pada pindaan akan datang, boleh diubah tajuk terjemahan layanan bersaling atau dalam bahasa Inggerisnya "*reciprocal treatment*" kepada terjemahan bahasa Melayunya, layanan salingan seperti mana di bawah Bahagian V seksyen 30 Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 yang baru sahaja kita luluskan.

Itu sahaja daripada saya Datuk Speaker. Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. YB marah betul pada orang yang VIP yang gunakan pengiring ya... [Ketawa]

Baik, sekarang saya- kita pergi kepada pembahas kita yang terakhir pada hari ini iaitu Dato' Ti Lian Ker.

4.48 ptg.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Nak bagi panjang lagi YB?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Hari ini nak panas lagi ker?... [*Dewan ketawa*]

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yang panas-panas dah tak ada. [*Ketawa*] Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua kerana sudi memberikan saya peluang dan ruang untuk saya turut sama membahaskan pindaan Rang Undang-undang Polis. Kelulusan RUU ini di Dewan Rakyat tempoh hari ternyata telah menarik perhatian umum. Ucapan saya pada hari ini hanya akan berkisar kepada beberapa perkara sahaja.

Pertamanya, tentang pindaan fasal 5 yang berkait dengan kenaikan penalti kepada tidak melebihi RM2,000 untuk kesalahan tidak mematuhi arahan Pegawai Polis untuk memberhentikan kenderaan semasa sekatan jalan raya. Saya berpandangan, kadar penalti ini adalah munasabah dan jika kita mengambil kira senario ekonomi semasa pada hari ini, mungkin juga lebih tinggi daripada inflasi, kalau kita berbalik ke tahun-tahun permulaan akta ini.

Kadar penalti yang lebih tinggi secara teorinya lebih menggentarkan pengguna jalan raya dari melakukan salah laku di jalan raya terutamanya apabila ditahan pihak Polis, tetapi secara praktikalnya, apakah tujuan sebenarnya sehingga kadar penalti ini dinaikkan lebih daripada kadar inflasi?

■1650

Falsafah hukuman mempunyai beberapa matlamat. Antaranya *deterrent* ataupun mencegah. Keduanya *retributive* ataupun balasan ataupun deraan.

Ketiganya ialah *preventive* iaitu untuk menghalang ataupun *preempt* supaya orang tidak terfikir nak buat jenayah sedemikian. Akhirnya *reformative* iaitu kita menghukum seseorang itu untuk memulihkan mereka supaya tidak bertindak kesalahan yang sama.

Apabila kita mengenakan hukuman denda yang lebih tinggi, adakah matlamat-matlamat ini dapat dicapai? Sebarang hukuman yang dikenakan perlulah mempunyai justifikasi. Persoalannya ialah adakah penambahan denda ini akan berkesan dalam membanteras penjenayah ataupun kesalahan *or mischief intended*, dengan izin.

Misalannya apabila denda di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1947 dipinda untuk menaikkan hukuman penjara dan jumlah denda. Kesannya ialah Polis meminta sogokan daripada pesalah secara lebih berani dan *fraud right*. Ini dapat dilihat di media sosial di mana rakyat asing pun menjadi sasaran di mana pendapatan daripada sogokan ini sungguh lumayan. Maka mereka *it becomes temptation*, dengan izin.

Saya izin mengambil contoh kes yang tular di media sosial pada awal tahun ini di mana sepasang warga asing yang juga pengamal media sosial yang berpengaruh telah ditahan oleh pihak Polis dan ditawarkan dengan diskaun saman daripada RM300 jika dibayar di balai, menjadi RM100 kalau dibayar terus.

Ini semua membawa satu imej aplikasi yang sangat negatif kepada Polis dan juga negara kita. Apabila Anggota Polis sudah dibudayakan dengan budaya sogokan bermula daripada kesalahan seperti kesalahan trafik, sikap dan perangai Polis ini akan menyebarkan menjadi satu budaya kepada kesalahan dan jenayah yang lebih serius apabila mereka diberi kuasa yang lebih atau dinaikkan pangkat untuk membanteras jenayah yang lebih serius seperti dadah dan sebagainya.

Maka, di sinilah titik mulanya budaya sogokan dan rasuah dalam barisan penguatkuasaan yang dikompromikan. Begitu juga dengan kes samun dan rogol membabitkan remaja perempuan warga Uzbekistan dalam kenderaan peronda polis MPV oleh dua orang Anggota Polis di Bukit Ampang baru-baru ini, bulan Januari lalu.

Ini mungkin contoh-contoh mengapa ada segelintir pengguna jalan raya rasa khuatir dan tidak berani berhenti dan melarikan diri setelah ditahan kerana bimbang akan apa yang dia akan diperlakukan oleh polis nanti.

The faith, the confidence, keyakinan kepada Polis tidak ada di mana kalau dulu kita lihat Polis, kita nak mendapat pembelaan. Sekarang mereka lari kerana takut menjadi mangsa.

Ini adalah satu lagi- bayangkanlah psikologi mangsa yang dirogol. Bayangkan stigma, trauma pada mangsa apabila orang yang sepatutnya membela mereka, menjaga mereka, menjadikan mereka jadi mangsa. Lebih-lebih lagi mengapakah warga asing dijadikan sasaran. *Is it because they helpless* ataupun sebab mereka tidak boleh lawan balik, mereka tak ada cara atau rangkaian untuk membela diri? Mungkin ini sudah berlaku kerap kali, tetapi tak ada laporan ataupun tak ada jadi pembongkaran.

Apakah punca mengapa ramai pengguna jalan raya melarikan diri ditahan pihak Polis? Apakah puncanya? Adakah kerana selama ini semakin ramai pesalah jalan raya telah mengabaikan arahan pihak Polis untuk memberhentikan kenderaan ketika sekatan jalan raya? Saya mohon untuk diperjelaskan mengenai perkara ini dan lebih sekiranya pihak kementerian turut dapat memberikan sedikit statistik mengenai jumlah pesalah jalan raya yang telah mengabaikan serta melarikan diri dari memberhentikan kenderaan bagi mencerminkan keadaan yang sebenarnya.

Soalan saya yang seterusnya, sejauh mana pindaan kenaikan kadar penalti sekiranya gagal mematuhi arahan pegawai polis untuk memberhentikan kenderaan semasa sekatan jalan raya ini dapat menjamin dari berlakunya penyalahgunaan kuasa, ketidakadilan ataupun penganiayaan terhadap individu yang ditahan? Bagaimanakah keselamatannya dapat dijamin sekiranya kenderaannya ditahan terutama ketika waktu sunyi dalam gelap? Saya mohon penjelasan.

Selain itu, pindaan juga merujuk kepada apa-apa syarat yang munasabah yang diberi oleh seseorang Pegawai Polis untuk membolehkan mereka mengarahkan pemberhentian kereta. Jadi bolehlah pihak kerajaan mendefinisikan secara jelas apakah syarat-syarat munasabah yang dimaksudkan?

Persoalan saya ini juga terkait sama seperti yang dilontarkan oleh Pertubuhan Masyarakat Sivil atau *Civil Society Organizations* daripada *cluster accountability Police* yang ditunjangi oleh *NST International Malaysia* dan sebagainya melalui kenyataan media mereka pada 25 Mac 2024. Malah mereka mahupun Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ataupun SUHAKAM atau Majlis Peguam Malaysia mendakwa tiada libat urus yang dilakukan oleh pihak kementerian berhubung pindaan ini. Apakah penjelasan kementerian berhubung perkara ini?

Saya berpendapat pindaan ini seharusnya lebih berkesan sekiranya Kerajaan Perpaduan berupaya melaksanakan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang menjadi senjata Pakatan Harapan untuk meraih undi dan simpati rakyat dalam pilihan raya yang dulu. Mengapa kerajaan tidak mengambil kesempatan ini untuk melaksanakan IPCMS yang telah dicadangkan, dipropagandakan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja pada tahun 2025 atau setidaknya-tidaknya memperkasakan institusi Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) yang sedia ada.

Saya ada dua perenggan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Buat dengan cepat.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Satu badan Pengawasan Polis yang bebas dan efektif bukan sahaja penting untuk pihak awam tapi juga kepada pihak Polis. Reputasi dan imej PDRM pada ketika ini semakin merosot dan luntur serta defisit kepercayaan terhadap PDRM juga semakin melebar susulan kes-kes disiplin yang membabitkan Anggota-anggota Polis semakin kerap dilaporkan di media.

Maka untuk meraih semula kepercayaan rakyat, pendekatan berasaskan hak asasi manusia, *human right based approach* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, ketika membuat dasar-dasar ataupun pindaan-pindaan undang yang berkaitan dengan rakyat jelata seharusnya diutamakan dan diberi penekanan.

Akhir kata, saya menyokong pindaan ini namun beberapa perkara perlu dilihat semula oleh pihak kerajaan agar imej pasukan polis yang berakauntabiliti akan dikembalikan dan kepercayaan orang ramai, penghormatan orang ramai dan keyakinan orang ramai akan ditambah. Sekian, terima kasih. Saya memohon untuk menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Akta Polis ini banyak membawa perbahasan yang panas. Saya simpati dengan YB. Saya pernah duduk dalam Kerusi itu... *[Ketawa]*

Jadi sekarang ini bukan masa saya untuk duduk di kerusi itu. YB lah bertanggungjawab untuk menjawab mengenai pindaan Akta Polis ini. Saya jemput YB Menteri untuk menjawab.

4.59 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah]: Boleh bagi panduan berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua: Terpelang.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tahu YB suka menjawab panjang.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, Salam Malaysia Madani.

Saya ucapkan penghargaan dan terima kasih bagi pihak Kementerian Dalam Negeri, kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas; Yang Berhormat Senator Dato' Sivaraj; Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Dominic; Yang Berhormat Senator Tuan Abun Sui Anyit; Yang Berhormat Senator Noorita Sual; Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker yang terlibat membahaskan Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 yang dibentangkan pada hari ini.

Saya akan menjawab soalan yang dibangkitkan. Namun, mengikut Peraturan 36(1), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan, mana-mana perkara yang tidak berkaitan dengan rang undang-undang ini, kita akan ambil perhatian dan *insya-Allah* kita jawab secara bertulis.

Saya sebutkan tadi bahawa seksyen 6A baru dalam Akta 344, untuk mengadakan peruntukan darjah kehormat mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Pesuruhjaya yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia bagi memberi penghormatan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal istiadat Polis Diraja Malaysia. Ia juga sebagai mengiktiraf peranan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara dan kuasa Yang di-Pertuan Agong yang berkaitan dengan polis seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Akta Polis.

Selain itu, saya boleh nyatakan bahawa peruntukan ini juga bagi mengiktiraf seperti mana yang saya sebutkan tadi, yang mana Yang di-Pertuan Agong mempunyai kuasa-kuasa tertentu di bawah subseksyen 4(4) menjalankan tugas atau fungsi Ketua Polis Negara oleh Timbalan Ketua Polis Negara atau mana-mana Pegawai Polis lain yang pangkat tidak rendah daripada Pesuruhjaya.

■1700

Seksyen 7 juga menggunakan khidmat pasukan dalam masa darurat.

Seksyen 10 mengarahkan PDRM berkhidmat di luar negara.

Seksyen 95, membuat kaedah-kaedah dan seksyen 96, membuat Peraturan-peraturan Polis. Juga, menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Dato' Kesavadas berkaitan dengan denda dan juga perkembangan terkini berkaitan usul untuk mengelakkan salah guna kuasa oleh Pasukan Polis.

Saya *nak* nyatakan bahawa perkara ini banyak dibangkitkan tadi berkaitan dengan kenakan penalti dan sebagainya. Penalti bagi kesalahan menghalang, membangkang atau ingkar menurut apa-apa arahan Pegawai Polis dalam melaksanakan tugas dia dinaikkan selaras dengan peruntukan di seksyen 186, Kanun Keseksaan [Akta 574] yang memperuntukkan kadar hukuman dan denda yang sama bagi kesalahan tersebut.

Dalam masa yang sama, kadar penalti naikkan bertujuan untuk...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Datuk Seri, Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Saya habiskan dahulu. Nanti perkara baharu, saya *tak* habis jawab perkara yang telah dibangkitkan tadi. Boleh Datuk Yang di-Pertua ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, boleh.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Dalam masa yang sama, kadar penalti dinaikkan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa halangan kepada tugas pengiring juga boleh meletakkan nyawa Pengiring Polis dalam keadaan bahaya. Sekiranya terlibat dalam kemalangan dan dalam pada masa yang sama, boleh membahayakan tahap keselamatan orang yang diiring jika dihalang disebabkan apa-apa halangan dan juga boleh membahayakan orang awam.

Selain daripada itu, untuk meningkatkan integriti dan memastikan ketelusan dalam masa Pegawai-pegawai Polis melaksanakan tanggungjawab, saya *nak* nyatakan bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM30 juta untuk perolehan *body worn* kamera badan di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Ke-12 (RP1 RMKe-12) Tahun 2021, bagi kegunaan tugas harian anggota polis dan dengan adanya kamera badan ini, saya percaya ia boleh diguna oleh anggota PDRM yang bertugas di lapangan termasuk bagi Unit Kereta Peronda Polis (MPV) dan Unit Perondaan Bermotosikal Polis (URB) serta rondaan dan jalanan polis di 157 buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) di seluruh negara.

Dengan adanya kamera badan ini, saya percaya ia akan meningkatkan integriti dan juga memberi kebaikan kepada orang awam. Sebenarnya, kalau kita ikut statistik kemalangan jalan raya yang melibatkan penugasan polis di jalan awam daripada 2018 sehingga 2023, jumlah kemalangan yang terlibat dalam perkara ini ialah 1,366. Memang tinggi dan ia memberi kesan besar kepada pelbagai pihak.

Saya juga *nak* respons dan menjawab pertanyaan sahabat saya, Dato' Sivaraj berkaitan dengan jumlah PKP dan PRP daripada keturunan masyarakat India. Oleh sebab ini angka dan data dan bimbang kita jawab tidak tepat, kita akan bagi jawapan bertulis tentang angka-angka dikehendaki. Yang Berhormat Datuk Dr. Dominic Lau, bangkit berkaitan seksyen 74(A)- sekejap Yang Berhormat ya...

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Bagi dia habis dahulu Yang Berhormat. Bagi dia habis jawab dahulu Yang Berhormat Menteri, baru Yang Berhormat mencelah...

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Saya jawab dahulu yang dibangkitkan Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa]

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Nanti perkara baharu yang ditanya tadi, tidak sempat saya *nak* jawab. Di seksyen 74(A) kuasa menyiasat salah laku disiplin. Sukacita, saya nyatakan bahawa pegawai penyiasat perlu berpangkat Sarjan dan ke atas bagi menyeragamkan peranan Sarjan untuk menyiasat kes seperti diperuntukkan di bawah seksyen 108 dan seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593].

Pindaan ini dibuat bagi mengadakan peruntukan baharu mengenai kuasa Polis Diraja Malaysia untuk menyiasat salah laku berkaitan dengan Prosiding Tatatertib terhadap Pegawai Polis memandangkan bidang kuasa siasatan disiplin di bawah Akta Polis 344, sebelum ini adalah tidak jelas. Jadi, dengan adanya peruntukan ini ia lebih jelas dan berikan kebaikan kepada pelbagai pihak.

Tentunya pindaan ini bertujuan membolehkan Prosiding Tatatertib yang melibatkan Pegawai Polis bagi kes jenayah yang dikembalikan untuk tindakan jabatan oleh Timbalan Pendakwa raya dapat diambil tindakan dengan baik oleh PDRM. Buat masa ini Yang Berhormat, keterangan berkaitan dengan rakaman pernyataan atau percakapan diambil di bawah peruntukan seksyen 112 Kanun Tatacara Jenayah.

Jadi, melalui peruntukan baharu ini, Polis Diraja Malaysia dapat menggunakan keterangan dalam siasatan jenayah bagi tujuan siasatan dan Prosiding Tatatertib. Sebenarnya, buat masa ini, pegawai penyiasat berpangkat Sarjan yang menjalankan siasatan tatatertib hanya dinyatakan dalam Perintah Tetap Ketua Polis Negara di bawah seksyen 97 Akta Polis 1967 [Akta 344]. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi, dengan akta ini, ia lebih jelas dan memudahkan siasatan dibuat. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Dominic.

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai: Bukan. Soalan saya adalah mengenai Yang di-Pertuan Agong mengenai apa untuk Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia. *I nak* tahu ialah bahawa kita seperti Timbalan Menteri mengatakan kerana dia adalah Ketua Negara oleh itu kita ada pelantikan jawatan untuk Yang di-Pertuan Agong, tetapi minta pencerahan. Selain daripada itu, adakah sebarang manfaat untuk Polis Diraja Malaysia untuk jawatan tersebut?

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Datuk Yang di-Pertua, pindaan yang dilaksanakan ini, sebenarnya telah melalui pelbagai proses dan akhirnya kita juga angkat kepada perkenan Majlis Raja-Raja. Jadi, ia telah pun mendapat perkenan Majlis Raja-Raja dan semestinya dengan adanya jawatan Pesuruhjaya Yang Dipertua Kehormat Polis Diraja Malaysia ini, ia meningkatkan imej Polis di mata rakyat.

Tugas dan peranan telah pun saya maklumkan di awal jawapan saya tadi. Terima kasih. Seterusnya, Yang Berhormat juga tadi sebut tentang isu perbuatan khianat membaling bahan letupan di kedai *KK Mart*, sebagaimana yang kita- semua maklum. Saya *nak* sebut bahawa kedua-dua kes ini telah disiasat di bawah seksyen 435, Kanun Keseksaan iaitu khianat dengan api.

Pihak Polis masih menjalankan siasatan untuk mengena pasti motif dan mengesan subjek-subjek yang terlibat. Kita harap rakyat di luar sana terus memberi kepercayaan kepada KDN dan Polis Diraja Malaysia untuk mengambil apa-apa tindakan. Saya ingin nyatakan bahawa kita tidak ada kompromi. Mana-mana pihak yang melakukan khianat dan menyalahi peraturan undang-undang, tetap tindakan diambil kerana kerajaan polis sentiasa mengutamakan rakyat dan negara ini.

Yang Berhormat, berkaitan dengan kenderaan Menteri diiring oleh pihak polis tadi. Saya *nak* nyatakan bahawa dalam Akta Polis ia adalah halangan kepada tugas polis di jalan awam yang merupakan satu kesalahan menghalang penjawat awam dan tidak wajar di tafsir sebagai kesalahan trafik. Penugasan ini merangkumi tanggungjawab sebagaimana yang dinyatakan seksyen berkenaan dan halangan kepada penugasan di bawah seksyen ini boleh meletakkan nyawa petugas Polis dalam keadaan bahaya sekiranya terlibat dalam kemalangan.

Pada masa yang sama, boleh membahayakan tahap keselamatan orang dan harta yang diiring jika dihalang atau disebabkan apa-apa halangan. Adalah dimaklumkan, penugasan mengiring trafik adalah tidak terhad kepada mengiring orang kenamaan VIP sahaja tetapi termasuk juga penugasan mengiring bahan-bahan letupan, transit wang Bank Negara, bahan bercetak, sekuriti seperti kertas peperiksaan dan apa juga perkara yang memerlukan eskot dari satu destinasi ke destinasi demi kepentingan awam dan negara.

Kalau kita lihat statistik Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik PDRM, dia mencatatkan kemalangan yang melibatkan pegawai polis di jalan awam semasa menjalankan tugas. Saya sebutkan tadi ialah seramai 1,366 orang. Ini adalah angka daripada 2018 hingga 2023.

■1710

Mengambil kira semua ini bahawa penalti yang mempunyai elemen yang *deterrent* perlu diambil bagi kesalahan perarakan yang dilakukan oleh kongsi gelap. Jadi, saya nak nyatakan bahawa semua perkara yang dilakukan semasa kawalan trafik mengikut peraturan-peraturan yang ada.

Yang Berhormat Senator Noorita Sual membangkitkan isu soal peningkatan kadar denda dan hukuman yang dinyatakan. Saya nak sebutkan bahawa kenaikan kadar denda dan hukuman di seksyen 21(2), Akta Polis 1967 adalah berpatutan, memandangkan ia setimpal dengan peredaran masa ketika ini.

Kadar ini selari dengan seksyen 186 Kanun Keseksaan bagi kesalahan menghalang penjawat awam daripada melaksanakan tugas. Kenaikan kadar ini sebenarnya bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa menghalang tugas Polis di jalan awam boleh mengakibatkan bahaya kepada Pegawai Polis, Anggota Polis yang bertugas serta risiko keselamatan kepada subjek dan juga aset-aset penting yang diiring.

Saya nyatakan tadi bahawa rakyat diharap memahaminya bahawa mengiring ini bukannya mengiring VIP saja tetapi banyak perkara penting yang lain diiring oleh pihak polis. Sebab itu juga, saya nak nyatakan bahawa apa juga yang dilakukan oleh anggota polis trafik, ia tertakluk kepada peraturan-peraturan termasuklah Perintah Tetap Arahan Ketua Polis Negara dan peraturan-peraturan lain.

Yang Berhormat juga sebut berkaitan dengan tadi- *escort Police*. Sebahagiannya saya sudah jawab. Namun, saya nak sebut bahawa kerajaan tidak bercadang untuk menghentikan penggunaan *outrider*. Penyediaan *outrider* ini adalah mengikut kelayakan yang telah ditetapkan dan pelaksanaan tugas adalah mengikut SOP PDRM.

Tujuan utama penggunaan *outrider* adalah untuk menentukan keselamatan semasa di jalan raya. Punca kuasa kepada semua ini. Maknanya, apa yang dibuat ini ada peraturan-peraturannya dan punca kuasanya adalah seksyen 3(3), Akta Polis 1967 [Akta 344] iaitu berkaitan tugas-tugas Polis, seksyen 20(2), Akta Polis 1967 [Akta 344] iaitu pihak Pegawai Polis boleh menggunakan kuasa dan budi bicara untuk melaksanakan tugas yang dirasakan perlu dan manfaat, Seksyen 20(3)(m), Akta Polis 1967 [Akta 344], seorang pegawai polis perlu mengambil langkah dan perbuatan yang sah mengiring, dan menjaga banduan-banduan dan orang-orang lain yang ada dalam jagaan polis dan seksyen 20(3)(j), Akta Polis 1967 [Akta 344], seorang Pegawai Polis perlu mengambil langkah dan perbuatan yang sah dalam memberi bantuan dan melindungi harta dan jua nyawa.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Abun Sui, soal kebajikan Anggota Polis. Ini memang menjadi keutamaan Kementerian Dalam Negeri dan juga kerajaan yang sentiasa memberi perhatian kepada soal-soal berkaitan dengan kebajikan Polis. Sebab itu, KDN dan Polis Diraja Malaysia- setakat ini, dalam *Rolling Plan* Kelima, Rancangan Malaysia Ke-12, sejumlah RM3.878 bilion dimohon oleh KDN bagi projek-projek baharu IPK, IPD, balai polis dan juga kediaman untuk tahun 2025. Juga, berkaitan dengan elaun dan juga, gaji juga dalam semakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Seterusnya, sahabat saya Yang Berhormat Ti Lian Ker, ini berkaitan juga dengan kadar denda, Yang Berhormat. Sebenarnya, pindaan ini dibuat bertujuan untuk meminda seksyen 26, Akta 344 bagi menaikkan penalti bagi kesalahan tidak mematuhi apa syarat yang munasabah yang diberikan oleh pegawai polis yang menghendaki orang atau kenderaan untuk berhenti sebelum sampai mana-mana sekatan.

Pindaan kadar denda ini agar ia selari dengan kadar denda di bawah seksyen 78, Akta Pengangkutan Jalan, Akta 1987. Itu Akta 333, di bawah Kementerian Pengangkutan. Maknanya, pindaan ini selari supaya tidak ada perbezaan antara satu sama lain.

Yang Berhormat juga membangkitkan, apakah harapan dan pelaksanaan ini ke arah memperkasa tadbir urus yang baik dan berkaitan dengan keselesaan kepada rakyat.

Saya nak sebut bahawa RUU Polis (Pindaan) 2024 ini penting dan wajar dilaksanakan. Sebagaimana saya sebutkan tadi, ia selari dengan peredaran masa kini dan tentunya, bagi memastikan pentadbiran Pasukan Polis, khususnya berkaitan dengan tata tertib dapat berfungsi dengan lebih berkesan, meningkatkan kesedaran awam, mewujudkan mekanisme cegah rintang bagi keselamatan bersama dan mengiktiraf kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam pasukan Polis Diraja Malaysia.

Merujuk kepada isu yang dimainkan di media bahawa kelulusan pindaan ini dikatakan dilakukan secara tergesa-gesa tanpa melibatkan sesi libat urus, terutama dengan melibatkan pihak-pihak berkepentingan dan tidak mencerminkan amalan demokrasi di Malaysia. Sebenarnya, setiap rang undang-undang yang dibuat oleh kerajaan, Kementerian Dalam Negeri dan juga PDRM, kita melalui proses yang betul dan sewajarnya. Sudah tentu, untuk membolehkan rang undang-undang ini dibentangkan, telah banyak sesi libat urus diadakan. Pembentangan dibuat dalam mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapat keputusan dasar dan rang undang-undang kepada Jemaah Menteri pada bulan November 2023 lalu.

Kita juga mengadakan sesi libat urus bersama dengan kementerian dan agensi-agensi terlibat pada bulan November juga, pada 2023 yang lalu. Bermakna, sesi libat urus dengan kementerian dan agensi berkaitan juga dibuat dan sebagaimana saya sebutkan tadi bahawa pembentangan kepada Majlis Raja-Raja juga telah dilakukan untuk mendapat perkenan pada 20 Februari 2024 dan sebenarnya, sesi libat urus bersama dengan Ahli-ahli Parlimen dibuat pada Mac 2024 yang lalu.

Datuk Yang di-Pertua, saya rasa saya jawab. Saya faham, ada lagi yang tak jawab kerana itu sebahagian besar tidak ada kaitan dengan persoalan yang dibangkitkan. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua: Itu prosedur dia.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Yes.

Timbalan Yang di-Pertua: Apa-apa tak berkenaan dengan RUU ini, YB tak payah jawab. Itu prosedur dia.

Dato' Sri Ti Lian Ker: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Boleh saya tamatkan?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Boleh saya minta laluan sebab sememangnya saya nak memberi Yang Berhormat Timbalan Menteri habiskan ucapan. Sebab saya pun terpanggil untuk menyentuh tentang imbas balik pada jawapan terhadap *KK Mart*.

Ramai orang tertanya-tanya apabila Tan Sri Lim Kit Siang cuma terjemahkan Perlembagaan mengenai kebole- *possibility of non-Malay become a Prime Minister*. Beliau telah disiasat, tetapi dalam kes *KK Mart* ini, kita ada Akta Hasutan yang tidak membenarkan orang menghasut terhadap satu kaum, satu kumpulan ataupun satu kelas dan sebagainya, tetapi dalam *social media*, tiap-tiap hari kita dapat baca.

Ada sasaran daripada pemuda PKR, pemuda BERSATU pun bahawa ada seorang tokoh telah- bukan sahaja menghasut ataupun dilihat sebagai menghasut, tetapi juga ada gambar membawa pedang. Saya rasa, ini satu *imaginary* yang tidak baik. Memang satu hasutan.

Tidakkah Polis terpanggil untuk membuat siasatan ataupun amaran kepada tokoh sedemikian supaya ini tidak menjadi satu *example*, satu contoh, satu teladan kepada orang ramai? Negara kita ini negara majmuk. Sensitiviti dan *the facture* amat mungkin berlaku kalau kita tidak mengawal. Itulah kita mempunyai Akta Hasutan. Kita mempunyai penguatkuasaan yang *strict* dan sebagainya.

Jadi, soalan saya, adakah Polis terpanggil untuk membuat siasatan ataupun amaran kepada sekian, sekian supaya benda ini tidak berlaku berterusan? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri.

Datu' Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk lagi menjawab berkaitan isu KK Mart kerana kenyataan media telah pun dibuat oleh Menteri Dalam Negeri juga oleh PDRM, bimbang kenyataan yang bercanggah di sini.

Cuma saya nak sebut bahawa tidak ada siapa yang boleh melanggar undang-undang negara. Mana-mana pihak dalam negara ini tidak mengira siapa, langgar undang-undang, tindakan akan diambil oleh pihak berwajib mengikut peraturan dan undang-undang yang ada. Sebab itu nasihat saya supaya rakyat di negara memberi kepercayaan kepada pihak berkuasa untuk menangani isu ini kerana keutamaan kita ialah keselamatan negara juga ketenteraman awam. Siasatan Polis sebenarnya telah pun dilaksanakan ketika ini. Terima kasih.

Terima kasih Yang Berhormat. Demikian sahaja penggulangan saya mengenai Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024. Terima kasih kepada semua yang memberikan pandangan. Mana-mana yang tak dapat saya jawab, kita akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih YB Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 10 -

Timbalan Pengerusi: Ada Ahli Dewan yang nak berbahas?

5.22 ptg.

Tuan Abun Sui Anyit: Tuan Pengerusi, saya ada satu idea untuk dikemukakan sebelum kita lanjut. Ya, satu kebiasaan di negara kita ini saya perhatikan apabila pihak tertentu, Jabatan Polis kah dan sebagainya, gagal melakukan tugas selalu disalahkan Perdana Menteri, selalu disalahkan Menteri ataupun Timbalan Menteri. Bagi saya, ini satu sikap yang tidak bagus dalam politik kerana masing-masing ada tugas dan ini sangat dijelaskan oleh Perdana Menteri di mana dia mengatakan Polis melaksanakan siasatan, Peguam Negara melaksanakan- menuduh di mahkamah, manakala mahkamah membuat keputusan.

Jadi justeru itulah, saya berharap supaya semua kita rakyat di negara ini pun pegang perkara ini. Apabila ada sesuatu kesalahan jenayah, Polis ada di situ. Saya pun berharap supaya Polis jangan takut untuk melaksanakan tanggungjawab supaya jangan kerana Polis tak buat tanggungjawab nanti, Perdana Menteri disalahkan, Menteri disalahkan, Timbalan Menteri disalahkan, ini tidak patut. Jadi, itu saja saya punya perbahasan untuk perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Pengerusi: Itu sebenarnya perkara itu tak berkenaan dengan akta ni YB, tapi ada lagi, siapakah nak berbahas lagi? Kalau tidak ada, saya minta YB Menteri untuk meneruskan menjawab. Tak perlu jawab pun. Tak ada berkenaan dengan akta.

[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara (Puan Saraswathy a/p Kandasami) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah urusan kita pada hari ini. Dengan ini, saya menangguhkan Dewan sehingga jam 10 pagi, 2 April 2024.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.25 petang]